

90 - 2964

PILIHAN RAYA UMUM KE - 8

MAHATHIR 'MACHIAVELLI' MALAYSIA?



ZAKRY ABADI

90 - 2964

**MAHATHIR
'MACHIAVELLI'
MALAYSIA?**

84451
NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
6 SEP 1990

MAHATHIR 'MACHIAVELLI' MALAYSIA?

ZAKRY ABADI



*SARJANA ENTERPRISE
KUALA LUMPUR*

Sarjana Enterprise
9B-2, Bangunan Sri Pantai, Jalan Pantai Baru,
59200 Kuala Lumpur

Cetakan Pertama Julai 1990
© *Hakcipta Zakry Abadi*

Hakcipta terpelihara. Tidak di benarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengurus, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur.

Di atur huruf oleh: *Redspot Design Centre*.
Muka Taip teks: Times
Saiz Taip teks: 11pt

Diedar oleh:
Sinarmal Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur.
Tel: 7550914 Fax 03-7557982

Dicetak oleh:
Polygraphic Press Sdn. Bhd.,

Harga: \$15.00

" UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh pemimpin yang baru. Tetapi pemimpin dan kepimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu diper-tahankan semata-mata kerana ia pemimpin, ianya juga tidak harus dilemahkan dengan sengaja. Tidak ada kebaikan dari kepimpinan yang lemah sepetimana tidak ada munafaat dari pertubuhan yang lemah."

- Dr. Mahathir Mohamad
1 Julai 1976.

KANDUNGAN

I PENDAHULUAN PENERBIT	x
II PENGANTAR PENGARANG	xii
1. PILIHANRAYA DAN PENGUNDI	1
Mahathir main teka-teki? Lebih 8 juta keluar mengundi. Johor paling ramai tambah pengundi. Kerajaan tidak stabil? Akta Pilihanraya patut dipinda? Perbelanjaan Pilihanraya amat besar? Jumlah kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri. Penyertaan parti-parti politik.	
2. KAWASAN, UNDI CALON DAN MAJORITI UNDI	20
10 kawasan paling banyak jumlah pengundi. 10 kawasan paling sedikit jumlah pengundi. 10 calon paling banyak terima undi. 10 calon paling sedikit terima undi. 10 calon paling banyak majoriti undi. 6 calon paling sedikit majoriti undi. 15 kawasan paling banyak undi rosak. Jumlah calon hilang wang pertaruhan.	
3. BN DAN ANGKATAN	34
Kemunculan ANGKATAN tidak boleh dipertikaikan. Tugas ANGKATAN menumbangkan BN? Hampir 2 juta pengundi sokong pembangkang. Lebih 21/2 juta pengundi sokong BN. Kerja mudah : mencaci dan mencela. Mahathir banyak masalah. Mengapa pembangkang gagal juga? Ke mana ANGKATAN hendak bawa rakyat?	
4. STRATEGI PEMBANGKANG	42
Trend pengundi mulai berubah. Ulasan buku kecil Semangat 46. 8 kumpulan kawasan pengundi. Analisa setiap kawasan. Dulunya mereka bermusuh, sekarang bersahabat.	

5. ULASAN DAN PANDANGAN	57
Kemungkinan kalah, berkemungkinan menang. Majoriti sedikit, bezanya tidak banyak. 22 kawasan jadi medan pertandingan. Peraturan undi pembangkang dalam 33 kawasan. 10 kawasan milik pembangkang (ANGKATAN). Pembangkang selewengkan undi? Calon paling tadah harus letak jawatan. Pengundi serba salah?	
6. UNDI MELAYU DAN BUKAN MELAYU	65
ANGKATAN menang 102 kerusi Parlimen? Asaskan dua pilihanraya kecil Parlimen. Agihan kerusi yang sulit. Semangat 46 dan PAS berebut kerusi? PAS berhak menerima kerusi lebih. Calon Semangat 46 harus pindah kawasan. Kekalahan PAS punca diri sendiri. Semangat 46 sama dengan parti SDP?	
7. SIKAP DAN PENDIRIAN PARTI-PARTI POLITIK	73
Pandangan PAS dan Semangat 46 kepada BN. • Subjektif lawannya objektif. Mainan orang-orang politik. PAS isytiharkan Deklarasi 2 Dzulkaedah. PAS kemuka 13 tuduhan. Kepimpinan PAS tidak melambangkan Islam sejati. Peristiwa bakar akhbar dan bakar wartawan. PAS gesa Jemaah jangan ke Mekah. Adakah kebenaran itu suatu kenyataan? Penyelesaian PAS cerita lama.	
8. MAHATHIR ‘MACHIAVELLI’ MALAYSIA?	81
Gejala yang melahirkan Semangat 46. Kezaliman dan diktatorship. Lebih 40 tahun PAS tidak juga menang. PAS berkawan dengan musuhnya? UMNO kehilangan pengaruh? Sejauh mana pembangkang boleh gugat BN? Mahathir ubah sikap dan gaya hidup. Mahathir menyamai Niccolo Machiavelli? Imej negara muncul mendadak? 2 perkara yang ditentang oleh pembangkang. Pindaan pelbagai akta. Semangat 46 perlukan masa 40 tahun?	

9. PEMIMPIN ABAD KE 21

95

Kepimpinan berpotensi.
Jatuh satu demi satu.
Sembahyang hajat.
Anwar Ibrahim.
Tan Sri Dato' Muhammad Mohd. Taib.
Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin.
Perhimpunan Melayu Johor
Merajuk dan patah hati.

10. KONFLIK KEPIMPINAN DALAM MCA

112

Konflik kepimpinan dalam MCA berlarutan?
Sejarah konflik kepimpinan dalam MCA.
Bolehkah Dato' Lee tentang Dr. Ling?
Mengapa Dr. Ling Liang Sik harus ditentang?
Kumpulan pensedak dalam MCA jadi chauvinis Cina?
Juara suku kaum sukar berjaya.
Setiap suku kaum terpaksa mengorbankan kepentingan
dan nilai untuk bentuk peradaban nasional.
MCA tidak mewakili masyarakat Cina?
MCA perlu meningkatkan keupayaan parti.

11. DATUK MUSA BERSARA DARIPADA POLITIK? 120

Krisis UMNO kerana Datuk Musa?
Letak jawatan suatu kekecewaan politik?
Kebanyakan pemimpin politik Johor kecawa.
Kesan kepada penyokong politik Datuk Musa.
Luka Datuk Musa amat parah.
Umumkan persaraan politik dari luar negeri.
Kenyataan bersara atau hasrat bersara?
Kenyataan yang boleh berubah-ubah.
Kesan peninggalan politik Datuk Musa.
Bayangan Datuk Musa masih ada.
Ghafar Baba muncul mendadak?

12. SIAPA DAJAL, UMNO ATAU MAHATHIR?

127

Tunku terus kritik UMNO.
Orang Melayu tak pandai bermiaga?
UMNO tak ubah seperti Dajal?
Siapa Dajal, UMNO atau Mahathir?
Benarkah pemerintahan Mahathir mendekati kezaliman
Dajal?
Tuduhan Tunku keterlaluan dan melulu.

Mahathir tidak penting; yang penting apa yang dibuatnya untuk kebaikan dan kemajuan bangsa.

Dajal kononnya boleh bawa manusia ke syurga dan neraka.

Adakah Mahathir juga begitu?

Mudah-mudahan Allah memberkati kebaikan Tunku ketika di atas tikar sembahyang.

13. PEMILIHAN BAHAN RUJUKAN **150**

- a. SIAPA KATA BARISAN NASIONAL TIDAK BOLEH KALAH? - 151
(buku kecil terbitan parti Semangat 46)
- b. DEKLARASI 2 DZULKaedah TERBITAN PARTI PAS - 173
- c. KEPUTUSAN PENUH PILIHANRAYA UMUM PARLIMEN 1986 - 177
- d. KEPUTUSAN PENUH PILIHANRAYA UMUM NEGERI 1986 - 210

14. INDEKS **295**

PENDAHULUAN PENERBIT

Setelah membaca dan meneliti buku terbaru Sdr Zakry Abadi berjodol 'BN & APU Siapa Berkuasa?' yang diterbitkan pada penghujung bulan Mei lalu, saya percaya penulisnya mempunyai kemampuan dan pengetahuan yang cukup luas di dalam bidang politik. Ini tidak menghairankan kerana sebelum ini, beliau banyak menulis dan mengulas pergelakan politik semasa di samping seorang sasterawan dan aktivis sastera yang amat dikenali di seluruh Malaysia.

Berasaskan kemampuan dan pengetahuannya itu, pihak Sarjana Enterprise berasa gembira mendapat kerjasama penulis ini untuk menerbitkan buku politik yang kedua dituliskannya bagi tahun ini dengan judul 'Menjelang Pilihanraya Umum Kelapan. 'Mahathir 'Machiavelli' Malaysia?'

Tajuk ini dipilih berdasarkan satu bab di dalam buku ini yang dikira amat menarik untuk dibahaskan, iaitu berhubung dengan perbandingan dua orang tokoh politik yang kebetulan menghadapi keadaan dan cabaran yang sama di dalam usaha mereka membangunkan kemajuan bangsanya, walaupun di dalam zaman yang berlainan. Kedua-duanya ialah Niccolo Machiavelli tokoh politik Itali dan Dr. Mahathir Mohamad, pemimpin politik di Malaysia masa kini.

Selain dari tajuk ini digunakan, keseluruhan kandungan buku ini mencetuskan pelbagai analisa dan jangkaan berdasarkan pilihanraya umum yang lalu dan pilihanraya umum yang akan diadakan tidak lama lagi. Dalam hubungan ini, penulisnya juga telah membuat pelbagai kritikan terhadap parti-parti politik tertentu, di samping memberikan pula pelbagai harapan kepada kepimpinan parti-parti politik tersebut. Ini adalah salah satu sifat dan cara pendekatan yang sering digunakan oleh Zakry Abadi di dalam kebanyakan penulisannya.

Saya percaya buku ini mempunyai kelainan dengan buku-buku politik yang lain. Ia mengandungi bahan dan pemikiran yang amat berguna kepada parti-parti politik untuk melihat diri mereka sendiri dan dengan membaca seluruh kandungannya, pembaca mungkin akan mendapat perspektif yang lebih luas untuk persediaan menghadapi pilihanraya umum yang akan datang.

15 Julai 1990

- **Ahmad Hj. Yusof**
Penerbit
SARJANA ENTERPRISE

PENGANTAR PENGARANG

Ketika kandungan buku ini sedang saya kerjakan, buku politik saya yang pertama saya tuliskan bagi tahun ini berjudul 'BN & APU Siapa Berkuasa?' sedang berada di dalam pasaran. Menurut penerbitnya Edaran Ilmu Sdn. Bhd. buku tersebut sedang mendapat pasaran yang luas di kalangan pembaca, terutamanya di kalangan pemimpin-pemimpin dan aktivis-aktivis politik tanahair.

Biasanya sebagai penulis dan pengulas politik, sambutan besar pembaca terhadap buku-buku yang ditulisnya menjadi 'saham terbesar' kepada kegiatan seseorang penulis. Ini tidak bermakna bahawa 'saham' tersebut bersifat keuntungan dan penulis menjadi 'mewah' kerananya. Penulis buku di Malaysia, buku apa pun, amat sukar menjadi mewah hanya kerana menulis. Sebab itu Sasterawan Negara A. Samad Said mengambil tindakan 'mogok' selama setahun kerana masalah birokrasi sastera dan sebelum itu, seorang penyair, Suhaimi Haji Muhammad pernah menyebutkan bahawa untuk menjadi seorang penulis yang baik dan bagus, dia hendaklah seorang yang kaya.

Sekalipun tindakan A. Samad Said dan pendapat Suhaimi Haji Muhammad itu tidak saya setujui, tetapi dari segi konsepnya kedua-dua penulis berkenaan bertindak dan mengeluarkan pen-

dapat berasaskan keperluan ‘saham’ yang bersifat mewah ini. Bagi saya, apabila seorang penulis itu mendapat haknya sebagai penulis ia sudah cukup memadai. Haknya sebagai penulis adalah atas kepada ‘kemewahan’ yang dimaksudkan itu. Ini termasuklah bahawa pandangan dan pendapatnya dihargai, komen dan kritikannya diterima dengan penuh sedar, saranan dan cadangannya pula dikaji dan diteliti dengan penuh saksama dan terbuka. Inilah antara lain ‘hak penulis’ yang diperlukan di samping sambutan dan galakan pembaca.

Di dalam konteks ini, saya tidak memerlukan penghargaan daripada pembaca jika motivasi buku ini dilihat dari sudut negatif. Kebanyakan penulis mempunyai motivasi tertentu apabila menuulis sesbuah buku politik. S.H. Al-Attas dan Yahaya Ismail misalnya, kedua-duanya mempunyai motivasi tertentu apabila menuulis buku-buku politik. Soalnya sama ada kita bersetuju atau tidak dengan motivasi S.H. Al-Attas atau Yahaya Ismail, itu soal yang lain. Yang penting, motivasi buku ini haruslah dilihat dari sudut yang positif.

Minat saya menulis buku ini berasaskan kepada sambutan besar yang diberikan oleh pembaca kepada buku pertama saya tadi. Memang rancangan awalnya, bila saya memfokuskan terhadap pergolakan politik di Pulau Pinang menjelang pilihanraya ini, maka ia adalah satu fokus yang khusus tentang politik dan kepimpinan politik di Pulau Pinang. Saya bercadang, jika buku tersebut mendapat sambutan, saya akan menulis sebuah buku politik yang lain, yang lebih luas skopnya untuk tatapan pembaca. Itu pun jika kesempatan masih ada dan pilihanraya umum ke- 8 ini belum ditentukan tarikhnya.

Alhamdulillah, nampaknya kesempatan ini bukan saja masih terbuka, tetapi juga sahabat lama saya, tuan punya penerbit Sarjana Enterprise Sdr. Ahmad Haji Yusof yang kebetulan menjadi Presiden Persatuan Penjual-penjual Buku Malaysia sangat berminat untuk menerbitkan buku ini. Minatnya ini diasaskan setelah buku pertama saya tadi dibaca dan dikajinya dengan penuh teliti. Komen-komen yang diberikan kepada saya dan cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada saya berkaitan dengan isi kandungan buku ini menjadi semacam ‘fuel’ untuk saya menyiapkannya di dalam waktu yang amat terbatas.

Tujuan saya menulis buku ini adalah lanjutan daripada sebuah buku lain yang telah saya tulis dalam tahun 1987 yang lalu, iaitu

buku yang saya beri judul 'Suatu Analisa Pilihanraya Umum 86' yang cuba mengupas dan menganalisa secara rambang mengenai keputusan pilihanraya umum tahun 1986.

Setelah membaca dan mengkajinya kembali, saya mendapati buku tersebut masih banyak mengandungi kelemahan dan kekurangannya yang tersendiri, walaupun kandungan buku tersebut mendapat sambutan sehingga sekarang. Beberapa kupasan dan analisis yang saya buat di dalamnya, ternyata masih kurang dan antara satu sama lainnya tidak saling melengkapi.

Fakta-fakta yang saya kemukakan di samping keputusan penuh pilihanraya umum yang saya siarkan di bahagian belakangnya, mengandungi beberapa kelemahan, seperti tidak lengkap, tersalah cetak dan bercanggahan fakta jika dibandingkan dengan buku 'Laporan Suruhanjaya Pilihanraya' yang diterbitkan pada tahun 1988. Mengenai percanggahan fakta ini, saya suka menyebutkan bahawa fakta yang saya gunakan di dalam buku tersebut berasaskan analisa komputer yang dikeluarkan oleh sebuah institusi akhbar selepas keputusan pilihanraya umum itu dikeluarkan dan bahan tersebut digunakan seluas-luasnya oleh pihak media massa pada masa itu juga.

Tetapi selepas saya meneliti buku 'Laporan Suruhanjaya Pilihanraya' itu, saya mendapati ada beberapa percanggahan fakta yang telah berlaku antara keduanya. Sebab itu, jika pembaca membaca beberapa fakta dengan buku ini, pembaca akan dapat ada percanggahan fakta dengan buku 'BN & APU Siapa Berkuasa' yang saya terbitkan dua bulan yang lalu. Malah fakta jumlah pengundi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya kepada akhbar-akhbar pada bulan April lalu berbeza dengan fakta yang dikeluarkannya pada akhir bulan Jun lalu. Sila rujuk akhbar Berita Harian 28 April dan akhbar Utusan Malaysia 28 Jun 1990. Dalam kenyataan akhbarnya pada 28 April lalu Suruhanjaya Pilihanraya mengumumkan jumlah pengundi di seluruh Malaysia sehingga ke bulan Mac lalu ialah sebanyak 8 087 183 orang, sementara di dalam kenyataan akhbarnya pada 28 Jun lalu, jumlahnya turun kepada 8 028 298 orang; kurang kira-kira 58 895 orang. Fakta 28 Jun ini hanya bersifat 'angka sementara' dan ia akan menjadi rasmi setelah tamatnya tempoh bantahan.

Saya sengaja menimbulkan perbezaan fakta dan angka jumlah pengundi itu di sini bagi mengelakkan salah faham pembaca apabila mereka membuat kajian mengenai jumlah pengundi di

dalam kedua-dua buah buku saya ini. Apa yang boleh saya syorkan di sini berhubung dengan perbezaan angka ini ialah bahawa kedua-dua jumlah pengundi yang berbeza itu dianggap sebagai 'angka sementara' juga dan apa yang mungkin boleh kita pakai sebagai angka sebenar, ialah selepas pilihanraya umum ini nanti.

Selain bertujuan untuk melanjut dan membetulkan beberapa kelemahan di dalam buku 'Suatu Analisa Pilihanraya umum 86' itu, penerbitan buku ini juga bertujuan untuk membantu para pembaca membuat analisa dan kajian perbandingan mengenai pelbagai aspek di dalam pilihanraya umum yang lalu dengan pilihanraya umum yang akan diadakan tidak lama lagi. Analisa dan kajian perbandingan ini, saya kira amat penting bagi setiap aktivis politik, pemimpin-pemimpin dan parti-parti politik yang akan bertanding di dalam pilihanraya umum kali ini.

Analisa dan kajian perbandingan itu meliputi sebahagiannya mengenai banyak sedikitnya jumlah pengundi bagi kira-kira 10 kawasan, jumlah calon yang paling banyak menerima undi majoriti, jumlah calon yang paling sedikit menerima majoriti, calon yang paling sedikit menerima undi, jumlah calon yang paling banyak menerima undi dan beberapa fakta lain yang dikira amat menarik untuk dibahaskan. Selain itu, saya masukkan juga jumlah keseluruhan calon yang menjadi calon, jumlah calon daripada parti-parti politik, jumlah yang menang, jumlah yang kalah dan jumlah kerusi Parlimen dan kerusi ADUN bagi tiap-tiap negeri serta juga kedudukan jumlah pengundi mengikut posisi kaum di Semenanjung Malaysia.

Dengan adanya analisa dan kajian perbandingan ini, saya percaya ia menjadi amat berguna di dalam usaha parti-parti politik meninjau kembali kedudukan mereka sebagai parti politik dan kedudukan calon-calon mereka yang akan bertanding di dalam pilihanraya kali ini. Dengan menggunakan kayu ukur di dalam pilihanraya yang lalu, dapatlah parti-parti yang bertanding di dalam pilihanraya kali ini menentukan kawasan, pengaruh pengundi dan nama-nama calon yang akan dipilih kelak, supaya dengan berasaskan kajian perbandingan itu, mereka boleh meningkatkan usaha dan kempen yang lebih giat lagi di dalam kawasan-kawasan di mana pengaruh mereka tidak begitu kuat atau sebaliknya.

Selain itu, kandungan buku ini juga cuba menghuraikan pe-

ranan parti-parti pembangkang dalam usaha mereka hendak menumbangkan Barisan Nasional dan masalah-masalah 'conflict of interest' yang wujud di kalangan parti-parti pembangkang seperti PAS dengan DAP di satu pihak dan Semangat 46 dengan PAS dan DAP di satu pihak yang lain.

Dalam usaha hendak menumbangkan Barisan Nasional, saya telah cuba menghuraikan strategi dan formula andaian parti Semangat 46 berdasarkan sebuah buku kecil yang diterbitkan untuk kajian dan tindakan jawatankuasa parti-parti pembangkang menjelang pilihanraya ini. Di dalam buku kecil itu kesemua 132 kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia dipecahkan kepada lapan kumpulan dan dalam setiap kumpulan itu pula ditunjukkan jumlah peratus pengundi kaum, parti-parti yang menang dan peratus kemenangan yang dicapai oleh parti-parti politik berkenaan.

Dengan menggunakan kayu ukur ini, parti-parti pembangkang dapat melihat dan menganalisa jumlah pengundi dan peratus pengundi yang diterima oleh parti-parti komponen Barisan Nasional di dalam sesuatu kawasan dan berdasarkan jumlah dan peratus pengundi mengikut posisi kaum ini, mereka akan menentukan pula calon parti manakah yang wajar diletakkan di dalam sesuatu kawasan bagi mencari kemungkinan untuk mencapai kejayaan

Di dalam konteks ini, saya tertarik dengan formula andaian mereka bahawa berdasarkan perbezaan peratus pengundi yang sedikit yang diterima oleh parti-parti pembangkang berbanding dengan undi yang diterima oleh parti-parti di dalam komponen Barisan Nasional dulu, maka mereka boleh mencapai kemenangan di dalam 18 kawasan jika mereka hanya mendapat kelebihan antara 1% sehingga 11% saja daripada jumlah pengundi Barisan Nasional. Mereka juga akan mencapai kemenangan 8 kerusi yang lain lagi, jika mereka dapat mencuri 16% daripada jumlah pengundi Barisan Nasional. Pendeknya di dalam analisis terakhir mereka, sekurang-kurangnya 92 atau 102 kawasan Parlimen akan menjadi milik mereka. Tambahan ini termasuklah kawasan-kawasan yang dimenangi oleh calon-calon DAP, calon-calon Semangat 46 yang dulunya calon Barisan Nasional dan calon PAS.

Selain daripada mengemukakan strategi yang berdasarkan formula andaian pembangkang ini, saya juga telah cuba menyorot satu Deklarasi 2 Zulkaedah yang dibuat oleh PAS di dalam

Muktamar mereka yang diadakan di Markas Tarbiyyah PAS Pusat baru-baru ini dengan mengemukakan 13 perkara tentang keburukan dan kemungkaran pemerintahan Barisan Nasional di Malaysia dan mengemukakan 4 perkara penting yang dikira boleh menjadi alternatif kepada keburukan dan kemungkaran tersebut.

Dua perkara lain yang tidak kurang pentingnya menjadi sorotan saya ialah sorotan mengenai pengunduran Datuk Musa Hitam daripada arena politik dan siapa Dajal di dalam UMNO yang dibuat oleh Tengku Andul Putera Al-Haj. Berita pengunduran Datuk Musa Hitam daripada arena politik sebagaimana yang dinyatakan kepada seorang pemimpin UMNO di Johor melalui komunikasi telefonnya dari New York, adalah suatu berita eksklusif. Sebabnya berita persaraan tokoh UMNO yang paling kontroversi ini belum lagi tersiar secara rasmi di dalam akhbar-akhbar dan jika laporan dan sorotan yang saya buat ini menjadi benar dan sahih, maka buku ini tak ubahnya seperti sebuah akhbar harian. Sikap dan anggapan saya mengenai kedudukan Datuk Musa ini telah saya huraikan dengan jelas.

Siapa Dajal di dalam UMNO sebagaimana yang ditimbulkan oleh Tunku Abdul Rahman baru-baru ini, saya kira tidak tepat dan keterlaluan. Ulasan dan pandangan saya tentang anggapan Tunku itu telah cuba saya huraikan dan ini termasuk juga ulasan saya tentang wajar tidaknya Ketua Penerangan PAS Pusat Sdr. Subky Latif menggesa orang-orang Islam di dalam PAS supaya menangguhkan pemergian mereka ke Mekah kerana bimbangkan pilihanraya diadakan menjelang musim Haji dan isu membakar akhbar dan wartawan yang sengaja dijadikan topik yang kontroversi baru-baru ini.

Dua isu lain yang cuba saya timbulkan di dalam buku ini ialah Mahathir sebagai Machiavilli Malaysia dan krisis kepimpinan di dalam MCA. Kedua-dua isu ini amat menarik untuk dilihat dan dibahaskan.

Akhir sekali di dalam buku ini saya cuba mengemukakan tiga orang tokoh pemimpin muda di dalam UMNO yang pada pandangan saya mempunyai kemungkinan dan peluang yang amat besar untuk muncul sebagai pemimpin alternatif menjelang abad ke-21. Ketiga-tiga mereka ialah Sdr. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan dan Ketua UMNO Negeri Pulau Pinang, Tan Sri Dato' Muhammad Haji Mohd. Taib, Menteri Besar Selangor darul Ehsan dan Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yasin, Menteri

Besar Johor dan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor Darul Takzim.

Sudah pasti pemilihan yang saya lakukan ini bersifat subjektif. Ia lebih banyak bergantung kepada pandangan dan kriteria yang saya gunakan berasaskan bakat, potensi, kewibawaan dan komitmen mereka kepada bangsa, agama dan negara. Kepada orang lain, mungkin pemilihan saya ini tidak tepat dan malah mungkin pandangan yang saya asaskan kepada faktor-faktor yang saya sebutkan itu tidak relevan untuk menonjolkan mereka sebagai pemimpin pada abad ke-21. Masih ada tokoh-tokoh lain yang boleh dikemukakan.

Tetapi bagi saya peribadi, saya tidak nampak tokoh lain yang di dalam usia yang masih muda, dapat menonjolkan bakat dan potensi mereka sebagai pemimpin pelapis. Selain daripada bakat, potensi, kewibawaan dan komitmen mereka, hasil kepimpinan mereka juga telah memperlihatkan kemajuan yang pesat, terutamanya kemajuan-kemajuan sosio-ekonomi yang dicapai oleh rakyat di negeri-negeri di mana mereka menjadi pemimpinnya.

Memang sebagai pemimpin dan hamba Allah yang lemah, mereka tidak terlepas daripada melakukan kelemahan dan kesilapan. Anwar Ibrahim dan Tan Sri Dato' Muhammad Mohd. Taib misalnya, terdapat beberapa kelemahan dan kesilapan. Begitu juga Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yasin, beliau juga tidak terlepas daripada kelemahan dan kesilapan. Di dalam semua aspek kelemahan dan kesilapan ini, saya telah membuat beberapa kritikan terhadap mereka. Tetapi pada akhirnya, saya mendapati bahawa kelemahan dan kesilapan yang mereka lakukan itu tidaklah begitu besar dan memudararatkan bangsa, agama dan negara kita. Kelemahan dan kesilapan mereka, lebih diasaskan kepada kelemahan dan kesilapan orang-orang muda.

Kita tidak boleh terlalu banyak menggantungkan kepada hasil yang mereka capai bagi membolehkan kita mengangkat mereka sebagai pemimpin alternatif. Tetapi jika kita melihat mereka mempunyai bakat, mempunyai potensi, mempunyai visi dan misi ke arah meningkatkan kemajuan bangsa kita, maka kita tidak patut menolak bakat, potensi, visi dan misi mereka itu hanya semata-mata kerana kita tidak menyukai mereka atau kerana atas kelemahan dan kesilapan peribadi mereka yang tidak begitu mudarabat.

Satu perkara yang perlu saya jelaskan di sini ialah bahawa kepimpinan alternatif bagi bangsa Melayu menjelang abad ke-21

ini, bukanlah tiga orang ini saja. Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Sri Sanusi Junid, Datuk Sri Ramli Ngah Talib, dan Datuk Sri Najib Tun Abdul Razak adalah sebahagian daripada pemimpin-pemimpin yang mempunyai bakat dan potensi untuk muncul sebagai pemimpin. Tetapi kebanyakannya daripada mereka ini, pada umumnya, tidak mempunyai penyokong yang kuat. Malah kedudukan mereka sendiri masih bergantung kepada kekuatan dan bayang-bayang pemimpin yang lain. Jika bayang-bayang pemimpin mereka itu hilang, bayangan mereka juga akan hilang.

Anwar Ibrahim, Muhammad Haji Mohd. Taib dan Haji Muhyiddin Haji Mohd Yasin, sekalipun tidak banyak bezanya dengan nama-nama pemimpin yang saya sebutkan tadi, namun asas kekuatan mereka, bakat dan potensi mereka, kewibawaan dan komitmen mereka, kelihatan lebih menonjol daripada nama-nama yang saya namakan tadi. Apa yang mungkin terjadi selepas ini ialah, sama ada ketiga-tiga nama yang saya pilih ini dapat mempertahankan kredibiliti mereka atau sebaliknya sebahagian daripada nama-nama pemimpin yang saya sebutkan kemudian tadi boleh melompat ke atas dan memijak ketokohan mereka, hanya masa dan keadaan sajalah yang akan menentukannya.

Dalam hubungan ini, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, terutamanya kepada isteri dan anak-anak saya yang banyak memberikan dorongan dan semangat kepada saya sehingga di dalam waktu yang amat singkat, buku ini dan buku yang sebelumnya dapat diterbitkan tepat pada waktunya, waktu menjelang pilihanraya dan waktu di mana semua daripada kita akan menentukan parti manakah yang wajar dan layak kita pilih sebagai parti yang boleh memberikan kesejahteraan kepada kehidupan kita dan anak cucu kita untuk tempoh lima tahun yang akan datang.

Mudah-mudahan kandungan buku ini ada manfaatnya kepada kita semua.

Terima kasih.

15 Julai, 1990.

Zakry Abadi

I. PILIHANRAYA DAN PENGUNDI

Sehingga buku ini ditulis, tidaklah dapat dipastikan bilakah sebenarnya Pilihanraya Umum yang kelapan diadakan di seluruh Malaysia. Pelbagai ramalan yang telah cuba ditonjolkan dan pelbagai spekulasi telah cuba dicetuskan, tetapi Perdana Menteri Malaysia ini ‘pukul tak tahu’ saja seolah-olah sengaja membiarkan tarikh pilihanraya ini menjadi teka-teki kebanyakan orang. Dan bagi kebanyakan pemimpin pembangkang, ‘teka-teki’ ini menyebabkan mereka menjadi tidak tentu arah.

Di dalam buku saya yang baru diterbitkan berjudul ‘BN & APU Siapa Berkuasa’ soal bilakah pilihanraya akan diadakan telahpun saya bangkitkan. Saya menyebutkan antara lain, ada ramalan yang menyatakan pilihanraya akan diadakan seawal-awalnya bulan Jun atau Julai ataupun bulan Ogos. Alasannya (bulan Jun sudah habis) bulan Julai atau Ogos adalah paling sesuai kerana pada masa ini, Persidangan G15 dan Persidangan Dewan Rakyat sudah pun habis. Begitu juga Jemaah Haji sudah pun pulang dan sekolah juga akan bercuti. Dan yang pentingnya pendaftaran pemilih bagi awal tahun 1990 telah pun selesai dijalankan. Yang masih tinggal dan belum dilaksanakan lagi ialah Perhimpunan Agung UMNO yang dijangka akan diadakan akhir tahun ini.

Berasaskan perkara-perkara besar telah pun selesai, tidak ada sebab mengapa pilihanraya umum ini ditangguh-tangguhkan lagi. Apalagi pilihanraya bagi negeri Sabah telah pun ditetapkan pada minggu ketiga bulan Julai ini. Ini bermakna bahawa pilihanraya umum perlu diadakan pada bulan-bulan yang saya sebutkan di atas tadi bagi menentukan supaya 'jarak' antara pilihanraya di Sabah dengan di Semenanjung tidak terlalu jauh.

Bagaimanapun, kuasa sebenarnya bagi menentukan tarikh pilihanraya ini ialah kerajaan, Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong. Dalam konteks ini, Dr. Mahathirlah yang berhak menentukan segala-galanya. Bukan kerajaan dan bukan Yang di-Pertuan Agong.

Bagaimanapun mengingatkan pilihanraya kecil di Melaka dan Terengganu akan terus diadakan berdasarkan Perlembagaan, maka besar kemungkinan pilihanraya umum ini tidak akan diadakan segera. Sepatutnya jikalau pilihanraya umum hendak diadakan segera, kekosongan kerusi ADUN di Melaka dan di Terengganu berikutan dengan meninggalnya wakil Kuala Linggi Allahyarham Bahari Hassan (Melaka) dan wakil Kijal Allahyarham Mohamad Mohd. Amin (Terengganu) pilihanraya kecil tidak perlu diadakan dan ia boleh disekalikan dengan pilihanraya umum. Ini dapat menjimatkan belanja dan ini juga dapat mengelakkan calon yang menang menjadi 'Yang Berhormat' dalam waktu yang pendek. Bagaimanapun nampaknya hipotesis ini, tinggal hipotesis semata-mata. Pihak pembangkang pun, akhir-akhir ini, nampaknya seperti hilang semangat untuk berkempen lagi kerana teka-teki tentang tarikh pilihanraya ini semacam sengaja dipermainkan oleh Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Ini sungguh melucukan!

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir sudah tidak boleh bermain 'teka-teki' selama-lamanya. Masanya akan tiba juga bahawa satu tarikh Pilihanraya Umum yang kelapan bagi Malaysia akan tetap diadakan. Dan tarikh ini tidak mungkin lewat daripada Perhimpunan Agung UMNO. Ini amat penting. Jika pilihanraya ini diadakan selepas Perhimpunan Agung UMNO, besar kemungkinan parti itu akan menjadi kucar-kacir. Organisasi parti UMNO, seperti yang kita lihat hanya baru tertubuh. Kedudukan ahli-ahlinya masih dipertingkat penyusunan sedangkan di dalam perhimpunan ini sebuah Jawatankuasa Majlis Tertinggi parti akan dipilih oleh perwakilan.

Masalah yang berbangkit ialah masalah yang akan timbul di dalam mesyuarat-mesyuarat cawangan dan bahagian. Oleh kerana pada tahun ini tidak ada pemilihan jawatankuasa Cawangan dan Bahagian, maka besar kemungkinan minat ahli-ahli untuk menghadiri mesyuarat tidak begitu besar. Ini boleh menyebabkan qoram mesyuarat tidak berkecukupan dan jika ini berlaku sukar untuk Cawangan dan Bahagian memilih perwakilan untuk menghadiri perhimpunan agung parti.

Dalam menghadiri situasi semacam ini, tidak mustahil akan timbul pembelian 'wakil' haram ke majlis perhimpunan dan jika kejadian ini berlaku, lagi sekali peristiwa perhimpunan tahun 1987 akan berulang di mahkamah. Akhirnya selepas UMNO lama berkubur, UMNO baru pula terdedah kepada 'moral imejnya' yang paling buruk.

Oleh sebab itu, pilihanraya umum perlu diadakan segera, setidak-tidaknya sebelum Perhimpunan Agung UMNO atau sebelum berakhirnya tahun 1990. Ini dikira munasabah demi menjaga kebaikan parti dan kerajaan sekalipun tarikh sebenarnya boleh diadakan sehingga ke bulan Oktober 1991.

Untuk menghadapi pilihanraya ini, kira-kira 8 087 183 orang rakyat yang berhak mengundi telah pun mendaftarkan nama sebagai pengundi sehingga ke akhir bulan Mac lalu. Dalam pilihanraya umum tahun 1986 lalu hanya sebanyak 6 791 446 orang telah berdaftar sebagai pengundi. Tetapi yang keluar mengundi hanya sebanyak 4 625 272 orang sahaja, sementara undi yang ditolak ialah sebanyak 126 734 orang. Ini bermakna lebih sejuta pengundi baru telahpun mendaftarkan nama mereka sebagai pengundi. Di bawah ini diperturunkan secara kasar jumlah pengundi tahun 1990 berbanding dengan tahun 1986 dan kelebihannya sebagai perbandingan:

JUMLAH PENGUNDI TAHUN 1990 DAN 1986 (Angka dalam ratus ribu)

BIL.	NEGERI	TAHUN 1990	TAHUN 1986	KELEBIHAN
1.	Perlis	99	85	14
2.	Kedah	670	598	72
3.	Kelantan	550	469	81
4.	Terengganu	333	273	60

Sambungan dari ruka surat 3.

BIE:	NEGERI	TAHUN 1990	TAHUN 1986	KELEBIHAN
5.	P.Pinang	567	522	45
6.	Perak	1053	954	99
7.	Selangor	940	763	177
8.	Pahang	460	380	80
9.	Wilayah	537	473	64
10.	N.Sembilan	350	298	52
11.	Melaka	269	242	27
12.	Johor	988	767	221
13.	Sarawak	701	556	145
14.	Sabah	546	390	156
15.	Labuan	16	12	4
	Jumlah	8087	6791	1297

Angka di atas adalah jumlah pengundi secara umum saja. Adalah sukar untuk mendapatkan jumlah sebenar pengundi mengikut posisi kaum di negeri-negeri berkenaan. Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya sendiri pun, ketika diminta, keberatan untuk memberikan jumlah angka yang sebenar. Oleh yang demikian, sehingga selepas pilihanraya, kedudukan sebenar jumlah pengundi mengikut kaum akan payah diperolehi.

Bagaimanapun berdasarkan jumlah pengundi negeri-negeri di atas, kita boleh melihat bahawa negeri Johor adalah negeri yang paling banyak meningkat jumlah pengundinya, iaitu bertambah sebanyak 221 000 pengundi. Negeri kedua ialah negeri Selangor Darul Ehsan meningkat sebanyak 177 000 pengundi. Sabah sebanyak 156 000 pengundi, diikuti Sarawak sebanyak 145 000 pengundi, Perak 99 000 dan Kelantan 81 000 pengundi. Negeri yang paling sedikit pertambahan pengundinya ialah Perlis, iaitu bertambah sebanyak 14 000 pengundi. Pahang sebanyak 80 000 pengundi, sementara Labuan Sabah pertambahannya ialah sebanyak 4000 pengundi, termasuk jumlah pengundi 1986, ia berada di paras 16 000 lebih sedikit.

Berdasarkan tambahan umum ini, adalah sukar memastikan nisbah pertambahan pengundi itu ditinjau dari sudut posisi kaum. Tanpa pembahagian daripada sudut ini, kita tidak dapat menentukan sama ada pertambahan tersebut mengakibatkan

pertambahan pengundi Melayu, Cina atau India, dan sebagainya. Bagaimanapun sebagai asas analisa dan perbandingan kita boleh mengemukakan analisis pengundi berdaftar mengikut majoriti kaum di Semenanjung Malaysia untuk tahun 1986 seperti berikut:

ANALISIS PENGUNDI BERDAFTAR MENGIKUT MAJORITI KAUM DI SEMENANJUNG

(Kiraan dalam ribuan & peratus)

NEGERI	PENGUNDI	% MELAYU	% CINA	% INDIA	MAJORITI
1. Perlis	35	82%	15%	3%	Melayu
2. Kedah	5987	74%	18%	8%	Melayu
3. Kelantan	469	93%	5%	2%	Melayu
4. Terengganu	273	94%	6%	-	Melayu
5. P.Pinang	5223	4%	57%	9%	Cina
6. Perak	954	44%	11%	12%	Cam-puran
7. Pahang	380	64%	28%	8%	Melayu
8. Selangor	763	48%	37%	7%	Cam-puran
9. Wilayah	473	31%	58%	11%	Cina
10. Negeri Sembilan	280	47%	38%	11%	Cam-puran
11. Melaka	2425	1%	42%	7%	Melayu
12. Johor	7835	4%	1%	5%	Melayu
Jumlah					
Peratus	45 313	55%	36%	9%	

1. Majoriti Melayu - 7 negeri
2. Majoriti Cina - 2 negeri
3. Majoriti campuran - 3 negeri
4. Jumlah - 12 negeri.

Perlu disebutkan semua perangkaan ini berasaskan Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986 dan diterbitkan pada tahun 1988, sedangkan perangkaan yang saya muatkan di dalam buku 'Suatu Analisa Pilihanraya Umum 86' dan buku 'BN & APU

Siapa Berkuasa? berasaskan laporan komputer yang diterbitkan oleh NUJ tahun 1986 lalu.

Berdasarkan analisis pengundi berdaftar mengikut majoriti kaum di seluruh Semenanjung (1986) dan membandingkannya pula dengan pertambahan pengundi yang berlaku di negeri-negeri berkenaan (1990), saya masih percaya bahawa kedudukan tujuh negeri seperti yang tersebut di atas, masih majoritinya Melayu, dua negeri majoritinya Cina dan tiga negeri masih majoritinya Campuran. Tetapi jika Sabah dan Sarawak majoritinya bukan Melayu, maka kedudukannya adalah sama, iaitu majoriti Melayu tujuh negeri dan majoriti bukan Melayu tujuh negeri.

Persamaan majoriti yang seperti ini, daripada segi intergrasi kaum memanglah wajar. Daripada segi realiti politik sekarang, tidak ada sesiapa lagi yang boleh mendakwa bahawa negeri ini adalah negerinya sendiri dan orang lain cuma imigran. Bagi nasionalis Melayu realiti ini adalah menyakitkan. Ketuanan Melayu yang kita laung-laungkan selama ini nampaknya semakin dihakis sejarah dan ia telah tenggelam ditelan oleh realiti politik pelbagai kaum. Siapa boleh menafikan hal seperti ini di dalam keadaan seperti sekarang?

Setelah kita melihat jumlah pengundi dan peratus pengundi kaum-kaum yang ada di Semenanjung Malaysia, di bawah ini saya kemukakan pula arah ke manakah pengundi-pengundi itu memilih calon dan parti-parti politik yang mereka yakini. Bagi memudahkan analisis, saya memecahkan aliran pengundian ini kepada dua blok, iaitu blok parti-parti yang bergabung di dalam Barisan Nasional dan blok parti-parti yang bersifat pembangkang:

JUMLAH UNDI YANG DITERIMA DI DALAM BLOK PARTI BARISAN NASIONAL.

BIL.	NAMA PARTI	JUMLAH UNDI	PERATUS UNDI
1.	UMNO	1 474 038	31.06%
2.	MCA	589 289	12.42%
3.	MIC	104 601	2.21%
4.	GERAKAN	149 644	3.15%
5.	HAMIM	29 943	0.63%
6.	SNAP	34 221	0.72%

Sambungan dari muka surat 6

BIL.	NAMA PARTI	JUMLAH UNDI	PERATUS UNDI
7.	SUPP	93 018	1.96%
8.	PBDS	24 822	0.52%
9.	PBB	48 367	1.02%
10.	PBS	73 786	1.55%
11.	USNO	27 409	0.58%
Jumlah		2 649 238	57.28%

JUMLAH UNDI YANG DITERIMA DI DALAM BLOK PARTI PEMBANGKANG

BIL.	NAMA PARTI	JUMLAH UNDI	PERATUS UNDI
1.	DAP	975 544	21.09%
2.	PAS	716 952	15.50%
3.	SDP	45 340	0.98%
4.	NASMA	10 288	0.22%
5.	PLUS	967	0.02%
6.	BERJAYA	20 360	0.44%
7.	MOMOGUM	584	0.01%
8.	BEBAS	146 903	3.18%
9.	PSRM	59 156	1.28%
Jumlah		1 916 878	42.72%

Julah pengundi bagi kedua-dua blok ini ialah jumlah pengundi yang keluar mengundi, bukannya pengundi yang berdaftar, iaitu daripada jumlah pengundi berdaftar di seluruh Malaysia sebanyak 6 791 446 orang saja.Bakinya sebanyak 2 166 174 orang lagi telah tidak keluar mengundi.

Jikalau kita perhatikan jumlah pengundi yang menyokong blok parti Barisan Nasional yang memerintah dengan jumlah pengundi yang tidak keluar mengundi, nisbah perbezaannya hanyalah sebanyak 483 064 undi saja.Begitu juga jikalau kita perhatikan jumlah pengundi yang menyokong parti-parti pembangkang dengan jumlah pengundi yang menyokong Barisan

Nasional, nisbah perbezaannya hanyalah sebanyak 732 360 undi saja. Ini bermakna dengan sokongan lebih sedikit saja daripada setengah juta pengundi, komponen Barisan Nasional boleh memerintah negara, sedangkan hakikat sebenarnya rakyat Malaysia berjumlah lebih daripada 16 juta orang. Dengan kata-kata lain, kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang hanyalah mewakili kira-kira 12% saja daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia, atau kira-kira 30% saja daripada jumlah pengundi berdaftar.

Sudah pasti bahawa sebuah kerajaan yang dibentuk berdasarkan sokongan sebanyak kira-kira 30% daripada pengundi atau 12% daripada keseluruhan penduduk dan rakyat, merupakan sebuah kerajaan yang tidak mantap dan stabil. Sudah pasti pula, sebuah kerajaan yang kurang mantap dan stabil, ia mudah terdedah kepada pelbagai dugaan dan rintangan, pelbagai tuduhan dan buruk sangka. Apalagi jika konsep demokrasi yang kita amalkan sekarang disalahgunakan.

Masalah ini menjadi lebih rumit lagi apakala sesebuah negara itu diduduki oleh penduduk majmuk. Malaysia sama dengan setengah-tengah negara seperti Amerika, Britain dan lain-lain di mana pelbagai suku kaum tinggal di dalamnya, menyebabkan soal aparteid, perkauman, penindasan, kezaliman dan kemungkaran tidak dapat dielakkan.

Apa yang berlaku di dalam pergolakan politik di Malaysia sekarang adalah fenomena daripada ini. Gejala perkauman, konsep politik yang berlainan, perebutan kuasa, kepentingan golongan dan diri sendiri, rasuah, skandal, penindasan dan kemungkaran menjadi budaya hidup mereka yang berkepentingan. Nilai budaya, tata susila dan moral agama hanya menjadi slogan dan lambang semata-mata, tetapi hakikat sebenarnya arah dan haluan perjuangan mereka yang berkepentingan ini lebih tertumpu kepada kekuasaan, ketamakan dan kemungkaran.

Berbalik kepada soal pengundi tadi, saya tidak dapat memastikan mengapakah daripada enam juta pengundi yang berdaftar tadi hanya kira-kira empat juta saja yang keluar mengundi. Mengapa sekurang-kurangnya dua juta lagi itu hanya berdiri di atas pagar? Adakah mereka tidak sedar bahawa amalan tidak melibatkan diri sebagai pengundi ini adalah amalan rakyat yang malas dan tidak bertamadun?

Dengan tidak mendaftarkan nama sebagai pengundi dan dengan tidak keluar mengundi, menyebabkan sebuah kerajaan yang dipilih dan disokong oleh rakyat itu menjadi tidak kuat dan kukuh. Sebagai suatu contoh, kerajaan Jepun umpamanya sering terpaksa bertukar-tukar parti dan kepimpinan akibat keadaan politik yang tidak stabil ini. Keadaan seperti ini juga tidak mustahil akan berlaku di Malaysia jika sesuatu langkah tidak dibetulkan segera.

Salah satu langkah membetulkan keadaan ini ialah dengan jalan kerajaan, melalui Suruhanjaya Pilihanraya mencari jalan supaya jumlah pengundi yang tidak keluar mengundi itu dikurangkan atau dihapuskan sama sekali. Setiap rakyat yang cukup umur dan berhak mengundi dimestikan keluar mengundi. Bagi mencapai tujuan ini, barangkali Akta Pilihanraya yang kita amalkan sekarang ini harus dipinda sebagaimana pindaan dibuat kepada perkiraan undi di tempat membuang undi. Pindaan bagi memastikan setiap pengundi keluar mengundi bukanlah suatu pindaan yang aneh dan luar biasa. Malah demi kebaikan kerajaan dan negara, ia dikira amat wajar. Kalau kerajaan boleh meminda pelbagai akta, enakmen dan isi Perlembagaan Malaysia itu sendiri, tidak ada sebab Akta Pilihanraya tidak boleh dipinda.

Dengan adanya perubahan undang-undang di dalam akta itu, rakyat Malaysia yang tidak peduli terhadap pergolakan politik bangsanya sendiri akan berubah menjadi rakyat yang peka terhadap sumbangan dan tanggungjawabnya sendiri. Ini amat penting bagi mewujudkan sebuah kerajaan yang demokratik, adil saksama dan bertanggungjawab. Tidak seperti sekarang di mana sebahagian rakyat menganggap kerajaan zalim, diktator dan mungkar sedang sebenarnya corak kerajaan yang ada sekarang ini adalah akibat daripada ketidakpedulian rakyat yang tidak mau keluar membuang undi itu sendiri.

Memang di kalangan negara-negara maju seperti Amerika misalnya, pengundian tidaklah dijadikan satu perkara yang wajib kepada rakyat. Malah dalam sistem demokrasi berparlimen seperti di Malaysia ini, sistem mewajibkan rakyat mengundi bukanlah satu cara yang dikira bagus untuk dilaksanakan. Ada buruk dan ada baiknya.

Tetapi mengingatkan Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan pelbagai kesedaran melalui pelbagai saluran media massa dan jabatan-jabatan penerangan untuk menggalakkan

rakyat mengundi, sedangkan apabila sampai masa untuk mengundi, masih terdapat kira-kira 30% - 35% yang tidak keluar mengundi, maka usaha dan kempen tadi dirasakan semacam membazir.

Dalam buku 'Laporan Pilihanraya Umum 1986' yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, ada menyebutkan bahawa perbelanjaan bagi menjayakan pilihanraya tahun 1986 melibatkan belanja kira-kira \$10.10 juta. Ini suatu perbelanjaan besar yang harus difikirkan. Di bawah ini disenaraikan perbelanjaan bagi tiga pilihanraya yang lalu untuk kajian dan pertimbangan:

PERBELANJAAN PILIHANRAYA

TAHUN	SEMENANJUNG MALAYSIA	SABAH DAN SARAWAK
1. 1978	\$ 3.09 juta	\$1.2 juta
2. 1982	\$ 6.47 juta	\$2.5 juta
3. 1986	\$ 7.09 juta	\$3.1 juta
Jumlah	\$16.65 juta	\$6.8 juta

Catatan: Lihat 'Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986' oleh Suruhanjaya Pilihanraya, Malaysia 1988.

Memandang kepada perbelanjaan yang besar ini adalah dirasakan tidak munasabah jika daripada jumlah pengundi berdaftar sebanyak 6 969 000 hanya sebanyak 4 619 761 orang saja yang keluar mengundi sedangkan 2 349 239 orang lagi hanya berdiri di atas pagar saja.

Berbalik tentang masalah pengundi tadi, sekalipun kita menjadi sukar untuk mendapatkan kedudukan jumlah pengundi mengikut posisi kaum bagi tahun 1990, namun sebagai asas perbincangan kita boleh melihat perubahan dan tambahan jumlah pengundi mengikut posisi kaum berdasarkan jumlah pengundi tahun 1982 dan tahun 1986 seperti berikut:

**PENDAFTARAN PENGUNDI MENGIKUT POSISI
KAUM DI SEMENANJUNG MALAYSIA**
.Angka dalam ribuan

KAUM	1982	1986	TAMBAHAN	TAMBAHAN%
1. Melayu	2903	3279	376	12.9%
2. Cina	1918	2107	189	9.8%
3. India	389	483	94	24.2%
4. Lain-lain	-	56	56	-
Jumlah	5210	5925	715	13.7%

Berdasarkan fakta di atas, kita boleh membuat jangkaan bahawa jumlah pertambahan pengundi bagi tahun 1990 adalah tidak jauh bezanya dengan tambahan yang terjadi di dalam tahun 1986. Dalam satu perbincangan saya dengan seorang pegawai di pejabat Suruhanjaya Pilihanraya, beliau menyebutkan bahawa tambahan antara 5% - 10% telah berlaku di dalam pendaftaran pemilih bagi tahun 1990 sama ada tambahan secara umum mahupun tambahan mengikut posisi kaum.

Sebagai persediaan bagi mengkaji, menentu dan mengukur sejauh mana pencapaian dan kekalahan bagi parti-parti politik yang akan bertanding di dalam pilihanraya bagi kali yang kelapan (1990) ini, di bawah ini disenaraikan jumlah kerusi Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, jumlah calon-calon bertanding dan keputusan penuh pilihanraya umum tahun 1986 bagi kerusi Parlimen, kerusi Dewan Undangan Negeri, parti-parti yang bertanding dan jumlah calon yang berjaya dan calon yang kalah. Perubahan calon, kemenangan parti akibat kematian dan perletakan jawatan calon selepas tahun 1986 tidak akan disentuh. Di samping itu, disebutkan juga jumlah kerusi Parlimen dan ADUN yang dimenangi oleh negeri-negeri untuk tujuan rujukan.

JUMLAH KERUSI DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGERI DI SELURUH MALAYSIA, 1986

NEGERI	KERUSI DEWAN RAKYAT	KERUSI DEWAN NEGERI
1. Perlis	2	14
2. Kedah	14	28
3. Kelantan	13	39
4. Terengganu	8	32
5. Pulau Pinang	11	33
6. Perak	23	46
7. Pahang	10	33
8. Selangor	14	42
9. Wilayah Persekutuan	7	-
10. Negeri Sembilan	7	28
11. Melaka	5	20
12. Johor	18	36
13. Labuan	1	-
14. Sabah	20	48+
15. Sarawak	24	48
Jumlah	177	447

+ Menurut Perlembagaan Negeri, Sabah boleh melantik enam orang lagi Ahli Dewan Undangan Negeri menjadikan jumlahnya 54 orang.

JUMLAH PENAMAAN CALON PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI TAHUN 1986

PARTI	CALON PARLIMEN	CALON ADUN
1. BN	171	343
2. PAS	98	265
3. DAP	64	18
4. SDP	19	30
5. BERJAYA	9	-
6. PSRM	4	7
7. NASMA	4	9
8. MOMOGUM	2	-
9. PLUS	2	-
10. PPPM	-	4
11. BEBAS	52	24
12. MENANG TAK BERTANDING	6	8
JUMLAH	431	808

**KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM 1986/1982
Kerusi Parlimen**

PARTI	TAHUN 1986	TAHUN 1982	PRESTASI
1. BN	148 kerusi	132 kerusi	16
2. DAP	24 kerusi	9 kerusi	15
3. PAS	1 kerusi	5 kerusi	-4
4. BEBAS	4 kerusi	8 kerusi	-4
Jumlah	177	154	23

KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI

PARTI	TAHUN 1986	TAHUN 1982	PRESTASI
1. BN	299 kerusi	276 kerusi	25
2. DAP	37 kerusi	12 kerusi	24
3. PAS	15 kerusi	18 kerusi	-3
4. BEBAS	-	1 kerusi	-1
Jumlah	351	307	45

PARLIMEN 1986
Penyertaan parti-parti komponen Barisan Nasional

PARTI	JUMLAH CALON	JUMLAH MENANG	JUMLAH KALAH
1. UMNO	84	83	1
2. MCA	32	17	15
3. MIC	6	6	-
4. GERAKAN	9	5	4
5. PBS	14	10	4
6. SUP	7	4	3
7. SNAP	5	5	-
8. PBB	8	8	-
9. USNO	6	5	1
10. HAMIM	2	1	1
11. PBDS	4	4	-
Jumlah	177	148	29

PARLIMEN 1986
Penyertaan Parti-parti Pembangkang

PARTI	JUMLAH CALON	JUMLAH MENANG	JUMLAH KALAH
1. DAP	64	24	40
2. PAS	98	1	97
3. PSRM	4	-	4
4. BEBAS	52	4	48
5. SDP	19	-	19
6. BERJAYA	9	-	9
7. NASMA	4	-	4
8. MOMOGUM	2	-	2
9. PLUS	2	-	2
Jumlah	254	29	225

**KEDUDUKAN KERUSI
PARLIMEN NEGERI NEGERI**

NEGERI	BN	DAP	PAS	BEbas	JUMLAH
1. Perlis	2				2
2. Kedah	14				14
3. P. Pinang	5	6			11
4. Perak	19	4			23
5. Selangor	12	2			14
6. Kelantan	12		1		13
7. Terengganu	8				10
8. Pahang	10				10
9. N. Sembilan	5	2			7
10. Melaka	4	1			5
11. Johor	18				18
12. Sabah	15	4		1	20
13. Wilayah	3	4			7
14. Sarawak	21	1		2	24
15. Labuan	1				1
Jumlah	148	24	1	3	177

**KEDUDUKAN KERUSI ADUN NEGERI-NEGERI
(SEMENANJUNG)**

NEGERI	BN	DAP	PAS	JUMLAH KERUSI
1. Perlis	14			14
2. Kedah	25		3	28
3. P. Pinang	23	10		33
4. Perak	33	13		46
5. Selangor	37	5		42
6. Kelantan	29		10	39
7. Terengganu	29		3	32
8. Pahang	32	1		33
9. N.Sembilan	24	4		28
10. Melaka	17	3		20
11. Johor	35	1		36
Jumlah	298	37	16	351

**KEDUDUKAN KERUSI PARLIMEN YANG
DIMENANGI OLEH KAUM-KAUM DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

NEGERI	MELAYU	CINA	INDIA	CAMPURAN	JUMLAH
1. Perlis	2				2
2. Kedah	14				14
3. P.Pinang	4	6		1	11
4. Kelantan	13				13
5. Terengganu	8				8
6. Perak	11	6		6	23
7. Selangor	8	3		3	14
8. Pahang	8	1		1	10
9. Wilayah Sembilan	2	4		1	7
10. Negeri Melaka	5	1		1	7
11. Johor	4	1			5
	13	4		1	18
Jumlah	92	26		14	132

- 1. Majoriti kerusi Melayu - 92 orang @ 70%
- 2. Majoriti kerusi Cina - 26 orang @ 20%
- 3. Majoriti kerusi Campuran - 14 orang @ 10%

**KEDUDUKAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG DIMENANGI OLEH KAUM-KAUM DI
SEmenanjung Malaysia**

NEGERI	MELAYU	CINA	INDIA	CAMPURAN	JUMLAH
1. Perlis	13	1			14
2. Kedah	25	1		2	28
3. P. Pinang	13	16		4	33
4. Kelantan	39				39
5. Terengganu	32				32
6. Perak	28	15		3	46

sambungan dari muka surat 16

NEGERI	MELAYU	CINA	INDIA	CAMPURAN	JUMLAH
7. Selangor	26	7		9	42
8. Pahang	27	5		1	33
9. N.Sembilan	18	5		5	28
10. Melaka	14	4		2	20
11. Johor	26	8		2	36
Jumlah	261	61		29	351

1. Majoriti kerusi Melayu - 261 orang @ 75%
2. Majoriti kerusi Cina - 61 orang @ 17%
3. Majoriti kerusi Campuran - 29 orang @ 8%

Berdasarkan carta-carta keputusan di atas, ada dua perkara yang boleh kita bahaskan di sini. Pertama, jumlah kemenangan yang dicapai oleh parti-parti di dalam komponen Barisan Nasional dan kedua, kedudukan kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh komposisi kaum di seluruh Semenanjung.

Dalam perkara pertama, daripada jumlah kerusi Parlimen 177 buah, Barisan Nasional mencapai kemenangan 148 kerusi, sementara daripada 351 kerusi Dewan Undangan Negeri, Barisan Nasional memenangi sebanyak 299 kerusi. Ini bermakna hanya 29 buah saja bagi kerusi Parlimen di pihak pembangkang dan 52 buah saja kerusi Dewan Undangan Negeri bagi pihak yang sama. Nisbah perbezaan yang besar ini jika berdasarkan tiga empat penggal pilihanraya yang lalu memberikan kemungkinan bahawa adalah amat sukar dan sulit bagi parti-parti pembangkang meraih kemenangan yang mengejut bagi menumbangkan Barisan Nasional, kecuali ada sesuatu sebab atau isu yang boleh mengubah sikap dan pemikiran rakyat.

Menimbulkan sesuatu sebab dan mencetuskan sesuatu isu bagi mengubah sikap dan pemikiran rakyat daripada menyokong barisan Nasional kepada menyokong pihak pembangkang, bukanlah boleh dicipta dan dicetuskan begitu saja tanpa perspektif yang lebih luas. Perubahan politik dan pemerintahan yang berlaku di negara-negara Eropah Timur, penukaran pemerintahan di Iran, perubahan kepimpinan di Filipina dan kemunculan Nelson

Mandela di Afrika, bukanlah hanya atas faktor-faktor kecil seperti pembinaan Dayabumi, Jambatan Pulau Pinang, penciptaan Proton Saga atau isu video lucah, perkahwinan Menteri Besar atau isu 'bakar wartawan dan akhbar primitif' saja.

Isu-isu seperti ini amat kecil untuk mempengaruhi sikap dan pemikiran rakyat. Ia mungkin boleh mengurangkan populariti setengah-tengah wakil rakyat atau menteri, tetapi ia sukar menjelaskan keseluruhan kepimpinan dan dasar-dasar pembangunan kerajaan seperti yang dijalankan oleh Barisan Nasional. Malah pembinaan Jambatan Pulau Pinang, Dayabumi dan penciptaan Proton Saga, walaupun melibatkan belanja yang besar dan mencikik leher rakyat dari segi ekonomi, namun daripada segi jangka panjangnya pembangunan dan penciptaan seumpama itu boleh menguntungkan rakyat dan menaikkan imej building negara.

Sudah tentu pandangan dan sikap seperti ini berbeza-beza di kalangan rakyat. Ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju. Soalnya di sini di samping majoriti rakyat tidak menolak keseluruhan projek raksasa itu, pembangunan dan penciptaan seumpama itu perlu diwujudkan bagi menyesuaikan dengan arus pembangunan dan pemodenan yang berlaku di seluruh dunia.

Bagaimanapun ini bukanlah bermakna bahawa kerajaan Barisan Nasional boleh melakukan apa saja yang mereka suka. Perbuatan-perbuatan rasuah, penyelewengan, kerakusan kuasa, *dictatorship* dan kemungkaran seperti yang dilaung-laungkan oleh pihak pembangkang sentiasa saja diperhatikan oleh rakyat. Kekurangan majoriti undi, kekalahan beberapa orang calon di dalam komponen Barisan Nasional dan kemenangan yang dicapai oleh setengah-tengah calon parti pembangkang seperti DAP umpamanya, adalah manifestasi daripada penentangan sebahagian kecil rakyat terhadap parti pemerintah ini. Malah perwujudan parti Semangat 46 yang tidak pernah kita fikirkan sebelum ini adalah juga reaksi pertentangan yang serius ini.

Sudah tentu ini tidak boleh dipandang kecil. Gabungan parti-parti pembangkang seperti Semangat 46, PAS, Hamim, Berjasa dan sebagainya di satu pihak dengan DAP di satu pihak yang lain di dalam Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) membayangkan wujudnya pertentangan rakyat yang semakin meluas sekalipun pada prinsipnya kita melihat bahawa gabungan itu kelihatan amat goyah, hambar, tidak kuat dan tidak konsisten.

Asas gabungan itu diwujudkan bukan saja sekadar menentang kerajaan pimpinan Barisan Nasional, khususnya Dr. Mahathir Mohamad atau apa yang disebutkan sebagai kemungkaran di dalam kerajaan yang cukup berleluasa. Tetapi asas gabungan itu dibuat lebih tertumpu kepada kekurangan undi yang diterima oleh Barisan Nasional itu sendiri. Seperti yang saya sebutkan tadi, hanya dengan majoriti lebih setengah juta pengundi saja atau kira-kira 12% saja daripada keseluruhan penduduk Malaysia atau lebih tegas lagi hanya 30% saja daripada jumlah pengundi berdaftar, barisan Nasional boleh memerintah negara. Dengan nisbah kira-kira 370 000 undi saja kepada pihak pembangkang, kerajaan Barisan Nasional boleh tumbang dan pihak pembangkang boleh mengambil alih kuasa. Ini sesungguhnya sesuatu yang amat kecil. Saya akan bercakap tentang ini di dalam bab yang lain.

Perkara kedua, daripada 132 buah kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia, 92 buah kerusi daripadanya dipegang oleh wakil Melayu. Dan daripada 299 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh Barisan Nasional di Semenanjung Malaysia, 261 kerusi daripadanya dipegang oleh wakil Melayu. Ini bermakna 2/3 daripada keseluruhan jumlah kerusi Parlimen dan Negeri masih berada di tangan wakil-wakil rakyat Melayu. Dari segi ini, saya kira, keadaan dan kedudukan politik orang-orang Melayu masih kuat dan kukuh. Soalnya ialah adakah keadaan dan kedudukan ini akan kekal selama-lamanya? Apa akan terjadi jika nisbah ini bertukar? Apa akan berlaku jika majoriti pengundi Melayu yang masih ada di dalam tujuh buah negeri itu semakin terhakis akibat ketidakpedulian rakyat dan apa yang akan terjadi jika politik perkauman dan perpecahan di kalangan Melayu semakin menjolok? Saya akan membincangkan hal ini di dalam bab yang lain.

2 .

KAWASAN, UNDI CALON DAN MAJORITI UNDI

Sebagai kajian, menungan dan perbandingan, saya suka menghuraikan beberapa perkara berhubung dengan kedudukan sesuatu kawasan pilihanraya umum, terutamanya yang berhubungkait dengan jumlah pengundi, undi kepada calon-calon dan jumlah majoriti undi yang diberikan oleh pengundi kepada calon-calon yang bertanding. Fakta dan contoh yang saya kemukakan ini berdasarkan keputusan pilihanraya tahun 1986 lalu.

Daripada sejumlah 132 kawasan pilihanraya umum di Semenanjung Malaysia, terdapat 10 buah kawasan yang paling banyak jumlah pengundinya. Kawasan-kawasan tersebut terdapat di Negeri Selangor Darul Ehsan sebanyak lima kawasan, di Wilayah Persekutuan tiga kawasan, di Negeri Johor Darul Takzim satu kawasan dan di Negeri Perak Darul Ridzuan satu kawasan. Kawasan yang paling banyak jumlah pengundinya ialah kawasan Puchung. Jumlah pengundinya ialah sebanyak 81 005 orang. Lihat carta di bawah:

KAWASAN PALING BANYAK PENGUNDI

BIL:	NAMA KAWASAN	JUMLAH PENGUNDI
P. 91	Puchung	81 005
P. 90	Petaling Jaya	80 403
P. 87	Selayang	77 737
P. 101	Seputih	75 153
P. 93	Kelang	74 964
P. 96	Kepung	71 761
P. 88	Ampang Jaya	69 849
P. 113	Kota Melaka	69 034
P. 129	Teberau	65 431
P. 58	Pasir Pinji	64 320

Dalam sepuluh kawasan yang paling banyak jumlah pengundinya ini, kita melihat bahawa enam kawasan daripadanya adalah terdiri daripada majoriti pengundi Cina dan empat kawasan daripadanya terdiri daripada majoriti pengundi Melayu. Kawasan-kawasan yang mengandungi majoriti pengundi Cina itu ialah kawasan Parlimen Pasir Pinji di Perak dengan jumlah pengundi Cinanya sebanyak 86.4%, diikuti di kawasan Seputih sebanyak 83.1%, kawasan Kelang 80.6%, kawasan Petaling Jaya 61.0% dan Puchung sebanyak 56.5%.

Empat kawasan yang mengandungi majoriti pengundi Melayu pula ialah kawasan Parlimen Ampang Jaya 68.5%, Lembah Pantai 56.4%, Teberau 55.1% dan kawasan Selayang 51.4%. Sekalipun keempat-empat kawasan ini mempunyai majoriti pengundi Melayu tetapi nisbah peratusnya jika dibandingkan dengan majoriti pengundi Cina kelihatan agak kecil. Bandingkan ketinggian peratus pengundi Cina di kawasan Parlimen Pasir Pinji (86.4%) dengan ketinggian peratus pengundi Melayu di kawasan Parlimen Ampang Jaya (68.5%). Perbezaan hampir 20%.

Satu perkara yang menarik mengenai keputusan pilihanraya di dalam kesepuluh kawasan ini ialah bahawa tiap-tiap parti yang bertanding di dalam kawasan ini, iaitu antara Barisan Nasional dengan DAP, masing-masing mendapat lima kerusi. Barisan Nasional memenangi kerusi bagi kawasan Parlimen Selayang, Kelang, Ampang Jaya, Teberau dan Lembah Pantai. DAP pula memenangi kerusi di kawasan Parlimen Puchung, Petaling Jaya,

Seputih, Kepung dan Pasir Pinji.

Berdasarkan penambahan jumlah pengundi bagi tahun 1990 ini, saya percaya bahawa kesemua sepuluh buah kawasan ini akan bertambah jumlah pengundinya. Pengundi Cina akan terus bertambah dan begitu juga dengan pengundi Melayu, tetapi untuk meramalkan peratus pengundi Melayu akan meningkat lebih daripada peratus pengundi Cina adalah sesuatu yang sukar. Malah sebaliknya peningkatan peratus pengundi Cina dirasakan lebih munasabah. Kita boleh menentukannya nanti selepas pilihanraya umum ini nanti.

Berbanding dengan sepuluh kawasan pengundi yang paling banyak ini, kita melihat pula sepuluh kawasan yang paling sedikit jumlah pengundinya. Perhatikan carta di bawah ini.

KAWASAN PALING SEDIKIT PENGUNDI

BIL:	NAMA KAWASAN	JUMLAH PENGUNDI
P. 27	Machang	21 305
P. 29	Gua Musang	23 977
P. 38	Kepala Batas	27 210
P. 39	Tasik Gelugur	27 768
P. 119	Mersing	28 289
P. 103	Jelebu	28 691
P. 49	Grik	28 641
P. 35	Hulu Terengganu	28 941
P. 82	Sabak Bernam	31 529
P. 83	Tanjung Karang	31 785

Jikalau kita bandingkan jumlah pengundi di kawasan Parlimen Puchung dengan kawasan Parlimen di kawasan Machang, kita dapat bahawa perbezaan jumlah pengundinya amatlah besar. Kawasan Machang hanya mempunyai 25% saja jumlah pengundinya jika dibandingkan dengan kawasan Puchung yang mempunyai 100% perbandingan pengundi. Dari suatu segi, perbezaan jumlah pengundi yang besar ini terasa semacam tidak adil bagi calon DAP, A. David yang memenangi kerusi di Puchung dengan mendapat undi sebanyak 35 145 berbanding

dengan calon Barisan Nasional Mohd. Kassim @ Yahya Ahmad yang hanya mendapat 11 110 undi saja. Dari segi taraf dan kedudukannya adalah sama, tetapi daripada kempen menawan pengundi, kerja Dr. A. David tentulah lebih teruk.

Perbezaan jumlah pengundi yang besar ini mungkin dilakukan mengikut keperluan dan keluasan kawasan pengundi. Kawasan bandar misalnya tentulah lebih ramai pengundinya sekalipun keluasan kawasan pengundinya kecil. Begitu juga kawasan di luar bandar misalnya tentulah amat kurang pengundinya sekalipun keluasan kawasan pengundinya besar.

Soal yang timbul sekarang ialah apakah kayu ukur yang kita pakai bagi menentukan sesuatu kawasan pilihanraya itu? Jika jumlah pengundinya yang menjadi kayu ukur, maka adalah tidak adil bagi calon-calon yang bertanding di dalam kawasan yang ramai jumlah pengundinya seperti di dalam sepuluh kawasan yang saya sebutkan tadi. Begitu juga jika keluasan kawasan yang dipakai, maka adalah tidak adil bagi kawasan Kepala Batas (P. 38) dan kawasan Tasik Gelugur (P. 39) yang amat luas kawasannya jika dibandingkan dengan kawasan Bukit Bintang (P. 99) dan kawasan Ampang Jaya (P. 88).

Saya percaya bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai kriterianya sendiri bagi menentukan kawasan pilihanrayanya itu, tetapi saya percaya juga bahawa dalam menentukan kriterianya ini, bukan saja faktor pengundi dan keluasan kawasan saja yang diambilkira tetapi juga faktor perkauman dan hasil yang dicapai di dalam sesuatu kawasan itu juga diperhitungkan. Inilah barangkali yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan parti-parti politik yang mempertikaikan ketentuan jumlah pengundi dan keluasan kawasan pilihanraya ini.

Dalam carta Kawasan Paling Sedikit Pengundi tadi, kita melihat bahawa taburannya berada di dalam tujuh buah negeri. Negeri Kelantan terdapat dua kawasan, iaitu kawasan Machang dan Gua Musang. Pulau Pinang terdapat di kawasan Kepala Batas dan Tasik Gelugur, di Selangor terdapat di kawasan Sabak Bernam dan Tanjung Karang, di Johor terdapat di kawasan Mersing, di Perak terdapat di kawasan Grik dan di Negeri Sembilan terdapat di kawasan Jelebu.

Kesemua kawasan ini dimiliki oleh calon-calon komponen Barisan Nasional UMNO. Tidak ada calon pembangkang di dalam kawasan ini. Tetapi menjelang pilihanraya ini, sekurang-kurangnya dua kawasan yang dulunya dipegang oleh wakil

UMNO, sekarang dipegang oleh parti Semangat 46, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) dan Datuk Rais Yatim (Jelebu). Bagaimana kedudukan Datuk Abdul Ajib Ahmad di kawasan Mersing tidak berapa jelas. Saya percaya dia masih UMNO.

Menjelang pilihanraya ini saya percaya juga bahawa jumlah pengundi bagi kesemua sepuluh buah kawasan ini akan bertambah juga, terutamanya pengundi Melayu. Ini kerana kesemua kawasan ini majoriti pengundinya adalah Melayu. Kita tentulah merasa pelik dan tidak adil jika kawasan Machang, Gua Musang, Kepala Batas, Tasik Gelugur, Mersing, Jelebu, Grik dan Hulu Terengganu yang menjadi kawasan Parlimen ini lebih rendah taraf dan jumlah pengundinya, jika dibandingkan dengan kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Selangor di mana jumlah pengundi di kawasan N.18 Paya Jaras (34 594), N. 28 Bukit Gasing (30 129) dan kawasan N. 25 Damansara Utama (29 010) jauh lebih tinggi jumlah pengundinya daripada kawasan-kawasan Parlimen yang saya sebutkan itu.

Selain daripada kawasan pengundi paling ramai dan paling sedikit ini, populariti calon yang meraih kertas undi daripada pengundi juga perlu diperhatikan menjelang pilihanraya ini. Dalam pilihanraya umum tahun 1986 lalu, calon popular yang paling banyak mendapat undi ialah Datin Paduka Zaleha Ismail bagi Parlimen 87 kawasan Selayang. Lihat carta di bawah.

UNDI CALON PALING BANYAK

BIL.	KAWASAN	CALON	UNDI	PARTI
P. 87	Selayang	D.P.Zaleha Ismail	40 681	UMNO
P. 99	B.Bintang	Lee Lam Thye	37 393	DAP
P.101	Seputih	Lien Ah Kim	36 782	DAP
P. 88	Ampang Jaya	Lim Soon Teck	36 700	DAP
P.113	Kota Melaka	Lim Guan Eng	34 573	DAP
P.128	Kota Tinggi	Datuk Musa Hitam	33 891	UMNO
P. 92	Shah Alam	Hajah Rahman Osman	32 714	UMNO
P. 45	Tanjung	Lim Kiat Siang	27 611	DAP
P.129	Teberau	S. Zainab S.A.Bakar	27 138	UMNO
P. 46	Jelutung	Karpal Singh	25 932	DAP

Kemenangan besar yang dicapai oleh Datin Paduka Zaleha ini tentulah mengembirakan Barisan Nasional. Datin Paduka bukan saja mendapat undi yang paling besar tetapi juga mendapat majoriti undi yang paling banyak. Dengan kedudukan 51.4% undi Melayu, 32.8% undi Cina dan 14.8% undi India, kemenangannya menewaskan calon PAS yang hanya mendapat 9 209 undi tentulah akibat sokongan pengundi Cina dan India seratus peratus. Malah tanpa sokongan pengundi Cina pun beliau tetap memperoleh kejayaan.

Jikalau kita perhatikan kedudukan parti-parti yang mendapat undi yang paling banyak ini, kita mendapati bahawa parti DAP telah mendapat lima kerusi, UMNO empat dan MCA satu. Sekalipun calon MCA di kawasan Ampang Jaya telah meletakkan jawatan dan digantikan dengan calon lain, namun posisi kaum ini tidak juga berubah. Bagaimanapun jumlah calon UMNO akan hanya tinggal tiga kerana Hajah Rahmah Osman telah pun bertukar kerusi kepada Semangat 46. Ini bermakna kedudukan parti pembangkang lebih kuat daripada segi mendapatkan majoriti pengundi yang lebih.

Taburan calon yang mendapat undi terbanyak ini juga tidak dimonopoli oleh sesuatu negeri. Kawasan Selayang, Ampang Jaya dan Shah Alam adalah di Negeri Selangor, sementara Bukit Bintang dan Seputih di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Jelutong dan Tanjung di Pulau Pinang dan dua negeri yang lain, iaitu Johor (Kota Tinggi dan Teberau) dan Melaka (Kota Melaka).

Adakah calon-calon ini akan kekal bertanding di kawasan yang sama dan mendapat undi yang kekal banyaknya, masih menjadi tanda tanya. Sekalipun misalnya, jumlah pengundi akan bertambah, kedudukan mereka sebagai calon belumlah dapat ditentukan. Yang akan tetap bertanding di kawasan yang sama mungkin Datin Paduka Zaleha Ismail, Lee Lam Thye, Lim Kit Siang dan Karpal Singh. Tetapi calon-calon lain seperti Hajah Rahmah Osman contohnya, tentulah tidak lagi akan menjadi calon Barisan Nasional. Kedudukan Sharifah Zainab di Teberau dan kedudukan Lien Ah Kim di Seputih juga tentulah masih dipertikaikan. Dengan sebab itu, sebahagian daripada mereka tidak boleh dihubungkaitkan dengan sama ada pengundi di kawasan-kawasan tersebut bertambah atau tidak.

Apa yang menarik mengenai reputasi calon-calon yang bertanding ini ialah, sementara sepuluh orang calon tadi mendapat

undi yang paling banyak berbanding dengan 394 orang calon yang bertanding di dalam pilihanraya yang lalu (termasuk Sabah dan Sarawak) terdapat sepuluh orang calon kerusi Parlimen di Semenanjung yang paling sedikit mendapat undi. Lihat carta di bawah.

UNDI CALON PALING SEDIKIT

BIL.	NAMA CALON	JUMLAH UNDI	PARTI	KAWASAN
P.132 P. 7	Cuah Ah Hock Mohd. Norik Abd. Rahman	150 249	SDP SDP	Pontian A. Star
P. 64	Leong Wai Man	341	SDP	Gopeng
P. 95 .	Mohd. Shariff Jaafar	341 439	SDP	Sepang
P.132	Mohd. Jufri Hj. Tahir	439 443	PAS SDP	Pontian Sepang
P. 95	Tai Siew Siong	439	SDP	Sepang
P. 93	Gabriel Lee	519	SDP	Kelang
P. 97	Haji Omar Din	477	SDP	Kelang
P.115	Abdul Daud	771	PAS	Segamat
P. 58	Woong Nam Sang	710	SDP	P.Pinji

Saya tidak pasti apakah calon-calon yang disebutkan namanya di atas ini sebagai sengaja hendak menguji sejauh mana penerimaan rakyat terhadap parti SDP yang baru ditubuhkan itu tanpa persiapan yang rapi atau apa, tetapi yang jelasnya selepas kesemua calon ini hilang wang pertaruhannya, parti SDP itu juga telah berkubur, kecuali parti PAS di mana terdapat dua orang calonnya yang ditolak oleh pengundi di kawasan Pontian dan Segamat.

Saya sengaja menulis nama calon-calon yang amat buruk reputasinya bukanlah dengan niat mempersendakan mereka, tetapi mengingatkan parti dan calon-calon yang hendak bertanding di dalam sesuatu pilihanraya supaya tidak meletakkan nafsu dan keghairahan bertanding di atas pundak mereka semata-mata tanpa bersikap rasional dan meneliti sama ada mereka atau

pun parti yang mereka wakili layak dan diterima rakyat atau tidak.

Bertanding di dalam pilihanraya bukanlah seperti bertanding di dalam jawatan persatuan belia atau PIBG, di mana seseorang calon yang boleh bercakap dan berpakaian kemas sedikit mudah mendapat undi. Menjadi wakil rakyat bekehendakkan seseorang itu bukan saja 'berakar nasional dan berakal internasional' seperti yang pernah disebutkan oleh seorang sahabat saya, tetapi juga ia harus banyak berkorban untuk rakyat. Begitu juga dengan parti yang mereka wakili.

Orang-orang yang tidak berkedudukan, tidak ada nama, tidak pandai bercakap, tidak berpengetahuan, tidak sedia berkorban dan tidak faham perjuangan politik, tidak bermakna menjadi wakil rakyat. Atas ukuran-ukuran inilah barangkali mengapa calon-calon ini dan parti-parti yang mereka wakili bukan saja telah kalah tetapi terus hilang wang pertaruhannya. Omar Din misalnya, sekalipun ada nama, tetapi namanya bukanlah di dalam bidang politik. Oleh itu, penyertaannya di dalam pilihanraya parlimen atas nama SDP yang lalu hanya menimbulkan kelucuan orang ramai saja.

Ramai aktivis politik sekarang begitu berminat untuk menjadi wakil rakyat. Kalau tidak dapat menjadi MP pun menjadi ADUN pun memadai. Kalau tidak dapat menjadi MP Barisan Nasional pun menjadi ADUN pembangkang pun cukuplah. Yang pentingnya mereka dapat bergelar 'Yang Berhormat' dan menjadi orang yang dihormati di dalam masyarakat. Sebab itulah mereka berjuang bermati-matian di dalam parti, berkorban apa saja untuk mendapat tempat di dalam parti dan memenangi hati rakyat. Mudah-mudahan dengan berbuat demikian, mereka akan dilantik menjadi calon.

Malangnya apabila mereka kalah dan hilang wang pertaruhan, mereka bukan saja tidak lagi menjadi aktivis politik, tetapi parti politik yang mereka wakil juga telah berkubur. Mana-mana calon yang mahu terus bergiat di dalam politik, mereka akan melompat kepada parti politik yang lain atau membentuk parti baru. Kemunculan parti-parti yang baru dan kehilangan parti-parti politik yang lama adalah akibat daripada fenomena ini.

Kemunculan parti politik PBS di Sabah hampir-hampir melenyapkan parti Berjaya di negeri itu. Kehilangan parti-parti politik seperti SDP dan Nasma dan kemunculan parti politik seperti Semangat 46 adalah gejala daripada kejatuhan moral

politik yang dramatik di Malaysia.

Kontradiksi daripada reputasi calon yang buruk ini, kita melihat pula sejumlah calon yang mendapat majoriti paling banyak dan majoriti undi yang paling sedikit. Dalam dua carta di bawah kita boleh melihat sepuluh orang calon yang paling banyak mendapat majoriti undi dan enam orang calon yang sekalipun menang,tetapi majoriti kemenangannya tidak sampai kepada seribu undi.

MAJORITI UNDI PALING BANYAK

BIL.	NAMA CALON	MAJORITI	UNDI DIPEROLEHII
P. 87	D. P. Zaleha Ismail	31 472	40 681
P. 88	Lim Soon Teck	30 721	36 700
P. 128	Datuk Musa Hitam	30 633	33 891
P. 99	Lee Iam Thye	30 145	37 393
P. 92	Hajah Rahmah Osman	24 835	32 714
P. 101	Lie Ah Kim	20 993	36 782
P. 126	Taufik Tun Dr. Ismail	19 394	25 482
P. 43	Lim Guan Eng	17 606	34 573
P. 96	Dr. Tan Seng Giew	16 513	33 049
P. 110	Datuk Sri Adib Adam	15 852	19 770

MAJORITI UNDI PALING SEDIKIT

BIL.	NAMA CALON	MAJORITI	UNDI DIPEROLEHII
P.47	Lee Joo Ki	262	19 348
P.23	Hj. Mohamed Zain Abdullah	270	16 617
P.22	Datuk Mohamed Haji Ali	551	12 911
P.34	Abd. Rahman Abu Bakar	639	13 654
P.93	Ng Cheng Kiat	667	24 966
P. 9	Osman Abdul	900	16 886

Jikalau kita perhatikan perbezaan majoriti undi yang diterima

oleh Datin Paduka Zaleha Ismail dengan majoriti undi yang diterima oleh Lee Joo Ki atau Osman Abdul misalnya, kita akan melihat perbezaan yang cukup luas dan ketara. Adalah terlalu mahal nilai undi majoriti yang diterima oleh Lee Joo Ki jika dibandingkan dengan nilai undi majoriti yang diterima oleh Datin Paduka Zaleha. Itulah sebabnya nilai bagi satu undi daripada rakyat yang keluar mengundi dikira penting sekali. Nilai undi ini bukan saja penting bagi sesuatu pilihanraya, tetapi juga di dalam perhimpunan Agung UMNO. Mesyuarat Agung Pena dan Mesyuarat Agung Gapena baru-baru ini, di mana kemenangan Dr. Mahathir bukan saja sedikit tetapi juga kekalahan Yahaya Ismail sebagai Ketua Satu Pena dan kekalahan Prof. Madya Firdaus Abdullah Ketua Dua Gapena kepada penulis rakyat Maaruf Saad dengan satu undi dan dua undi sungguh mengejut dan menentukan pentingnya nilai bagi satu undi.

Sungguhpun majoriti besar di dalam sesuatu kemenangan itu dikira penting bagi menentukan populariti seseorang calon di mata rakyat, namun status mereka yang menang adalah sama. Taraf dan kedudukan MP bagi Lee Joo Ki adalah sama dengan Datin Paduka Zaleha walaupun jawatan Datin Paduka adalah Menteri. Populariti Abdul Rahman Abu Bakar di parliment jauh lebih besar daripada populariti Lim Soon Teck walaupun majoritinya cuma 639 undi berbanding dengan majoriti Lim sebanyak 30 721 undi.

Perkiraan jumlah majoriti besar kecil ini bukan saja bergantung kepada populariti seseorang calon, tetapi juga bergantung kepada jumlah pengundi dan pengaruh sesebuah parti yang bertanding di sesuatu kawasan. Kemenangan dan majoriti besar calon Datin Zaleha Ismail adalah berpunca daripada jumlah pengundinya yang besar di kawasan Selayang, iaitu berjumlah 77 737 orang, sementara kemenangan tipis Abd. Rahman Abu Bakar di kawasan Parlimen Marang berpunca daripada jumlah pengundinya yang hanya 33 206 orang. Dari segi nisbah kemenangan kedua-dua calon ini, ternyata peratus yang dicapai oleh Datin Paduka jauh lebih besar daripada peratus yang dicapai oleh wakil rakyat di kawasan Marang itu.

Apa pun alasannya, kemenangan tipis calon-calon ini akan menentukan prestasi mereka menjelang pilihanraya yang akan datang. Adakah calon-calon seperti Lee Joo Ki, H. Mohamed Zain Abdullah, Datuk Mohamed Haji Ali, Abdul Rahman Abu Bakar,

Ng Cheng Kiat dan Osman Abdul ini akan dipilih lagi menjadi calon menjadi persoalan mereka sendiri. Sudah pasti kemenangan tipis ini tidak memberi keuntungan kepada mereka kerana ada bekas-bekas calon yang menerima majoriti besar di dalam pilihanraya tahun 1982 seperti Wan Zainab M.A. Bakar di kawasan Sungai Petani dan Ismail Arshad di kawasan Jerai dengan majoriti kecil sebanyak 286 undi, telah tidak terpilih lagi.

Bagaimanapun ini tidak bermakna calon-calon yang mendapat majoriti besar di dalam pilihanraya yang lalu akan terus dikenakan kedudukannya sebagai calon menjelang pilihanraya ini. Hajah Rahmah Osman misalnya, tentulah akan ditolak oleh UMNO. Begitu juga kedudukan Datuk Sri Adib Adam, Datuk Shahrir Abdul Samad yang menghadapi masalah yang sulit dan sukar.

Yang penting daripada ini, selepas calon-calon ini dipilih, sama ada mendapat majoriti besar atau kecil, terserahlah kepada kebijaksanaan dan kebolehan mereka menjadi wakil rakyat atau menteri. Kemenangan dan majoriti yang dicapai oleh Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah, Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi adalah kecil jika dibandingkan dengan majoriti Datin Paduka Zaleha Ismail dan Datuk Musa Hitam, tetapi di atas kebijaksanaan, kebolehan dan kepercayaan parti, mereka menjadi tunggak kepada parti mereka sendiri. Bakat, potensi, sikap, amanah dan akhlak seseorang calon akan membolehkan mereka naik atau turun di dalam sesuatu perjuangan. Semua ini akan dilihat dan dinilai oleh rakyat. Datuk Harun Haji Idris yang cukup popular di kalangan Melayu di sekitar Kuala Lumpur telah kalah juga kepada seorang calon BN Ong Tee Keat yang tidak dikenali di Ampang Jaya kerana masalah imej peribadinya yang rumit pada suatu ketika. Begitu juga kekalahan seperti USNO (1976) dan parti Berjaya (1986) di Sabah adalah berpunca daripada masalah kepimpinan dan personaliti calon yang menjadi ukuran kepada rakyat. Ini hendaklah diambil kira.

Dua perkara lain yang tidak kurang pentingnya tetapi jarang dibincangkan orang ialah mengenai undi rosak dan calon-calon yang hilang wang pertaruhannya. Dalam pilihanraya yang lalu jumlah undi rosak dan jumlah calon-calon yang hilang wang pertaruhannya adalah besar dan mendukacitakan. Mengenai undi rosak atau ditolak, Suruhanjaya Pilihanraya menyebutkan

bahawa berbanding dengan tahun 1982, undi rosak bagi kerusi Parlimen adalah kurang. tetapi bagi kerusi Dewan Undangan Negeri jumlahnya telah bertambah pula, iaitu daripada 2.58% dalam tahun 1982 kepada 3.55% pada tahun 1986. Sementara undi rosak bagi kerusi Parlimen ialah 3.24% dalam tahun 1982, turun kepada 2.67% pada tahun 1986. Berikut disenaraikan lima belas kawasan pilihanraya Parlimen di mana undi rosak lebih daripada seribu undi:

JUMLAH UNDI ROSAK

BIL:	KAWASAN PILIHANRAYA	JUMLAH UNDI ROSAK
1.	P. 125 Batu Pahat	4534
2.	P. 129 Teberau	2274
3.	P. 87 Selayang	2160
4.	P. 57 Tambun	2058
5.	P. 88 Ampang Jaya	1911
6.	P. 127 Senai	1834
7.	P. 132 Pontian	1738
8.	P. 120 Keluang	1600
9.	P. 85 Hulu Selangor	1497
10.	P. 126 Sungai Benut	1438
11.	P. 92 Shah Alam	1428
12.	P. 112 Batu Berendam	1360
13.	P. 128 Kota Tinggi	1308
14.	P. 113 Kota Melaka	1300
15.	P. 54 Taiping	1249

Kalau kita perhatikan nama-nama kawasan di mana undi rosak berlaku, kita dapat bahawa negeri Johor adalah negeri yang paling banyak mengandungi undi rosak, iaitu sebanyak tujuh kawasan. Malah di kawasan Parlimen Batu Pahat terdapat undi rosak yang paling besar, iaitu berjumlah 4534 kertas undi. Saya tidak tahu mengapa jumlah undi rosak di kawasan ini terlalu besar berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Biasanya kerosakan kertas undi disebabkan oleh kesilapan menulis atau memangkah undi atau ada juga yang menyatakan sebagai 'undi protes' terhadap parti atau calon, lalu kertas undi disalahgunakan. Ini biasanya berlaku di kawasan-kawasan pilihanraya di luar

bandar, tetapi jika kita perhatikan 15 kawasan yang saya sebutkan di atas, kawasan bandar lebih banyak daripada kawasan luar bandar di mana kebanyakan pengundinya adalah terdiri daripada orang-orang yang terdidik. Adalah bodoh untuk mendakwa pengundi-pengundi di kawasan yang tersebut di atas ini 'bodoh' juga sehingga kertas undi pun tidak tahu mereka tuliskan. Jika mereka tidak 'bodoh' mengapa pengundi Batu Pahat, pengundi Teberau, pengundi Selayang, pengundi Tambun dan lain-lain sanggup membuang masa dan merosakkan kertas undi di bilik mengundi? Nampaknya masyarakat pengundi kita perlu diberikan ilmu sivik sebelum mereka keluar mengundi.

Berhubung dengan penolakan calon-calon yang hilang wang pertaruhannya pula, kita dapat bahawa dalam pilihanraya umum yang lalu terdapat seramai 62 orang calon Parlimen dan 97 orang calon Dewan Undangan Negeri telah hilang wang pertaruhannya atas beberapa sebab tertentu. Di bawah ini disenaraikan jumlah calon-calon daripada pelbagai parti yang telah hilang wang pertaruhan mereka.

CALON YANG HILANG WANG PERTARUHAN

BIL.	PARTI	PARLIMEN	NEGERI	JUMLAH
1.	BN	-	-	-
2.	PAS	21	42	63
3.	DAP	-	4	4
4.	PSRM	-	-	-
5.	SDP	15	29	44
6.	NASMA	3	5	8
7.	BERJAYA	3	-	3
8.	MOMOGUN	2	-	2
9.	PPPM	-	4	4
10.	PLUS	2	-	2
11.	BEBAS	16	13	29
Jumlah		62	97	159

Sebagai kesimpulan daripada bab ini, saya sengaja menimbulkan kedudukan kawasan, undi calon dan majoriti undi yang berlaku di dalam pilihanraya umum tahun 1986 lalu sebagai

contoh, peringatan dan perbandingan menjelang pilihanraya umum yang akan datang. Berdasarkan contoh ini, parti-parti politik di dalam Barisan Nasional dan parti-parti politik di dalam Angkatan Perpaduan Ummah boleh mengambil iktibar daripadanya.

Apa yang berlaku kepada parti SDP umpamanya hendaklah dijadikan contoh, betapa sesbuah parti politik yang baru ditubuhkan dengan mengemukakan nama-nama calon yang tidak berpotensi, akhirnya bukan saja akan kalah dan hilang wang pertaruhan mereka, tetapi parti itu juga akan ditolak oleh rakyat.

Kemenangan tipis calon-calon Barisan Nasional seperti yang ditunjukkan di dalam carta Majoriti Undi Paling Sedikit juga, seharusnya dapat dijadikan pedoman oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional bahawa apa pun alasan, ternyata mereka tidak popular di kalangan rakyat.

Yang terpenting daripada ini ialah kemunculan parti baru Semangat 46. Tengku Razaleigh Hamzah dan rakan-rakannya di dalam Angkatan seharusnya mengambil iktibar daripada keadaan parti SDP yang bukan saja baru ditubuhkan menjelang pilihanraya tahun 1986, tetapi selepas pilihanraya umum itu, parti itu telah berkubur. Semangat 46 juga, tidak mustahil akan menghadapi masalah dan keadaan yang sama, jika mereka tidak meninjau, meneliti dan mengkaji pelbagai aspek tentang objektif parti tersebut dan pemilihan calon yang akan ditentukan menjelang pilihanraya ini. Kesilapan membuat perhitungan seperti parti SDP dan Nasma, Semangat 46 hanya akan terhakis di dalam sejarah, sedangkan PAS dan DAP akan terus kekal sebagai parti pembangkang.

Pendaftaran Angkatan Perpaduan Ummah atau Angkatan telah pun diluluskan pendaftarannya oleh kerajaan. Dengan lulusnya pendaftaran gabungan parti-parti politik, iaitu komponen parti pemerintahan dan komponen parti pembangkang. Apa yang masih tidak jelas ialah kedudukan parti DAP. Parti ini belum memasuki komponen Angkatan itu secara rasmi tetapi hubungannya komponen Semangat 46 dikira cukup rapat.

Dalam usaha mewujudkan sebuah komponen parti-parti pembangkang yang kuat, kelulusan pendaftaran Angkatan dikira kena pada masanya. Kelulusan itu sekaligus membentuk kesempatan yang cukup baik mereka dalam menghadapi pilihanraya umum yang akan datang.

Setakat ini Angkatan diwakili oleh parti-parti Semangat 46, PAS, Hamim, Berjasa dan mungkin sebuah dua parti politik yang lain. Daripada segi jumlahnya, kekuatannya tidaklah sama dengan BN yang mempunyai kira-kira 11 parti politik yang lain. Kekuatan Angkatan lebih bergantung kepada Semangat 46 dan PAS atau ia boleh bertambah jika DAP ikut bergabung di dalamnya. Bagaimanapun kekuatan maksimumnya masih juga tidak sama. Hamim dan Berjasa hampir-hampir tidak mempunyai pengaruh

sama sekali, kecuali sesekali terdengar syara Junus Sudin dan Drs. Jalil Ahmad seperti melukut di tepi gantang.

Apa pun alasannya, kemunculan Angkatan tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Ia diwujudkan untuk menentang Barisan Nasional dan jika mungkin ia mahu menumbangkan Barisan Nasional itu dan seterusnya memerintah negara ini.

Menentang Barisan Nasional tidaklah payah. Untuk tempoh tiga puluh tahun yang lalu, parti pemerintah itu yang dulunya bernama Perikatan dan sekarang Barisan Nasional telah pun ditentang oleh pelbagai parti politik. Tetapi dalam tempoh yang sama, Perikatan atau Barisan Nasional terus juga berkuasa dengan berbagai-bagai cara termasuk Kerajaan Campuran, walaupun Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu pernah dikuasai oleh PAS dan Gerakan pada suatu ketika.

Oleh itu, menjadi penentang saja tidak perlu mewujudkan Angkatan. PAS telah menentang UMNO sejak ia lahir dari rusuk parti Melayu itu. DAP telah menentang Barisan Nasional sejak ia lahir daripada PAP di Singapura di dalam tahun enam puluhan dulu. Jadi, menjadi penentang kepada Barisan Nasional, tidak lagi memerlukan Angkatan.

Angkatan ditubuhkan untuk menumbangkan Barisan Nasional. Inilah matlamat penubuhan gabungan itu. Kalau tidak Angkatan tidak perlu dibentuk oleh Semangat 46, PAS, Berjaya dan Hamim. Kalau bukan tujuannya ke arah tersebut, DAP juga tidak akan berjinak-jinak dengan Semangat 46 walaupun ideologi partinya berlawanan dengan PAS di dalam Angkatan.

Dengan matlamat untuk menumbangkan Barisan Nasional itulah maka Angkatan dibentuk. Ia dibentuk di dalam suasana yang amat dramatik, ketika kepimpinan Semangat lahir daripada serpihan UMNO lama yang diharamkan oleh mahkamah dan sebahagian anggotanya disingkirkan oleh Dr. Mahathir Mohamad selepas Perhimpinan Agung UMNO 1987. Mereka inilah sekarang menerajui kepimpinan parti yang menentang Barisan Nasional itu.

Soal yang timbul dan menjadi tanda tanya sekarang ialah adakah Angkatan yang dibentuk oleh parti-parti pembangkang yang sedikit itu mampu dan berdaya menumbangkan Barisan Nasional? Soal menentang Barisan sudah tidak timbul lagi. Ia cerita lama!

Menumbangkan Barisan Nasional tidaklah sama seperti PBS

menumbangkan Berjaya pada tahun 1986 atau Berjaya menumbangkan USNO di Sabah pada tahun 1976 yang lalu. Barisan Nasional, sebagai parti pemerintah yang sudah lama memerintah, mempunyai segala kemampuan, taktik dan keupayaan untuk mempertahankan pemerintahannya. Oleh itu, menentang dan menumbangkan Barisan Nasional memerlukan bukan saja pertama: kesepakatan komponen parti-parti pembangkang yang lain. Kedua: sokongan rakyat terbanyak. Ketiga: mencetuskan keburukan Barisan Nasional. Keempat: membentuk taktik menjatuhkan lawan. Kelima: tolak ansur sesama pembangkang dan sebagainya.

Dalam konteks ini, kesepakatan parti-parti pembangkang di dalam Angkatan sudah mula diwujudkan. Sekalipun kewujudannya tidak menyeluruh dan kekuatannya tidak sama dengan Barisan, namun konsep kesepakatan itu sudah mulai kelihatan. Pada prinsipnya, konsep kesepakatan ini sudah cukup baik. Hanya pelaksanaannya perlu dipertingkatkan.

Peningkatan kepada konsep kesepakatan ini bergantung pula kepada sokongan rakyat. Dalam pilihanraya umum yang lalu, sokongan rakyat yang diberikan kepada parti-parti pembangkang adalah kira-kira hampir dua juta pengundi atau lebih kurang 42.72% daripada seluruh pengundi yang membuang undi. Sebagai perbandingan, sokongan rakyat yang diberikan kepada Barisan Nasional adalah kira-kira dua juta setengah atau kira-kira 57.28% daripada seluruh pengundi yang keluar membuang undi. Jumlah pengundi berdaftar dalam tahun 1986 lalu ialah sebanyak 6 791 000 orang (lebih kurang), sementara jumlah pengundi berdaftar bagi tahun 1990 ini ialah sebanyak 8 087 000 (lebih kurang) orang, meningkat kepada 1 309 000 (lebih kurang) orang pula.

Sudah pasti bahawa jika peningkatan jumlah pengundi boleh terarah kepada Barisan Nasional, maka ia juga boleh terarah kepada parti-parti pembangkang. Sejauh mana arahan pengundi kepada parti-parti pembangkang bergantung pula kepada isu yang boleh digunakan oleh parti-parti pembangkang dan keburukan yang boleh dipegang di dalam pemerintahan Barisan Nasional itu sendiri.

Memang mencetuskan isu dan mencari kelemahan dan kesalahan pihak pemerintah agak mudah. Kerja yang paling mudah di dalam dunia ini ialah mencaci dan mencela. Kerja parti

pembangkang di mana-mana kerajaan pun di dunia ini ialah mencaci dan mencela pemerintah. Apabila cacian dan celaan itu mendapat perhatian dan sokongan rakyat, kerajaan yang dicaci itu akan tumbang. Kebanyakan kerajaan di dunia ini tumbang dan jatuh akibat cacian dan celaan ini. Kadang-kadang kesalahan sesebuah parti pemerintah itu tidak sebanyak mana, tetapi kerana cacian dan celaan boleh mempengaruhi rakyat, maka parti pemerintah itu akan tumbang juga.

Malangnya cacian dan celaan oleh parti-parti pembangkang kepada kerajaan Barisan Nasional lebih tiga puluh tahun yang lalu belum juga berhasil. Cacian dan celaan itu bukannya palsu, bukannya direka-reka. Sebahagiannya adalah benar dan betul, tetapi apabila pilihanraya selesai pihak pembangkang kalah juga.

Pemerintahan di dalam zaman Mahathir misalnya, menghadapi banyak masalah. Era Mahathir pada awalnya adalah era kemerosotan ekonomi; era skandal dan era kemungkar serta era *dictatorship*. Mahathir telah mencetuskan pelbagai konflik dan masalah, pelbagai kerakusan dan kemungkar. Pada zaman awal pemerintahannya muncul skandal BMF, muncul pembatasan kuasa kesultanan, muncul kemerosotan ekonomi, muncul pemborosan kerajaan, muncul konflik kepimpinan politik dan akhirnya muncul UMNO baru, pemecatan Ketua Hakim Negara dan sebagainya sehingga membawa kemunculan parti Semangat 46 dan Angkatan.

Mengapa di tengah-tengah permasalahan pemerintahan Mahathir itu, pihak pembangkang gagal juga menumbangkan Barisan Nasional di dalam pilihanraya tahun 1986? Mengapa hanya DAP yang mencapai kejayaan besar sedangkan PAS jatuh terduduk? Adakah cacian dan celaan mereka tidak memberi kesan kepada rakyat?

Kegagalan pembangkang dalam pilihanraya yang lalu berpunca daripada kegagalan taktik berpolitik. PAS dengan ideologi Islamnya terus-terusan melantarkan suaranya hendak menegakkan negara Islam, di samping memburuk-burukkan kerajaan di dalam semua segi sehingga menakutkan Melayu dan bukan Melayu. DAP pula terus-terusan mengapi-ngapikan sikap perkauman dengan *multi-racial* nya sehingga Lim Kit Siang dan Karpal Singh menjadi seolah-olah singa dan harimau kepada orang-orang Melayu.

Cara dan taktik perjuangan serupa ini, dari satu segi bukan saja

merugikan perjuangan PAS dan DAP, tetapi juga menguntungkan Barisan Nasional. Dr Mahathir dengan segala kepintaran dan taktik politiknya, menggunakan kelantangan PAS dan DAP ini sebagai senjata untuk memusnahkan kredibiliti politik mereka. Beliau menyedari sifat Melayu adalah penyabar dan tidak agresif. Oleh itu, mengamalkan sikap keserdahanan dengan cara mencetuskan kebencian Melayu kepada DAP dan kebencian Cina kepada PAS, Barisan Nasional dengan mudah mencapai kemenangan. Inilah salah satu taktik politik Barisan Nasional yang tidak disedari oleh PAS dan DAP ketika itu.

Selain daripada ini, sekalipun PAS dan DAP berada di pihak pembangkang dan musuh mereka adalah Barisan Nasional, namun kedua-dua pihak tidak pernah hidup sekandang. Malah kedua-duanya seumpama kucing dengan tikus. Menentang Barisan Nasional yang mempunyai gabungan 11 parti politik secara sendiri-sendiri tidak mungkin mencapai kejayaan, apalagi pula kedua-dua penentang itu berlainan ideologi politik dan konsep perjuangan.

Berasaskan tidak ada kesepakatan di pihak pembangkang inilah Barisan Nasional terus-terusan mencapai kemenangan. Sekalipun DAP boleh meraih sebahagian besar pengundi Cina dan sekalipun PAS boleh meraih sebahagian besar pengundi Melayu, namun kedua-duanya tidak mungkin boleh mengalahkan Barisan Nasional kerana gabungan itu mendapat sebahagian daripada pengundi Melayu, sebahagian daripada pengundi Cina dan sebahagian daripada pengundi India.

Oleh yang demikian, dengan mempelajari pengalaman masa lampau, usaha mewujudkan kesepakatan parti-parti pembangkang menjelang pilihanraya ini bukan saja dikira wajar, malah tepat sekali. Hanya dengan kesepakatanlah semua perjuangan boleh berhasil. Inilah konsep yang diamalkan oleh Barisan Nasional selama hampir empat puluh tahun walaupun sesekali gigi dan lidah mereka tergigit juga di dalam gabungan itu.

Masalahnya membentuk kesepakatan tidaklah rumit, ia samalah dengan konsep 'sepakat itu berkat'. Lidi kalau disatukan banyak-banyak boleh menjadi penyapu. Ia sukar dipatahkan, malah ia boleh digunakan untuk membersihkan sampah sarap. Tetapi kesepakatan pembangkang di dalam konteks apa, di atas prinsip apa dan di atas ideologi apa, maka ia harus dibentuk? Jika kesepakatan itu bertujuan semata-mata untuk menumbangkan

Barisan Nasional di dalam pilihanraya semata-mata, yah kesepakatan itu perlu diwujudkan. Inilah satu-satunya cara yang paling praktik dan dikira boleh berjaya selepas lebih tiga puluh tahun PAS dan DAP gagal menumbangkan Barisan Nasional secara sendiri-sendiri.

Tetapi soalnya, adakah Angkatan boleh bekerjasama di dalam semua segi selepas mereka berjaya menumbangkan Barisan Nasional? Ke mana mereka hendak membawa rakyat yang pelbagai bangsa, pelbagai agama, pelbagai kebudayaan dan pelbagai pemikiran itu? Bagaimana mereka hendak menyatukan rakyat sebagai anak yang kasihkan keluarganya sedangkan ibu bapanya tidak pernah tidur sekalii? Sehingga ini motivasi perjuangan Angkatan belum lagi jelas. Manifesto yang cuba dibentuk oleh Tengku Razaleigh dirasakan tidak mungkin dapat melenturkan semangat dan ideologi PAS yang Islam dan DAP yang *multi-racial*. Apakah Tengku Razaleigh boleh menanggalkan pakaian Islam PAS yang dipakainya bertahun-tahun dan apakah Tengku Razaleigh boleh membuang *multi-racial* DAP yang diperjuangkannya bertahun-tahun di dalam manifestonya itu? Bukankah kedua-dua parti itu tegas dengan konsep perjuangan mereka dan sukar untuk bertolak ansur antara satu dengan yang lain?

Atas landasan apa maka manifesto Angkatan yang akan dikeluarkan nanti? Menegakkan negara Islam sebagai ‘addeen’ sebagaimana yang diperjuangkan oleh PAS? Sudah tentu ini bertentangan dengan konsep perjuangan DAP. Menegakkan *multi-racial* seperti perjuangan DAP? Sudah pasti ini ditentang oleh orang-orang Melayu. Menegakkan perjuangan sebuah pemerintahan yang berdasarkan kebenaran, keadilan, kebebasan dan nilai-nilai akhlak yang mulia? Konsep ini sudah diamalkan oleh Barisan Nasional, kecuali ada dua tiga perkara yang dirasakan tidak betul. Ini boleh dibetulkan. Jadi apa yang mahu ditegakkan oleh Angkatan? Hendak menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad?

Kalau sekadar hendak menjatuhkan Dr. Mahathir, saya rasa tidak perlu mewujudkan Angkatan. Kalau sekadar hendak menjatuhkan Ghafar Baba, Anuar Ibrahim atau Wan Mokhtar atau Mohd. Taib, Angkatan tidak perlu diwujudkan. Paling lama usia Mahathir dan Ghafar hanya sepenggal pilihanraya lagi, kedua-duanya akan mengikut jejak Tunku atau akan mengikut jejak Tun

Razak dan Hussein Onn juga. Siapa boleh menafikan ini?

Jadi yang tinggal hanya Anwar dan Mohd. Taib saja. Wan Mokhtar pun akan menerima nasib yang sama seperti Mahathir dan Ghafar Baba. Soalnya, adakah Tengku Razaleigh Hamzah, Rais Yatim, Datuk Harun, Lim Kit Siang dan Karpal Singh akan menungkat langit? Apakah mereka juga tidak akan mengikut jejak Tun Razak dan Hussein Onn juga? Yang dikira boleh kekal lama sedikit ialah Anwar Ibrahim, Fadzil Noor dan Ibrahim Ali. Ketiganya orang ini daripada sebuah kem yang sama. Pernah berjuang di dalam ABIM. Sudah tentu mereka boleh bersahabat dengan Lee Lam Thye. Jadi Anwar UMNO, Fadzil PAS, Ibrahim 46 dan Lee DAP bila-bila saja boleh bergabung di dalam Barisan Nasional. Angkatan mungkin menjadi abu!

Berasaskan ini matlamat perjuangan Angkatan sebenarnya hanya untuk merampas kuasa daripada tangan Mahathir sendiri. Mereka tidak mahu menunggu sehingga Mahathir berundur. Mereka mahu Mahathir dijatuhkan segera, dijatuhkan di atas gelanggang perjuangan. Bukannya menang tanpa bertanding. Soalnya selepas Mahathir jatuh, apakah formula andaian yang boleh dipegang oleh rakyat bagi membolehkan Angkatan berkuasa sedangkan PAS dengan DAP haram menikah dari segi syarak? Adakah Angkatan bersedia menjadi Tok Mudim untuk mengIslamkan DAP bagi membolehkan DAP dengan PAS berkahwin?

Sebenarnya dalam banyak perkara, ada sebahagian rakyat yang tidak suka kepada Mahathir. Ada juga yang tidak suka akan Anwar. Pun ada juga yang tidak suka akan Datuk Musa, Ghafar Baba, Datuk Abdullah, Lee Kim Sai, Karpal Singh dan Lim Kit Siang, atau Datuk Harun. Ketidaksukaan ini kadang-kadang ada sebabnya, tetapi ada juga tanpa sebab dan tanpa asas tertentu. Jika saya menyukai kecerdikan Mahathir, tidak bermakna Tengku Razaleigh tidak pandai. Jika saya tertarik dengan perjuangan Anwar, tidak bermakna saya tidak menyukai perjuangan Datuk Abdullah Badawi.

Apa yang menimbulkan masalah di sini ialah jikalau kita mensifatkan Dr. Mahathir zalim, kejam, diktator dan sebagainya, adakah kita mempunyai jaminan bahawa Tengku Razaleigh, Datuk Rais Yatim, Fadzil Noor, Lim Kit Siang dan Karpal Singh tidak boleh jadi zalim, kejam dan *dictatorship* juga? Jikalau kita menuduh kerajaan sekarang sebagai tidak adil, tidak benar, tidak

bebas dan tidak berakhhlak mulia, apakah ada jaminan bahawa kerajaan yang akan dibentuk oleh Angkatan nanti lebih berlaku adil, boleh bertindak benar, boleh melaksanakan kebebasan dan berakhhlak mulia pula? Atas jaminan apa maka perbezaan itu akan dapat kita nikmati?

Sebenarnya kedua-dua tafsiran yang tersebut di atas terlalu 'abstrak' sifatnya dan amat relatif kewujudannya. Seseorang boleh mendakwa Mahathir zalim dan diktator, tetapi seseorang yang lain lebih melihat kebaikan Mahathir yang lain pula. Subjektiviti ini tidak dapat dielakkan. Oleh itu, apa yang boleh pegang ialah sama ada apa yang dibuat oleh Mahathir itu berguna kepada bangsa dan negara atau tidak. Ini yang harus diperhitungkan dan bukannya tuduhan dan kecaman yang sudah lapuk dan bersifat prejudis semata-mata. Penilaian secara objektif ini penting dan perlu untuk satu perspektif yang lebih luas dan menyeluruh. Pertentangan yang berasaskan prejudis dan sentimen tentulah tidak boleh dipakai di sini. Ini kerja orang yang tamakkan kuasa.

Berasaskan hipotesis ini, langkah awal bagi memantapkan Angkatan hanya bergantung kepada sejauh mana kesepakatan tadi dapat diwujudkan oleh PAS dan DAP di dalam Angkatan. Jalan keluar bagi kesepakatan kedua-dua parti ini tidaklah seburuk yang diduga. Kelainan pemahaman dan ideologi boleh dikendurkan jika kedua-dua pihak saling memahami kepentingan asas perjuangan masing-masing.

Umpamanya empat prinsip yang dikemukakan oleh DAP bagi bekerjasama dengan PAS seperti, pertama: menyelamatkan demokrasi, kedua: memulihkan hak asasi manusia, ketiga: mewujudkan keadilan sosio-ekonomi dan keempat: menggalakkan perpaduan nasional, rasanya tidak bercanggah dengan lunas-lunas Islam. Keempat-empat prinsip ini tentulah tidak bercanggah dengan Islam dan agama-agama yang lain di dunia. Cuma DAP tidak menyokong Negara Islam atas prinsip slogan. Soalnya adakah Islam menentang demokrasi? Adakah Islam menentang hak asasi manusia? Adakah Islam menentang keadilan sosio-ekonomi? dan adakah Islam menentang perpaduan nasional? Dan yang terakhir, apakah prinsip ini langsung tidak wujud di dalam pemerintahan Barisan Nasional sehingga dengan sebab itu Barisan Nasional perlu ditumbangkan?

Ada dua perkara yang perlu dilihat selepas pilihanraya umum 1986 lalu. Pertama, trend pengundi Melayu dan pengundi bukan Melayu telah mulai berubah. Pengundi Melayu tidak lagi memberikan majoriti undinya kepada calon-calon UMNO atau Barisan Nasional dan pengundi bukan Melayu pun tidak lagi memberikan majoriti undinya kepada calon-calon MCA, Gerakan atau MIC. Dan kedua, perubahan trend ini akan menentukan haluan politik Malaysia sebenar menjelang abad kedua puluh satu ini.

Sejauh mana trend ini akan berubah dan sejauh mana pula ia dapat mengubah bentuk pemerintahan di negara ini, bergantung kepada sejauh mana rakyat boleh menggunakan kuasa undinya bagi menentukan haluan politik negara selepas pilihanraya ini.

Dalam sebuah buku kecil yang disediakan oleh parti Semangat 46, satu strategi telah dikemukakan sebagai bahan perbincangan dan kajian. Buku kecil ini berdasarkan motto: Atas kehendak rakyat, kuasa rakyat dan keputusan rakyat dengan sebuah tajuk yang menyoalkan: Siapa kata Barisan Nasional tidak boleh kalah?

Dalam buku yang mengandungi empat bab itu, kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia yang mengandungi 132 buah itu dibahagikan kepada lapan kumpulan berasingan berdasarkan

tiga kategori majoriti bukan Melayu, majoriti campuran dan majoriti Melayu. Keputusan pilihanraya bagi kelapan-lapan kumpulan itu ditunjukkan dan beberapa ulasan kecil dikemukakan sebagai sebab dan akibat mengapa pihak pemerintah mencapai kemenangan dan mengapa pihak pembangkang telah kalah. Di bawah ini saya perturunkan kembali kelapan-lapan kumpulan tersebut berdasarkan jumlah peratus pengundi Cina, Campuran dan Melayu. Untuk lebih jelas lagi, saya tambahkan calon pemenangnya sekali.

KUMPULAN A
KAWASAN MAJORITI CINA LEBIH 60% KE ATAS
Carta Satu

Bil.	KAWASAN	%MELAYU	%CINA	%INDIA	%LAIN2	CALON MENANG
1.	Tanjung	7.4%	86.6%	5.9%	0.1%	DAP
2.	Pasir Pinji	8.6%	86.4%	4.2%	0.8%	DAP
3.	Bukit Bintang	8.3%	83.5%	7.9%	0.3%	DAP
4.	Seputih	7.6%	83.1%	8.6%	0.7%	DAP
5.	Kepong	10.3%	80.6%	8.5%	0.6%	DAP
6.	Batu Gajah	14.1%	75.8%	10.1%	-	DAP
7.	Kampar	16.4%	74.9%	8.5%	0.2%	DAP
8.	Bukit Bendera	13.0%	74.1%	10.3%	1.7%	DAP
9.	Kota Melaka	22.1%	72.0%	3.5%	2.4%	DAP
10.	Bukit Mertajam	24.3%	66.6%	9.1%	0.3%	DAP
11.	Ipoh	12.3%	66.4%	19.6%	1.6%	DAP
12.	Jelutong	24.3%	66.5%	8.8%	0.4%	DAP
13.	Bayan Baru	24.7%	66.2%	8.8%	0.3%	DAP
14.	Bagan	22.0%	62.5%	15.1%	0.3%	DAP
15.	Petaling Jaya	27.0%	61.0%	10.6%	1.4%	DAP

KUMPULAN B
KAWASAN MAJORITI CINA ANTARA 50% - 60%
Carta Dua

BIL.	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
1.	Sungai Besi	31.4%	59.0%	8.7%	0.9%	DAP
2.	Kluang	36.2%	58.9%	4.9%	4.9%	BN
3.	Kelang	23.8%	58.6%	16.5%	1.1%	BN
4.	Seremban	31.0%	56.7%	11.5%	0.9%	DAP
5.	Puchong	27.3%	56.5%	15.0%	1.1%	DAP
6.	Bentong	34.5%	55.6%	8.8%	1.1%	BN
7.	Taiping	30.9%	55.0%	12.8%	1.2%	BN
8.	Bakri	43.8%	54.3%	1.8%	-	BN
9.	Beruas	33.9%	53.3%	12.8%	-	BN
10.	Senai	41.1%	52.8%	6.1%	-	BN
11.	Segamat	42.1%	50.0%	7.8%	0.1%	BN

KUMPULAN C
KAWASAN CAMPURAN
Carta Tiga

BIL.	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
1.	Sepang	48.2%	28.4%	21.7%	1.7%	BN
2.	Hulu Langat	48.1%	41.6%	9.6%	0.7%	BN
3.	Raub	47.0%	43.6%	7.2%	1.3%	BN
4.	Hulu Selangor	45.8%	34.0%	19.1%	1.1%	BN
5.	Batu	45.5%	39.8%	13.9%	0.8%	BN
6.	Tanjung Malim	44.2%	36.1%	17.8%	1.9%	BN
7.	Tapah	42.3%	38.2%	13.1%	6.4%	BN
8.	Lumut	40.9%	46.5%	12.3%	0.3%	BN
9.	Labis	38.3%	46.7%	14.9%	0.1%	BN

Sambungan Carta Tiga

Bil:	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
10.	Nibung					
	Tebal	38.7%	47.0%	14.2%	0.1%	BN
11.	Gopeng	38.0%	45.8%	13.1%	3.0%	BN
12.	Teluk					
	Intan	33.6%	45.4%	20.8%	0.2%	BN
13.	Sungai					
	Siput	31.0%	46.0%	16.6%	6.5%	BN
14.	Rasah	25.9%	49.2%	22.8%	1.1%	DAP

KUMPULAN D
KAWASAN MAJORITI MELAYU 50% - 60%
Carta Empat

Bil:	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
1.	Batu					
	Berendam	58.6%	36.3%	4.7%	0.4%	BN
2.	Kuantan	58.4%	35.9%	5.5%	0.2%	BN
3.	Bagan					
	Datuk	58.3%	18.5%	23.2%	-	BN
4.	Kuala					
	Langat	58.3%	26.3%	14.4%	0.8%	BN
5.	Temerloh	57.7%	34.7%	5.0%	2.6%	BN
6.	Shah Alam	57.6%	17.3%	24.7%	0.4%	BN
7.	Batu Pahat	57.0%	41.3%	1.6%	0.1%	BN
8.	Jelebu	56.5%	34.1%	6.5%	2.6%	BN
9.	Lembah					
	Pantai	56.4%	26.6%	15.4%	1.7%	BN
10.	Pulai	55.9%	38.0%	6.0%	0.1%	BN
11.	Balik					
	Pulau	55.7%	39.9%	4.2%	0.2%	BN

Sambungan Carta Empat

BIL.	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
12.	Kulim	55.4%	30.2%	13.8%	0.6%	BN
13.	Teberau	55.4%	34.2%	10.3%	0.1%	BN
14.	Padang Serai	55.2%	20.6%	23.7%	0.5%	BN
15.	Sungai Petani	55.1%	34.3%	10.0%	0.1%	BN
16.	Alor Setar	54.8%	34.8%	5.5%	0.9%	BN
17.	Kuala Selangor	54.8%	19.7%	25.3%	0.23%	BN
18.	Merbok	54.8%	25.7%	18.9%	0.6%	BN
19.	Tambun	53.6%	35.8%	9.8%	0.8%	BN
20.	Lipis	53.2%	33.0%	7.5%	6.3%	BN
21.	Jempol	52.7%	35.0%	12.1%	0.2%	BN
22.	Pontian	52.2%	46.8%	1.0%	-	BN
23.	Selayang	51.4%	32.8%	14.8%	1.0%	BN
24.	Ledang	51.4%	43.5%	5.1%	-	BN
25.	Teluk Kemang	51.3%	28.2%	19.8%	0.7%	BN
26.	J. Baharu	50.9%	40.5%	8.3%	0.3%	BN
27.	Selandar	50.8%	35.4%	13.6%	0.22%	BN

**KUMPULAN E
KAWASAN MAJORITI MELAYU 60% - 63%**
Carta Lima

BIL	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
1.	Mentakab	63.0%	23.2%	10.9%	2.9%	BN
2.	Pagoh	62.7%	32.5%	4.8%	-	BN
3.	Bukit Gantang	62.5%	28.0%	9.2%	0.3%	BN
4.	Sungai Benut	62.5%	28.0%	9.2%	0.3%	BN

Sambungan Carta Lima

Bil: KAWASAN	%MELAYU	%CINA	%INDIA	%LAIN2	CALON MENANG
5. Grik	62.4%	25.4%	4.8%	7.4%	BN
6. Mersing	62.1%	34.9%	2.9%	0.1%	BN
7. Parit					
Sulong	60.4%	38.0%	1.6%	-	BN
8. Kapar	60.0%	25.4%	14.6%	0.2%	BN

KUMPULAN F
KAWASAN MAJORITI MELAYU 63% - 70%
Carta Enam

Bil: KAWASAN	%MELAYU	%CINA	%INDIA	%LAIN2	CALON MENANG
1. Kepala Batas	69.8%	25.1%	5.0%	0.1%	BN
2. Ampang Jaya	68.5%	25.9%	4.6%	1.0%	BN
3. Parit Jasin	67.8% / 67.7%	28.6% / 22.8%	2.9% / 9.4%	0.7% / 0.1%	BN
5. Parit Buntar	67.4%	28.8%	3.7%	0.1%	BN
6. Bagan Serai	67.2%	17.3%	15.5%	-	BN
7. Muar	66.3%	32.0%	1.7%	-	BN
8. Ptg. Pauh	65.6%	26.6%	7.5%	0.3%	BN
9. Tampin	64.5%	24.4%	10.6%	0.5%	BN
10. Titiwangsa	63.8%	26.2%	9.6%	0.4%	BN
11. Kuala Kangsar	63.8%	27.4%	8.5%	0.8%	BN

KUMPULAN G
KAWASAN MAJORITI MELAYU 70% - 80%
Carta Tujuh

Bil.	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
1.	Pasir Salak	79.8%	14.5%	5.1%	0.6%	BN
2.	Kota Bahru	78.7%	19.0%	1.2%	0.3%	BN
3.	Tanjung Karang	78.2%	19.0%	1.2%	-	BN
4.	Kangar	78.1%	18.1%	2.6%	1.2%	BN
5.	Alor Gajah	77.6%	17.6%	4.8%	-	BN
6.	Jerantut	77.6%	19.2%	2.4%	0.8%	BN
7.	Kota Star	75.6%	22.0%	1.9%	0.5%	BN
8.	Sabak Bernam	75.2%	18.7%	6.0%	0.1%	BN
9.	Tasik Gelugur	76.0%	17.5%	6.5%	-	BN
10.	Sri Gading	74.2%	24.2%	1.5%	0.1%	BN
11.	Kuala Pilah	73.4%	21.3%	5.2%	0.1%	BN
12.	Kota Tinggi	72.1%	23.4%	4.4%	0.1%	BN
13.	Tasik Chenderoh	71.4%	22.0%	6.4%	0.2%	BN

KUMPULAN H
KAWASAN MAJORITI MELAYU 80% KE ATAS
Carta Lapan

Bil.	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
1.	Kuala Nerus	99.2%	0.6%	0.2%	-	BN
2.	Setiu	99.1%	0.7%	0.1%	0.1%	BN
3.	Hulu Terengganu	98.9%	1.0%	0.1%	-	BN
4.	Marang	98.7%	1.2%	0.1%	0.02%	BN
5.	Nilam Puri	98.7%	1.3%	-	0.3%	BN
6.	Bachok	98.2%	1.4%	-	0.4%	BN

Sambungan Carta Lapan

Bil.	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN2	CAON MELANG
7.	Besut	98.0%	1.8%	0.2	-	BN
8.	Kok Lanas	97.0%	2.9%	-	0.1%	BN
9.	Pasir Puteh	97.0%	2.1%	0.1%	0.8%	BN
10.	Pengkalan Chepa	96.6%	3.0%	0.3%	0.1%	PAS
11.	Rantau Panjang	96.3%	2.7%	0.1%	0.9%	BN
12.	Pasir Mas	94.8%	3.0%	0.2%	2.0%	BN
13.	Machang	94.8%	3.1%	2.1%	0.03%	BN
14.	Tanah Merah	94.8%	4.0%	-	1.2%	BN
15.	Dungun	93.2%	6.2%	0.5%	0.1%	BN
16.	Tumpat	92.1%	3.2%	0.3%	4.4%	BN
17.	Jerlun	90.2%	8.4%	1.0%	0.4%	BN
18.	Padang Terap	90.0%	4.0%	0.6%	4.4%	BN
19.	Rompin	89.4%	3.0%	0.0%	5.6%	BN
20.	Baling	98.1%	7.4%	1.7%	1.8%	BN
21.	Kuala Kerai	88.0%	8.7%	3.0%	0.3%	BN
22.	Jerai	87.9%	11.7%	0.3%	0.1%	BN
23.	Pendang	87.0%	7.2%	50.0%	5.0%	BN
24.	Kemaman	85.9%	13.0%	1.0%	0.1%	BN
25.	Arau	85.3%	11.8%	1.3%	1.6%	BN
26.	Kuala Terengganu	85.2%	13.8%	0.6%	0.4%	BN
27.	Kubang Pasu	84.1%	10.9%	3.5%	1.5%	BN
28.	Maran	84.1%	13.1%	2.4%	0.4%	BN
29.	Pekan	82.5%	13.0%	2.1%	1.6%	BN
30.	Gua Musang	82.2%	6.9%	1.0%	9.9%	BN
31.	Sik	81.6%	6.4%	8.5%	3.5%	BN

Sambungan Carta Lapan

Bil.	KAWASAN	% MELAYU	% CINA	% INDIA	% LAIN2	CALON MENANG
32.	Larut	81.1%	8.8%	9.9%	0.2%	BN
33.	Kuala Kedah	80.1%	19.2%	0.4%	0.3%	BN

Jumlah kawasan dalam kumpulan itu ialah:

Kumpulan A = 15	Kawasan BN	0	DAP	15	PAS	0
Kumpulan B = 11	Kawasan BN	8	DAP	3	PAS	0
Kumpulan C = 14	Kawasan BN	13	DAP	1	PAS	0
Kumpulan D = 27	Kawasan BN	27	DAP	0	PAS	0
Kumpulan E = 8	Kawasan BN	7	DAP	1	PAS	0
Kumpulan F = 11	Kawasan BN	11	DAP	0	PAS	0
Kumpulan G = 13	Kawasan BN	13	DAP	0	PAS	0
Kumpulan H = 33	Kawasan BN	32	DAP	0	PAS	1

Jumlah	132	Kawasan BN	111	DAP	20	PAS	1
--------	-----	------------	-----	-----	----	-----	---

Dalam kumpulan A yang mengandungi 15 kawasan, kita melihat bahawa semua kawasan di mana majoriti Cina lebih daripada 60% ke atas, calon DAP telah mencapai kemenangan. Berasaskan trend bahawa pengundi majoriti Cina akan terus menyokong calon-calon pembangkang, buku Semangat 46 itu menyakini bahawa kesemua calon DAP itu akan dapat mempertahankan kejayaan mereka.

Saya tidak menolak kemungkinan bahawa DAP boleh mengekalkan kejayaannya di dalam 15 kawasan ini, tetapi jika kita perhatikan perbezaan jumlah undi yang telah diterima oleh DAP dengan calon Barisan Nasional, terutamanya di kawasan Bayan Baru (P.47), kawasan Bukit Mertajam (P.42), kawasan Kampar (P.65) dan kawasan Bagan (P.40), keyakinan saya bahawa DAP boleh mempertahankan kesemua 15 kerusi Parlimen yang dimenanginya dulu agak sukar. Sekurang-kurangnya empat kawasan yang saya sebutkan ini akan menjadi kawasan paling sengit kerana calon DAP bagi kawasan Bayan Baru, misalnya hanya mendapat 262 undi majoriti saja daripada jumlah undi yang

diterimanya sebanyak 19 610 undi, sedangkan undi yang diberikan kepada calon Brisian Nasional ialah sebanyak 19 348 undi.

Perbezaan majoriti undi yang kecil ini tidak dapat membayangkan bahawa 75% daripada pengundi Cina dan India di situ memberikan undi kepada calon DAP. Ini secara teorinya boleh menolak anggapan bahawa tradisi pengundi majoriti Cina secara umumnya menyokong pembangkang atau anti kepada kerajaan tidaklah benar seratus peratus.

Begitu juga kalau kita perhatikan jumlah pengundi yang diterima oleh calon DAP di kawasan Bukit Mertajam misalnya, kelebihan undi majoritinya hanya 1426 undi. Calon DAP di kawasan Bagan, majoritinya hanya 2848 undi dan begitu juga calon DAP bagi kawasan Kampar, majoritinya hanya 3081 undi. Berasaskan perbandingan jumlah undi yang diterima oleh calon DAP dan calon Barisan Nasional bagi ketiga-tiga kawasan ini, saya percaya bahawa kemungkinan Barisan Nasional dapat merampas keempat-empat kerusi di kawasan berkenaan bukanlah mustahil.

Dalam kumpulan B yang mengandungi 11 kawasan di mana pengundi Cina berada antara 50% - 60% pula, kita mendapati DAP hanya mencapai kemenangan sebanyak tiga kerusi, iaitu kemenangan bagi kawasan Sungai Besi (P.102), Seremban (P.107) dan kawasan Puchong (P.91). Di dalam ketiga-tiga kawasan ini, kawasan Puchong barangkali, boleh dipertahankan terus oleh DAP. Tetapi bagi kawasan Seremban, harapan bagi Pengurus DAP Dr. Chen Man Hin mempertahankan kerusinya adalah sakit. Dengan hanya majoriti sebanyak 1064 undi dari jumlah undi yang diterimanya sebanyak 23 557 undi, kedudukannya semakin merosot. Ini kerana dalam pilihanraya tahun 1982 lalu, beliau mendapat kelebihan undi sehingga 6393 undi. Kemerosotan ini jelas sekali dan saya khuatir jika beliau kalah di dalam pilihanraya kali ini, ia boleh menjaskan reputasi parti DAP itu sendiri.

Kawasan Sungai Besi juga tidak begitu selamat bagi DAP. Ini kerana perbezaan undi hanya sebanyak 1526 undi saja berbanding dengan undi yang diterimanya sebanyak 22 188 undi, sementara undi yang diterima oleh calon Barisan Nasional ialah sebanyak, 20 662 undi. Jika Barisan Nasional di kawasan ini bekerja lebih keras sedikit, saya percaya kerusi DAP di situ akan bergoncang.

Bagaimanapun di tengah-tengah kesukaran bagi DAP di dalam tiga kawasan ini, Barisan Nasional juga sedang menghadapi kesulitan yang menyulitkan. Dalam kumpulan B ini, ada empat kawasan Barisan Nasional yang dijangka tidak selamat. Kawasan Kelang (P.93.), umpamanya, majoriti kemenangan calon Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu hanya sebanyak 667 undi saja berbanding dengan undi yang diterimanya sebanyak 24 966 undi. Jika Barisan Nasional tidak bekerja keras di kawasan itu, besar kemungkinan calon Barisan Nasional akan kalah. Ini kerana jika undi PAS sebanyak 2317 itu di campur dengan undi DAP sebanyak 24 299 undi, jelas dengan mudah DAP atau pembangkang akan bertapak di Kelang.

Tiga kawasan lain yang membimbangkan Barisan ialah kawasan Beruas di Perak (P.62), kawasan Bakri (P.122) dan Keluang(P.120) di negeri Johor. Kawasan Beruas, misalnya kelebihan undi majoriti calon Barisan hanya sebanyak 1015 undi saja berbanding dengan undi yang diterima sebanyak 11 926. Begitu juga kelebihan undi majoriti yang diterima oleh calon Barisan di kawasan Bakri hanya sebanyak 1105 undi sahaja berbanding dengan undi yang diterimanya sebanyak 14 818 undi dan demikian juga kelebihan majoriti undi yang diterima oleh calon Barisan di Keluang sebanyak 2009 undi sajanya berbanding dengan jumlah undiyang diterimanya sebanyak 22 891 undi.

Ketiga-tiga kawasan ini, terutamanya kawasan Beruas di mana jumlah pengundi bukan Melayu sebanyak 65% boleh memberikan tentangan yang sengit memandangkan kelebihan undi Barisan Nasional cuma hanya 1015 undi saja. Begitu juga di dalam kawasan Keluang dan kawasan Bakri di mana majoriti bukan Melayu lebih banyak daripada pengundi Melayu. Dalam kawasan Bakri misalnya, jika undi DAP dicampur dengan undi PAS, jumlahnya melebihi 332 daripada undi Barisan Nasional. Sebaliknya jika DAP bekerjasama dengan PAS di kawasan Keluang, kedua-duanya hanya berkurangan 860 undi saja. Ini menunjukkan jika Barisan Nasional tidak bekerja keras dan meletakkan calon yang diterima oleh rakyat di kedua-dua kawasan tersebut, besar kemungkinan Angkatan boleh menambahkan jumlah kerusi mereka memandangkan perbezaan peratus bagi kawasan-kawasan berkenaan amat sedikit.

Dalam kumpulan C pula, daripada 14 kawasan yang dipertandingkan, DAP hanya memenangi satu kerusi saja, iaitu di

kawasan Rasah (P.108). Dalam semua 13 kawasan yang lain, Barisan Nasional telah berjaya. Kemenangan DAP di kawasan Rasah bagaimanapun, tidaklah besar. Dengan kelebihan majoriti sebanyak 1471 undi saja, Barisan Nasional boleh menaruh harapan di situ, tetapi mengingatkan pengundi Melayu hanya 25.9% saja, DAP atau Angkatan boleh menaruh lebih keyakinan.

Tentangan yang paling sengit bagi kumpulan C ini ialah di kawasan Teluk Intan (P.70) dan di kawasan Lumut (P.68). Dalam kawasan Teluk Intan misalnya, calon DAP Fadzlan Yahaya hanya kalah sebanyak 1443 undi saja, sedangkan majoriti undi bukan Melayu di situ terdapat kira-kira 65%. Begitu juga di kawasan Lumut, calon DAP hanya kalah sebanyak 1508 undi saja. Jika undi DAP dan undi PAS dicampurkan seperti di kawasan Bakri, jelas DAP atau Angkatan akan menang sebanyak 892 undi di kawasan tersebut.

Dalam kumpulan D di mana majoriti Melayu antara 50% hingga ke 60%, pengekalan kemenangan 100% tidaklah sukar bagi Barisan Nasional. Saya bersetuju dengan ulasan buku Semangat 46 itu bahawa DAP dan PAS agak sukar mencari kemenangan di sini, kerana jika Barisan Nasional boleh mencuri 10% saja majoriti undi daripada mana-mana kaum, ia dengan mudah boleh mencapai kejayaan. Begitu juga jika Semangat 46 mendapat sokongan 50% undi Melayu atau 50% undi bukan Melayu, maka parti itu juga boleh mencapai kemenangan jika ia dapat mencuri 10% daripada pengundi yang lain sebagai tambahan.

Di tengah-tengah keselesaan calon-calon Barisan Nasional di sini, mereka juga tidak boleh memandang sepi akan adanya tiga kawasan yang memerlukan perhatian. Kawasan Johor Bahru umpamanya (P.130) perbezaan undi BN dan PSRM hanya 2235 undi saja. Begitu juga kawasan Balik Pulau (P.48) dan kawasan Temerloh (P.80). Dalam kawasan Balik Pulau, perbezaan undi bagi PSRM dengan BN cuma 3492 berbanding dengan undi BN sebanyak 17 393. Jika Dr. Sanusi Osman bertanding di kawasan ini bagi pihak Angkatan, cabaran bagi calon BN adalah besar. Begitu juga bagi kawasan Temerloh. Kawasan ini sekalipun tidaklah sesukar Balik Pulau, namun dengan kira-kira 40% pengundi bukan Melayu, Angkatan boleh mencapai kemenangan jika ia dapat mencuri 10% daripada pengundi Melayu.

Bagi kumpulan E pula di mana kelapan-lapan kawasan

tersebut dimenangi oleh Barisan Nasional, harapan untuk pembangkang meraih kemenangan adalah sukar. Di dalam kawasan ini di mana pengundi Melayu berada di paras 60% - 63%, harapan bagi DAP atau PAS mencapai kemenangan adalah sukar sekali. Hanya calon Semangat 46 saja yang boleh mencuba nasibnya di sini, itu pun jika Barisan Nasional sengaja meletakkan sekali lagi calon kontroversi video lucah D.P. Vijandran di kawasan Kapar misalnya.

Bagi kumpulan F pula, keadaannya samalah dengan kumpulan E, iaitu selain peratus pengundi Melayu kuat di situ, kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional ialah 100%. Bagaimanapun bagi kawasan Parit Buntar (P.51) keadaannya amat berbeza sedikit. Majoriti calon BN di sini cuma 1183 undi. Jika keputusan pilihanraya yang lalu boleh dijadikan kayu ukur, maka kemenangan calon BN di sini amatlah tipis kerana jika jumlah undi PAS dan undi DAP dicampurkan di situ, jelas mereka akan mendapat sebanyak 14 857 undi berbanding dengan BN hanya sebanyak 11 029 undi. Inilah peluang terbaik Haji Subky Latif jika dia bersedia bersama DAP menentang calon BN di situ. Khabarnya dia akan bertanding di kawasan lain. Dalam hal ini saya suka mengingatkannya, jangan yang dikehjarnya tak dapat, yang dikendung keciciran.

Dalam kumpulan F ini terdapat tiga kawasan penting bagi UMNO dan Barisan Nasional, iaitu kawasan Jasin (P.114), kawasan Permatang Pauh (P.41) dan kawasan Kepala Batas (P.38). Dalam ketiga-tiga kawasan ini terdapat Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba, Naib Presiden UMNO Sdr Anwar Ibrahim dan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi akan bertanding mempertahankan kawasan mereka.

Dalam formula andaian yang telah saya kemukakan di dalam buku saya 'BN & APU Siapa Berkuasa?' saya menyebutkan jika formula andaian parti pembangkang itu boleh menjadi benar, Sdr Anwar Ibrahim akan kalah sebanyak 1155 undi dan Datuk Abdullah akan kalah sebanyak 30 undi kepada pembangkang. Analisis saya bagi kawasan Jasin di Melaka, menunjukkan Encik Ghafar Baba tetap juga menang. Formula andaian pihak pembangkang tidak boleh dipakai di sini. Sokongan kepada Encik Ghafar Baba amat kuat. Saya akan menulis mengenai formula andaian ini di dalam bab yang lain.

Mengenai kumpulan G yang mengandungi 13 kawasan pula,

pertentangan hanya mungkin di kawasan Kota Star (P.6) di mana dalam pilihanraya yang lalu, kelebihan majoriti undi BN hanya sebanyak 1394 sahaja berbanding dengan undi yang diperolehi oleh calon PAS sebanyak 13 344 undi. Dalam kawasan di mana majoriti Melayu 70% sehingga 80% ini, DAP nampaknya langsung tidak bertanding. Ini bermakna yang bertanding ialah calon UMNO dan PAS sahaja.

Bagaimanapun dalam usaha mencari sokongan dan pengaruh, parti Semangat 46, barangkali boleh menumpukan perhatian di sini. Ini kerana di dalam kebanyakan kawasan di sini, pengundi bukan Melayu terdapat antara 20% sehingga 27%. Jika formula andaian pihak pembangkang berkehendakkan 50% pengundi bukan Melayu, 20% pengundi BN dan 100% pengundi pembangkang lama, harapan mereka masih ada walaupun peratus kemenangannya masih 50:50 sahaja.

Kawasan yang paling menarik dibahaskan ialah kawasan di dalam kumpulan H. Di dalam kumpulan ini terdapat kira-kira 33 kawasan yang dipertandingkan. Dalam pilihanraya yang lalu, kesemua kawasan ini, kecuali kawasan Pengkalan Chepa di mana PAS mendapat kemenangan tunggal, 32 kawasan yang lain dimenangi oleh calon Barisan Nasional. Ini tidak menghairankan kerana kawasan ini majoriti pengundinya 80% ke atas adalah pengundi Melayu. Pertandingan keseluruhannya ialah di antara calon UMNO dan PAS saja kecuali di Kota Star, parti-parti lain tidak bertanding langsung.

Di dalam kawasan-kawasan ini terdapat pemimpin-pemimpin politik yang penting. Di dalam kawasan Kubang Pasu misalnya, (P.4) terdapat calon BN Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO. Di kawasan Kuala Kedah, umpamanya (P.8), terdapat calon Yang Dipertua PAS Haji Fadzil Noor. Di kawasan Gua Musang pula (P.29) terdapat pula calon Presiden Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah. Pemimpin-pemimpin lain yang bertanding di dalam kawasan -kawasan ini ialah Datuk Seri Sanusi Junid (P.3) Jerlun - Langkawi, (P.21) Rantau Panjang, Datuk Dr. Yusuff Hj. Mohd. Noor (P.31) Setiu, Datuk Dusuki Haji Ahmad (P.17) Tumpat dan beberapa orang pemimpin Semangat 46 tempatan yang lain.

Di dalam kumpulan ini terdapat kira-kira 9 kawasan yang dijangka menghadapi pertandingan yang sengit dan mencabar. Kawasan-kawasan tersebut ialah Bachok (P.23), Nilam Puri

kawasan-kawasan di mana calon yang menang mendapat majoriti yang sedikit dan kawasan-kawasan di mana perbezaan undi yang tidak banyak.

MAJORITI SEDIKIT DAN PERBEZAAN SEDIKIT

KAWASAN	UNDI BARISAN	UNDI PEMBANGKANG	MAJORITI
1. P.47 Bayan Baru	19 348	19 610 + 1075	262
2. P.23 Bachok	16 617	16 347	270
3. P.22' Nilam Puri	12 911	12 359	552
4. P.34 Marang	13 654	13 015	639
5. P.93 Kelang	24 966	24 299	667
6. P. 9 Pendang	16 886	15 986	900
7. P. 42 Bukit Mertajam	17 673	19 099	1426
8. P.107 Seremban	22 513	23 577	1064
9. P.102 Sungai Besi	20 662	22 186	1526
10. P.62 Beruas	11 926	10 911 + 1594	1015
11. P.122 Bakri	14 818	13 713 + 1437	1105
12. P.120 Keluang	22 891	20 882 + 1149	2009
13. P.108 Rasah	19 668	21 139	1471
14. P.70 Teluk Intan	15 152	13 709	1443
15. P.68 Lumut	15 792	14 284 + 2400	1508

MAJORITI SEDIKIT DAN PERBEZAAN SEDIKIT

KAWASAN	UNDI BARISAN	UNDI PEMBANGKANG	MAJORITI
16. P.51 Parit Buntar	11 029	5011 + 9846	1183
17. P. 6 Kota Star	14 738	13 344	1394
18. P.27 Machang	11 110	9713	1397
19. P.21 Rantau Panjang	13 196	11 784	1412
20. P.17 Tumpat	16 760	15 050	1710
21. P.28 Kuala Kerai	12 240	10 330	191
22. P. 8 Kuala Kedah	15 992	14 035	1957

+ Dua buah parti pembangkang

Berasaskan senarai di atas, kita mendapati sekurang-kurangnya 22 buah kawasan ini akan menjadi medan pertandingan yang sengit di antara parti Barisan Nasional dengan PAS atau DAP atau calon Barisan Nasional yang dulunya menang, kini berada di pihak pembangkang. Di dalam senarai ini, kawasan Bukit Mertajam, Seremban dan Rasah adalah kawasan DAP, sementara kawasan Nilam Puri, Johor Baharu dan beberapa kawasan yang lain yang dulunya kawasan Barisan Nasional tetapi kini berubah menjadi kawasan Angkatan. Wakil Johor Baharu bagaimanapun tidak jelas pendiriannya.

Oleh kerana 19 daripada 21 buah kawasan ini dimenangi oleh calon-calon Barisan Nasional dengan majoriti yang sedikit atau perbezaannya amat sedikit, maka kesemua kawasan ini menjadi kawasan yang berpotensi untuk ditandingi oleh calon-calon pembangkang (Angkatan) dan untuk teori di atas kertas, hampir kesemua kawasan ini besar kemungkinannya dimenangi oleh Angkatan jika formula andaian mereka diterima oleh rakyat.

Dalam buku Semangat 46 itu, strategi Angkatan diarahkan kepada kawasan-kawasan di mana peluang dan potensi ini masih ada Tumpuan ditujukan kepada kawasan-kawasan pilihanraya di

mana calon-calon PAS mendapat undi antara 24% sehingga ke 49%. Dengan memberikan tumpuan yang lebih kepada kawasan-kawasan yang berpotensi ini, mereka berharap bahawa suatu peningkatan peratusan pengundi akan dapat diwujudkan kepada calon-calon mereka yang akan bertanding nanti. Di bawah ini disenaraikan 33 buah kawasan yang diberikan tumpuan tersebut:

PERATUS UNDI YANG DITERIMA OLEH PAS DALAM PILIHANRAYA UMUM TAHUN '86.

<i>BIL.</i>	<i>KAWASAN</i>	<i>UNDI PAS</i>	<i>PERATUS UNDI</i>
1.	P.32 Kuala Nerus	8527	35%
2.	P.31 Setiu	8842	36%
3.	P.35 Hulu Terengganu	9255	39%
4.	P.34 Marang	13 015	48.4%
5.	P.22 Nilam Puri	12 359	48.9%
6.	P.23 Bachok	16 347	49.59%
7.	P.30 Besut	10 287	40%
8.	P.25 Kok Lanas	10 975	43.7%
9.	P.24 Pasir Putih	10 955	44%
10.	P.18 Pengkalan Chepa	17 501	PAS menang
11.	P.21 Rantau Panjang	11 784	47%
12.	P.20 Pasir Mas	11 903	43%
13.	P.27 Machang	9713	46.6%
14.	P.26 Tanah Merah	11 422	43%
15.	P.36 Dungun	10 252	38.5%
16.	P.17 Tumpat	15 050	47%
17.	P. 3 Jerlun	12 510	39.9%
18.	P. 5 Padang Terap	12 985	41%
19.	P.81 Rompin	4861	24%
20.	P. 3 Baling	11 310	39%
21.	P.28 Kuala Kerai	10 330	45.7%
22.	P.10 Jerai	10 736	44%
23.	P. 9 Pendang	15 986	48.6%
24.	P.37 Kemaman	7270	30%
25.	P. 2 Arau	11 091	38%
26.	P.33 K.Terengganu	15 815	40.6%

**PERATUS UNDI YANG DITERIMA OLEH PAS
DALAM PILIHANRAYA UMUM TAHUN '86**

Bil:	KAWASAN	UNDI PAS	PERATUS UNDI
27.	P. 4 Kubang Pasu	10 154	28.5%
28.	P.77 Maran	7623	25%
29.	P.76 Pekan	5623	25%
30.	P.29 Gua Musang	5219	29%
31.	P.12 Sik	11 310	37.6%
32.	P.50 Larut	5 775	27%
33.	P. 8 Kuala Kedah	14 035	47%

Dalam senarai di atas, kita dapat sebahagian besarnya termasuk juga di dalam senarai yang saya sebutkan sebelum ini, iaitu di dalam senarai majoriti sedikit dan perbezaan sedikit. Sekurang-kurangnya ada 9 kawasan yang sama, iaitu kawasan Bachok, Nilam Puri, Marang, Pendang, Machang, Rantau Panjang, Tumpat, Kuala Kerai dan Kuala Kedah tercatat di dalam senarai ini. Ini bermakna bahawa ada 24 kawasan yang lain lagi yang mempunyai potensi besar untuk menjadi cabaran kepada PAS dan Semangat 46, terutamanya mengingatkan beberapa kawasan daripadanya memang menjadi milik pembangkang selepas pilihanraya yang lalu. Kawasan-kawasan tersebut, antara lain ialah:

- | | |
|-------------------------|---|
| 1. P. 29 Gua Musang | - Tengku Razaleigh Hamzah - Semangat 46 |
| 2. P. 42 Bukit Mertajam | - Chian Heng Kai - DAP |
| 3. P.107 Seremban | - Dr. Chen Man Hain - DAP |
| 4. P.108 Rasah | - Hu Sepang - DAP |
| 5. P. 32 Kuala Nerus | - Haji Ibrahim Azmi - Semangat 46 |
| 6. P. 22 Nilam Puri | - Datuk Mohd. Haji Ali - Semangat 46 |
| 7. P. 20 Pasir Mas | - Haji Ibrahim Ali - Semangat 46 |
| 8. P.24 Pasir Puteh | - Wan Omar Wan Najib - Semangat 46 |

- | | | | |
|-----|------|--------------------|--|
| 9. | P.30 | Besut | - Datuk Hj. Zakaria Abd.
Rahman - Semangat 46 |
| 10. | P.18 | Pengkalan
Chepa | - Abdullah Haji Arshad - PAS |

Persoalan yang timbul sekarang ialah selain kawasan Bukit Mertajam, Seremban, Rasah dan Pengkalan Chepa yang menjadi milik DAP dan PAS itu, bagaimana pula kedudukan dan harapan di dalam kawasan-kawasan yang lain?

Di dalam senarai 33 kawasan yang disebutkan itu, kita dapat ada 17 kawasan di mana calon-calon PAS mendapat antara 40% sehingga 49.59% undi, 9 kawasan mendapat 30% sehingga 39% dan 6 kawasan mendapat antara 24% sehingga 29% undi. Sudah tentu bahawa jumlah peratus undi ini daripada pengundi-pengundi Melayu sahaja. Berasaskan formula andaian, bahawa PAS boleh menarik keluar sebanyak antara 10% - 15% pengundi Melayu UMNO dan 50% pengundi bukan Melayu, hampir kesemua kawasan ini akan menjadi milik PAS. Di dalam buku Semangat 46 itu, mereka mendakwa jika mereka mendapat sokongan sebanyak 27% saja pengundi Barisan Nasional (termasuk undi bukan Melayu), keseluruhan 33 kawasan itu akan menjadi milik mereka.

Bagaimanapun di dalam hipotesis buku itu, mereka menyebutkan jika mereka dapat memperoleh antara 1% sehingga 11% undi Barisan Nasional, sekurang-kurangnya 18 kawasan yang mempunyai sokongan 40% sehingga 49.59% (termasuk Pengkalan Chepa) akan memperolehi kejayaan. Begitu juga jika mereka mendapat 16% saja undi Barisan Nasional, sekurang-kurangnya 8 kerusi yang lain yang mendapat sokongan sebanyak 35% sehingga 39% akan mendapat kejayaan. Di dalam kawasan Kemaman pula, misalnya, mereka memerlukan 21% saja daripada undi Barisan Nasional bagi membolehkan kawasan tersebut dimiliki oleh PAS.

Dengan kata-kata lain, dicampur dengan kawasan Pengkalan Chepa yang menjadi milik PAS, buku Semangat 46 itu meramalkan bahawa PAS atau Semangat 46 boleh mencapai kejayaan sekurang-kurangnya 28 kawasan di sini. Kawasan-kawasan lain yang dijangka sukar mendapat kejayaan ialah kawasan Kubang Pasu (kawasan Dr. Mahathir Mohamad), kawasan Maran, Pekan, Larut dan Rompin.

Di tengah-tengah keghairahan kita bercakap tentang kejayaan ini, satu perkara yang perlu dikemukakan di sini ialah bagaimana kedudukan dan sikap pengundi-pengundi sendiri di kawasan Gua Musang, Kuala Neris, Nilam Puri, Pasir Puteh, Pasir Mas, Besut dan kawasan-kawasan Parlimen yang lain di Semenanjung Malaysia terhadap kedudukan dan perubahan sikap calon-calon Barisan Nasional yang sekarang berubah kedudukan kepada parti Semangat 46 di kawasan mereka? Adakah selepas wakil-wakil rakyat UMNO itu berubah sikap dan kedudukan kepada pihak pembangkang, secara automatis pihak majoriti pengundi juga ikut menyebelahi pihak pembangkang sama? Adakah adil kedudukannya jika di dalam pilihanraya yang lalu saya mengundi Tengku Razaleigh Hamzah kerana beliau wakil UMNO, tetapi sekarang setelah beliau memasuki parti Semangat 46, undi saya juga menjadi milik Semangat 46? Tidakkah sikap dan perbuatan ini bersifat ‘penyelewengan undi’ telah Tengku Razaleigh lakukan terhadap undi sulit saya?

Saya bangkitkan isu ini kerana saya merasakan bahawa kelakuan dan tindakan ahli-ahli politik kita yang suka berpaling tada dan mudah bertukar kerusi di Parlimen dan di Dewan Undangan Negeri sebagai suatu penyelewengan ‘undi demokrasi’ yang dimiliki oleh rakyat. Perbuatan dan tindakan ini tidak mencerminkan prinsip demokratik wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh parti mereka. Mereka seolah-olah menggunakan ‘undi rakyat’ ini untuk kepentingan perjuangan mereka saja. Apa yang terjadi kepada wakil rakyat di Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad, adalah suatu contoh daripada penyelewengan undi demokratik rakyat ini.

Kemenangan Datuk Shahrir di dalam pilihanraya kecil 25 Ogos 1988 lalu adalah atas sokongan pengundi yang tidak menyukai tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir Mohamad pada masa itu. Atas sebab itulah mereka mengundi Datuk Shahrir atas nama calon Bebas. Tetapi selepas Datuk Shahrir menang besar, beliau kemudiannya memasuki UMNO semula, seolah-olah dia mahu menunjukkan kepada kepimpinan parti bahawa dia sebenarnya berada di pihak yang benar dan tindakan Dr. Mahathir terhadap dirinya dan sahabat-sahabatnya adalah salah.

Masalahnya di sini ialah bahawa bukan soal siapa yang betul dan siapa yang salah yang perlu dipertikaikan, tetapi kelakuan dan

tindakan beliau dengan cara kembali semula kepada UMNO, seolah-olah beliau tidak menghormati penghormatan pengundi kepadanya sebagai pembangkang. Sebaliknya beliau cuba mempermudahkan pengundi sebagai suatu jenaka politik.

Berasaskan fenomena dan penyelewangan undi ini, saya mencadangkan supaya setiap wakil rakyat yang berpaling tada atau yang tidak menyetujui dasar-dasar yang dijalankan oleh pemerintah partinya, hendaklah meletakkan jawatan dan satu pilihanraya baru hendaklah diadakan. Dia tidak boleh memihak kepada parti pembangkang kecuali setelah perletakan jawatannya diterima oleh parti. Ini perlu bagi membersihkan imej parti, imej peribadi calon berkenaan dan yang penting penghormatan sokongan pengundi tidak diselewengkan. Peraturan dan undang-undang ini, kalau tidak silap saya, sudahpun diluluskan oleh Parlimen. Calon yang telah meletakkan jawatan tidak boleh bertanding lagi selama lima tahun.

Apa yang terjadi dan yang kita lihat sekarang, kesemua wakil rakyat Barisan Nasional yang memihak kepada parti Semangat 46 adalah atas tiket kemenangan Barisan Nasional yang disokong oleh majoriti pengundi. Bukannya atas tiket kemenangan peribadi dan kalau atas pengaruh peribadi pun peratusnya kecil. Oleh itu, kemenangan yang mereka capai adalah kemenangan atas nama Barisan Nasional. Oleh yang demikian, jika mereka tidak bersetuju dengan dasar-dasar dan tindakan parti, mereka tidak boleh menggunakan tiket kemenangan atas nama Barisan Nasional itu untuk mereka memihak kepada parti pembangkang atau menu buhkan parti baru. Jalan keluarnya mereka hendaklah meletakkan jawatan. Apa yang dilakukan oleh Datuk Shahrir di dalam konteks ini adalah betul, tetapi kelakuan dan tindakannya untuk kembali semula kepada UMNO adalah seperti menjilat ludahnya kembali.

Berasaskan apa yang terjadi sekarang, kebanyakan pengundi yang dulunya menyokong calon-calon Barisan Nasional yang sekarang memasuki parti Semangat 46 menjadi serba salah. Sebahagiannya mungkin bersetuju tetapi sebahagian yang lain pasti tidak bersetuju. Mereka yang tidak bersetuju ini tentulah tidak mahu 'undi sulit' mereka itu dijadikan senjata untuk menikam parti yang mereka sokong itu sendiri. Ini tentulah tidak betul. Ia merupakan satu kezaliman politik yang buruk dan bertentangan dengan konsep demokrasi itu sendiri.

UNDI MELAYU DAN BUKAN MELAYU

Berasaskan peratusan undi pelbagai kaum seperti yang disenaraikan di dalam lapan kumpulan melalui bab yang lalu, Angkatan Perpaduan Ummah membuat jangkaan bahawa keputusan pilihanraya umum yang akan datang akan menunjukkan sekurang-kurangnya 99 atau 102 buah kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia akan dimenangi oleh parti-parti pembangkang seperti DAP, PAS dan Semangat 46.

Asas jangkaan ini ialah bahawa trend pengundi bukan Melayu yang tidak menyokong Barisan Nasional telah diikuti pula oleh trend pengundi Melayu. Ini dibuktikan melalui 7 pilihanraya kecil (2 Parlimen dan 5 kawasan Dewan Undangan Negeri) yang diadakan selepas pilihanraya tahun 1986 lalu. Ini tidak termasuk kawasan Kuala Linggi dan Kijal.

Bagi membuktikan pengundi Melayu tidak menyokong Barisan Nasional, jangkaan itu berdasarkan pilihanraya kecil Parlimen Johor Bahru yang diadakan di dalam bulan Ogos 1988 dan pilihanraya kecil Parlimen Ampang Jaya yang diadakan di dalam bulan Januari 1989 yang lalu. Cuba perhatikan analisis Semangat 46 di bawah ini:

1. PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN JOHOR BAHRU

P. 130. Johor Bahru.

Jumlah Pengundi	60 292
Pengundi Melayu	50.9%
Pengundi Cina	40.6%
India dan lain2	8.5%
Jumlah Pengundi	100%
Yang Keluar Mengundi	61.05%
Pengundi Melayu lebih kurang	36 809
Pengundi Cina lebih kurang	18 736
India dan lain-lain	14 944
Jumlah Pengundi	3128
Calon Datuk Shahrir	36 808
Abdul Samad (Bebas)	23 581
Calon Haji Mas'ud	
Abdul Rahman (BN)	10 968
Calon Abdul Razak	
Ahmad (PSRM)	2260
Pengundi Melayu	18 736
Undi Barisan Nasional	10 968
	7768

2. PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN AMPANG JAYA

P. 88. Ampang Jaya.

Jumlah Pengundi	69 x 49
Pengundi Melayu	68.5%
Pengundi Cina	25.9%
India dan lain-lain	5.6%
	69 849
Yang Keluar Mengundi	62.39%
Pengundi Melayu lebih kurang	29 850
Pengundi Cina lebih kurang	11 287
India dan lain-lain	2440
Jumlah Pengundi	43 577

Calon Ong Tee Kiat (BN)	23 719
Calon Datuk Harus Idris Semangat	19 469
Pengundi Melayu	29 850
Melayu undi Semangat 46	19 469
Melayu undi Barisan Nasional	10 381

Berasaskan dua pilihanraya kecil Parlimen ini, Semangat 46 berpendapat bahawa daripada jumlah pengundi Melayu di Johor Bahru sebanyak 18 736 orang, yang mengundi Barisan Nasional hanya sebanyak 10 968 orang saja, sementara daripada jumlah pengundi Melayu di Ampang Jaya sebanyak 29 850 orang, yang mengundi Semangat 46 pula ialah sebanyak 19 469 orang. Ini bermakna peratus pengundi Melayu yang menyokong Semangat 46 di Ampang jaya sebanyak 66%, jauh lebih tinggi daripada peratus pengundi Melayu yang diberikan kepada calon Barisan Nasional di Johor Bahru.

Dalam tiga pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri bagi (N. 10) Teluk Pasu, calon Pas telah berjaya menewaskan calon Barisan Nasional dengan kelebihan majoriti lebih daripada seratus undi, sementara di dalam pilihanraya kecil (N.33) tambatan, Semangat 46 mendapat lebih daripada 50% undi Melayu, begitu juga di dalam pilihanraya kecil (N.23) di Pantai Merdeka, jumlah peratus pengundi Melayu yang mengundi PAS jauh lebih besar daripada kawasan Tambatan. Analisis ini menunjukkan bahawa trend pengundi Melayu selepas pilihanraya umum 1986 yang lalu telah berubah dan mereka, nampaknya, telah mengikut trend pengundi Cina.

Dalam konteks ini, Semangat 46 tidak berapa jelas mengapa perubahan trend ini berlaku di kalangan pengundi Melayu, tetapi mereka menjangka jika trend ini berkekalan sehingga ke pilihanraya umum ini nanti, besar kemungkinan semua calon barisan Nasional, termasuk Dr. Mahathir Mohamad sendiri akan mengalami kekalahan di tangan pembangkang.

Di awal rencana ini tadi saya menyebutkan bahawa sekurang-kurangnya 99 sehingga 102 kerusi Parlimen dijangka akan dimenangi oleh parti-parti pembangkang di Semenanjung. Jangkaan ini berasaskan kepada 8 kumpulan kawasan-kawasan di mana peratus pengundi mengikut posisi kaum diperhitungkan. Berdasarkan peratus pengundi posisi kaum ini, tiga parti pembangkang itu cuba mengagihkan jumlah kerusi Parlimen ini

mengikut mana kawasan yang difikirkan boleh menang. Di bawah ini disenaraikan tiga kumpulan kawasan yang difikirkan parti DAP, Semangat 46 dan PAS boleh mencapai kejayaan.

1. Kumpulan A

majoriti pengundi Cina 60% ke atas 15 kawasan

2. Kumpulan B

majoriti pengundi Cina 50% - 60% 11 kawasan

3. Jumlah kawasan yang dimenangi oleh calon-calon DAP

26 kerusi

1. Kumpulan C

majoriti pengundi campuran 14 kawasan

2. Kumpulan D

majoriti pengundi Melayu 50% - 60% 27 kawasan

3. Kumpulan E

majoriti pengundi Melayu 60% - 63% 8 kawasan

4. Jumlah kawasan yang dimenangi oleh Semangat 46

49 kerusi

1. Kumpulan H

majoriti pengundi Melayu 80% ke atas 27 kawasan

2. Jumlah kawasan yang dimenangi oleh calon PAS

27 kerusi

1. Jumlah semua kerusi bagi DAP,

Semangat 46 dan PAS, 102 kerusi

Jumlah agihan kerusi mengikut kawasan mana yang dijangka dimenangi oleh DAP, Semangat 46 dan PAS seperti mana yang saya sebutkan di atas tidaklah semestinya tepat. DAP yang memenangi 24 kerusi Parlimen di dalam pilihanraya yang lalu tentulah merasakan bahawa partinya boleh menambah lebih daripada dua kerusi. Di dalam kawasan majoriti pengundi campuran, umpamanya, DAP tentulah menyakini bahawa ada kawasan-kawasan tertentu yang boleh dimenanginya jika calonnya diberi peluang bertanding. Kawasan Rasah yang termasuk di dalam kumpulan pengundi campuran ini adalah kawasan DAP. Antara kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menjadi cabaran kepada DAP ialah kawasan Teluk Intan

yang mempunyai pengundi bukan Melayu sebanyak lebih daripada 65%, kawasan Sungai Siput yang mempunyai pengundi bukan Melayu lebih daripada 62%, kawasan Nibung Tebal dan Labis, masing-masing mempunyai pengundi bukan Melayu lebih daripada 60%.

Jika trend pengundi bukan Melayu dan pengundi Melayu dikatakan tidak lagi berminat kepada Barisan Nasional, DAP tentulah menjangka bahawa dengan kedudukan lebih daripada 60% pengundi bukan Melayu di kawasan-kawasan berkenaan, parti itu tentulah boleh mencapai kejayaan. Apalagi jika pengundi Melayu yang menyokong Semangat 46 dan PAS boleh memberikan undi mereka kepada calon DAP di kawasan-kawasan tersebut.

Mengenai agihan kerusi kepada Semangat 46 pula, saya berpendapat bahawa asas peratusan 50% - 63% undi majoriti Melayu sebagai kawasan berpotensi untuk parti itu mencapai kejayaan amatlah sulit. Kalau Datuk Shahrir Abdul Samad dan Taufik Tun Dr. Ismail memihak kepada Semangat 46, barangkali kawasan Johor Bahru dan Sungai Benut bolehlah dimasukkan sebagai kawasan Semangat 46. Kawasan-kawasan lain yang termasuk di dalam kumpulan C, D dan E itu adalah kawasan Barisan Nasional sepenuhnya.

Mengikut penelitian saya, calon-calon Semangat 46 yang ada, kebanyakannya berada di kawasan-kawasan di mana pengundi Melayu berjumlah lebih daripada 70%. Ini bermakna bahawa kawasan antara 70% sehingga 99% majoriti pengundi Melayu, parti Semangat 46 terpaksa berebutkan kerusi dengan calon PAS. Kawasan Jelebu - barangkali kawasan yang boleh kita pegang sebagai kawasan Semangat 46 di mana pengundi Melayu hanya 56%, tetapi bermula daripada kawasan Bagan Serai dan Kangar di mana pengundi Melayunya berada di paras 67% sehinggalah ke kawasan Kuala Nerus, Pasir Mas dan Gua Musang, jumlah pengundi Melayu meningkat sehingga 99%. Kawasan-kawasan ini termasuk di dalam kumpulan H di mana agihan kerusinya diberikan kepada calon-calon PAS.

Jika agihan kerusi ini berdasarkan kepada formula andaian bahawa kawasan-kawasan yang mempunyai lebih daripada 80% pengundi Melayu, maka kawasan-kawasan tersebut hendaklah diberikan kepada PAS, maka ini bermakna pemimpin-pemimpin Semangat 46 seperti Tengku Razaleigh Hamzah, Haji Ibrahim

Ali, Haji Ibrahim Azmi Hassan, Datuk Mohamed Haji Ali, Wan Omar Wan Najib, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman dan beberapa orang pemimpin Semangat 46 yang lain hendaklah berpindah ke kawasan-kawasan yang lain. Kawasan-kawasan seperti Gua Musang, Pasir Mas, Kuala Nerus, Nilam Puri, Pasir Puteh dan Besut patutlah diberikan kepada PAS kerana kawasan-kawasan ini majoriti pengundi Melayu lebih daripada 80%, malah ada yang sampai 99%.

Soalnya ialah adakah pemimpin-pemimpin Semangat 46 ini bersedia berpegang kepada formula andaian ini? Saya percaya, kebanyakan daripada mereka tidak akan bersedia berpindah ke kawasan lain kecuali jika mereka berani mengadu kekuatan dan pengaruh seperti Datuk Rais Yatim yang mempunyai pengundi Melayu lebih sedikit saja di kawasannya, saya percaya Tengku Razaleigh Hamzah, Haji Ibrahim Ali, Haji Ibrahim Azmi Hassan, Datuk Haji Mohamed Ali, Wan Omar Wan Najib dan Datuk Haji Zakaria terpaksa angkat bungkus.

Bagi kawasan PAS pula, jika trend pengundi Melayu di Johor Bahru dan di Ampang Jaya boleh dipakai sebagai panduan, maka besar kemungkinan parti ini tidak hanya memenangi satu kerusi saja bagi Parlimen. Daripada segi kedudukan kawasan dan posisi kaumnya, harapan untuk parti PAS mencapai kejayaan berdasarkan kepada kesepakatan di dalam Angkatan adalah cerah. PAS sepatutnya bukan saja boleh mencapai kemenangan sebanyak 27 kerusi, bahkan kesemua kumpulan H yang mempunyai 33 kawasan itu seharusnya menjadi milik PAS.

Tetapi daripada segi politik, sejarah masa lampau PAS tidaklah sebaik DAP sekalipun parti itu pernah memerintah Kelantan pada tahun-tahun 1959 - 1978, Terengganu pada tahun 1961 dan pernah bersama di dalam kerajaan campuran dalam tahun 1974 - 1977.

Sejak mengalami kekalahan yang teruk dalam pilihanraya yang lalu, PAS telah cuba mereformasikan kedudukan partinya. Langkah awal parti itu selepas kalah dalam pilihanraya tahun 1982 ialah menendang keluar Yang Dipertua partinya Datuk Asri Haji Muda dan Datuk Abu Bakar Omar (1983). Selepas itu PAS kelihatan begitu radikal dan ekstremis di dalam perjuangannya. Hal ini dapat dilihat ketika menjelang pilihanraya tahun 1986 yang lalu, tetapi setelah Yang Dipertua barunya Haji Yusuff Rawa kalah di kawasan Tasik Gelugur, Ketua Dewan Muslimat PAS

Haji Mustaffa Ali kalah di Kuala Terengganu, Timbalan Yang Dipertua PAS Haji Fadzil Noor kalah di Kuala Muda dan Ustaz Abdul Hadi Awang kalah di kawasan Marang, keadaan parti itu semacam terumbang ambing sehingga akhirnya Haji Yusuff Rawa juga terpaksa menyerahkan kuasanya kepada Ustaz Haji Fadzil Noor.

Kekalahan demi kekalahan yang dialami oleh PAS di dalam politik pilihanraya sebenarnya adalah berpunca daripada parti itu sendiri. Sikap kefanatikan agama yang melampau dan radikal menyebabkan parti itu kurang diyakini oleh pengundi Melayu dan ditolak oleh pengundi Cina. Ini berbeza dengan DAP. Sekalipun parti ini menjadi pelampau Cina dan PAS pelampau Islam, namun DAP mendapat kepercayaan orang-orang Cina tetapi PAS gagal mendapat kepercayaan majoriti Melayu.

Pakatan PAS dengan parti-parti PSRM, Nasma, SDP menjelang kira-kira sebulan sebelum pilihanraya yang lalu, tidak juga dapat meyakinkan kebanyakan pengundi Melayu, bahkan pembentukan kerjasamanya dengan kumpulan masyarakat Cina Islam (CCC) juga telah ditolak oleh pengundi-pengundi Cina.

Berasaskan kerjasama yang gagal ini, saya masih percaya bahawa pembentukan kerjasama di dalam Angkatan juga akan menghadapi fenomena yang sama. Rakan-rakannya di dalam Angkatan Perpaduan Ummah seperti Semangat 46, Hamim dan Berjasa bukanlah kumpulan parti-parti politik yang kuat dan gagah seperti DAP atau UMNO. Ketiga-tiga parti itu, terutamanya Semangat 46 hanyalah serpihan kulit daripada sebatang pokok besar UMNO yang kuat dan mantap. Serpihan-serpihan kulit seperti ini tidak mungkin dapat membenihkan sebatang pokok besar yang lain kerana benih pokok biasanya akan tumbuh daripada anak pokok dan bukannya serpihan. Hamim dan Berjasa langsung tidak mendapat tempat di hati pengundi.

Kesediaan Semangat 46 bekerjasama dengan PAS adalah kerana parti itu tidak kuat. Bagi saya parti ini samalah dengan parti SDP yang ditubuhkan menjelang pilihanraya yang lalu dan kemudian hilang begitu saja. Oleh itu, Semangat 46 perlulah menumpang PAS dalam usahanya menentang Barisan Nasional bagi mempertahankan pengaruhnya. Masalahnya selain Semangat 46 tidak kuat, PAS juga bukanlah gagah benar. Bagaimana mereka hendak menentang parti perkasa seperti Barisan Nasional jika kedua-duanya tidak kuat dan tidak gagah?

Berasaskan hipotesis yang tersebut di atas dan mengkaji pula pelbagai perkara yang difikirkan munasabah dan masuk di akal, jangkaan terakhir saya menunjukkan bahawa harapan parti-parti pembangkang di dalam Angkatan untuk meraih 99 atau 102 buah kerusi Parlimen menjelang pilihanraya umum ini nanti tidaklah mungkin tercapai sepenuhnya. Analisis dan teori yang berasaskan pilihanraya yang lalu mungkin terlalu 'bagus' di atas kertas, tetapi apabila di atas padang hanya pasukan yang kuat dan berpengalaman saja bisa mencapai kemenangan.

Alasan bahawa trend pengundi Melayu telah berubah, sokongan besar perwakilan UMNO terhadap Tengku Razaleigh Hamzah di dalam perhimpunan Agung UMNO tahun 1987, keahlian Semangat 46 yang lebih daripada 600 000 orang dan kehadiran penonton yang ramai mendengar ceramah-ceramah parti pembangkang bukanlah alasan yang konkrit untuk menjamin kemenangan pihak Angkatan.

Parti PAS juga, misalnya mempunyai penyokong lebih, 700 000 orang tetapi parti itu hanya mendapat satu kerusi saja. Kempen pilihanraya di Ampang Jaya dulu memperlihatkan sambutan yang besar kepada calon Semangat 46, tetapi keputusannya calon Barisan Nasional juga yang menang.

Saya bersetuju bahawa sokongan pengundi Melayu kepada parti Semangat 46 dan PAS memanglah besar, tetapi jumlah pengundi dan penyokong parti-parti pembangkang itu berada di kebanyakan kawasan yang berserak dan jika dipecah-pecahkan mengikut sesuatu kawasan, jumlah yang besar itu menjadi kecil dan sempit. Berbeza dengan pengundi-pengundi Cina yang menyokong calon DAP. Mereka berada di dalam sesuatu kawasan sebagai suatu kelompok yang besar dan kerana itu agak mudah bagi calon DAP meraih kemenangan.

7.

SIKAP DAN PENDIRIAN PARTI-PARTI POLITIK

Pandangan PAS dan Semangat 46 terhadap Barisan Nasional, khususnya UMNO adalah sama; iaitu buruk, rakus, zalim , palsu dan mungkar. Pandangan ini yang bersifat anggapan dan tuduhan sudah lama dicanangkan oleh PAS dan DAP dan sekarang termasuk pula Semangat 46.

Saya tidak akan berkata bahawa pandangan atau anggapan itu sebagai benar atau tidak benar. Pandangan tersebut berasaskan pemikiran dan pemahaman, dan pemikiran dan pemahaman pula berasaskan sikap dan pendirian seseorang atau segolongan orang. Sesuatu pandangan atau pendapat, selagi belum dibuktikan kebenaran dan faktanya, ia masih bersifat subjektif. Sifat subjektif lawannya objektif, iaitu 'memberi pandangan atau perasaan sendiri' kata Kamus Dwibahasa Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini bermakna sesuatu pandangan yang bersifat subjektif belum tentu benar dan ia mungkin benar dan mungkin juga tidak benar.

Apa yang mungkin menghalang objektiviti di dalam sifat subjektiviti tadi ialah sikap, pendirian dan kepentingan tertentu. Pemimpin UMNO misalnya, tetap mempertahankan perjuangannya dan akan menafikan pandangan dan tuduhan PAS, DAP dan Semangat 46 itu. Mereka akan menganggap pandangan dan tuduhan parti-parti pembangkang seperti itu sebagai karut, bohong dan tidak munasabah.

Tuduhan dan penafian seperti ini bagaimanapun memang mainan orang-orang politik. Politik sebagai suatu seni dan sains, memerlukan keahlian dan kepakaran intelektual seseorang. Selagi orang politik boleh bercakap politik dan membuat ‘andaian-andaian politik’ tertentu, selagi itulah orang politik itu dinamakan politikus. Masalahnya ialah adakah politiking orang-orang politik itu selalunya benar, boleh dipercayai atau ia suatu kepintaran berpolitik bagi mereka yang tahu atau tidak tahu berpolitik?

Dalam konteks politik dan politiking ini, gejala yang boleh kita lihat ialah bukanlah kebenaran tentang apa yang diperkatakannya, tetapi kebenaran tentang apa yang dipolitikkannya. Sebagai suatu contoh misalnya, Muktamar PAS ke-36 yang bersidang di Markas Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar pada 27 Mei 1990 yang lalu telah menerbitkan sebuah Deklarasi 2 Zulkaedah 1410 yang mendedahkan pelbagai keburukan, kerakusan, kezaliman, kepalsuan dan kemungkaran Barisan Nasional, khususnya UMNO (lihat Rujukan Dua di belakang).

Deklarasi itu mengisyiharkan 13 pandangan dan tuduhan terhadap kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional dan sebagai alternatif kepada kepimpinan kerajaan yang buruk itu, Muktamar PAS yang ke-36 itu menganjurkan 4 perkara penting untuk dijalankan oleh parti PAS.

Membaca setiap satu daripada 13 tuduhan tersebut, ia samalah seperti apa yang saya sebutkan di awal penulisan ini tadi, iaitu Deklarasi tersebut lebih bersifat pemikiran yang berasaskan kepada sikap dan pendirian parti PAS sendiri. Atas sifatnya sebagai pemikiran yang belum dibuktikan kebenarannya, maka Deklarasi itu masih bersifat subjektif bukannya objektif.

Objektiviti politik biasanya bukanlah atas kebenaran semata-mata, tetapi juga berasaskan kepada konsepsi yang lain, yang lebih penting daripada kebenaran itu sendiri. Apa yang saya maksudkan dengan konsep yang lain itu ialah konsep demokrasi rakyat.

Sekalipun sebahagian daripada 13 tuduhan yang diisyiharkan oleh Deklarasi PAS itu mungkin benar dan mungkin juga tidak, namun jika kebenaran itu tetap ada dan boleh dipertikaikan, maka satu perkara lain yang tidak boleh ditolak ialah bahawa berasaskan demokrasi rakyat, Barisan Nasional masih juga menerima sokongan rakyat terbanyak, walaupun tuduhan-tuduhan itu mungkin boleh dianggap benar. Lima daripada tujuh kawasan Pilihanraya kecil Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang

berlangsung selepas pilihanraya umum yang lalu, masih juga dimenangi oleh Barisan Nasional walaupun komponen itu dikatakan buruk, rakus, zalim, palsu dan mungkar, sedangkan PAS yang meletakkan seramai 98 orang calon di dalam pilihanraya Parlimen yang lalu berdasarkan perjuangan Islam yang suci, hanya seorang saja yang berjaya. Lojik demokrasi di sini ialah bukanlah apa yang diperkatakan oleh PAS itu sebagai benar atau tidak benar, tetapi kebenaran apa yang telah dipolitikkan oleh Barisan Nasional itu dianggap betul dan diterima oleh rakyat.

Sebenarnya tuduhan dan anggapan buruk PAS terhadap Barisan Nasional bukanlah baru. Malah kerjasama politik yang dibentuk bersama Semangat 46, Hamim, Berjasa dan mungkin juga DAP, seumpama itu bukanlah pertama kali diadakan. Di dalam sejarah perjuangan politik PAS yang panjang, parti itu seharusnya bertindak lebih matang dan tidak bergabung lagi dengan sesiapa, seperti juga DAP tidak seharusnya bersatu di dalam Angkatan. Persepakatan di antara parti-parti pembangkang serupa itu tidak mungkin berjaya melahirkan sebuah kerajaan campuran yang kuat, kukuh dan boleh dipercayai, apalagi ideologi DAP dan PAS itu amat bertentangan di antara satu dengan yang lain. Pertentangan ini akhirnya bukan saja boleh merosakkan idealisme kepartian itu sendiri, tetapi juga lebih merugikan rakyat pada keseluruhannya.

Kenapa tidak? PAS sebagai sebuah parti Islam dan wujud di tengah-tengah masyarakat Melayu Islam di negara ini, seharusnya dapat membentuk identitinya sendiri. Sebahagian besar masyarakat Melayu Islam tidak mungkin menolak PAS kerana budaya Melayu amat mementingkan bangsa dan agamanya sendiri. Oleh itu, perjuangan politik PAS, dalam konteks ini adalah perjuangan Melayu dan perjuangan Islam itu sendiri.

Masalahnya ialah PAS tidak berupaya mewujudkan sifat fizikalnya sebagai sebuah parti politik yang boleh digantung-harapkan oleh orang-orang Melayu. Ini berbeza dengan DAP dan ini juga berbeza dengan MIC. Kedua-dua parti perkauman itu berjaya membentuk identiti sendiri walaupun orang Cina dan orang India masih mempunyai parti-parti politik yang lain.

Kepimpinan PAS, dalam banyak perkara, bukanlah kepimpinan yang melambangkan sifat-sifat Islam sejati. Sebahagian besarnya amat fanatik dan taksub, sementara sebahagian yang lain menjadi aktivis PAS kerana gagal mendapat tempat di dalam UMNO. Islam sebagai agama yang boleh

diterima oleh umatnya sepanjang zaman, telah dikurung oleh PAS di dalam jubah dan serban yang secara lahiriah dibelenggui oleh kejumudan pemikiran yang anti kemajuan dan pmodenan.

Saya sebenarnya tidaklah menentang PAS seratus peratus. Sebagai orang Melayu yang beragama Islam, perjuangan politik yang boleh membawa kepada kemajuan Islam, tentulah mendapat sokongan saya dan sokongan sahabat-sahabat saya yang lain. Tetapi budaya hidup orang-orang PAS, tingkah laku dan perangai setengah-tengah pemimpin dan aktivis-aktivis politik parti itu seakan-akan menghalang orang Melayu seperti saya menyokong parti itu.

Peristiwa terbaru yang berlaku berhubung dengan pembakaran akhbar dan isu kononnya ada ahli-ahli PAS yang mahu membakar wartawan adalah suatu contoh. Walaupun isu ini di luar kepercayaan saya, tetapi peristiwa yang semacam itu boleh menyebabkan sebahagian orang-orang Melayu seperti saya tidak berkenan dengan perangai yang tidak senonoh itu. Membakar akhbar syarikat Utusan Melayu bukanlah isu baru. Dalam tahun-tahun enam puluhan dulu, peristiwa membakar akhbar Utusan Melayu kepunyaan UMNO itu telah pernah dilakukan oleh pejuang-pejuang bahasa pimpinan Yahaya Ismail di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tetapi membakar akhbar, walaupun maksudnya agak simbolis sekali tetapi dari segi praktisnya ia tidak membawa manfaat apa-apa. Seperti yang disebutkan oleh pihak akhbar itu, pembakaran akhbar itu tidak menjelaskan pasarannya, malah edarannya semakin bertambah.

Apa yang mungkin merugikan PAS daripada peristiwa pembakaran akhbar dan isu 'membakar wartawan' itu ialah pihak akhbar, terutamanya 'Utusan Malaysia' dan 'Utusan Melayu' dan akhbar-akhbar 'The New Straits Times' menggunakan peristiwa itu sebagai alat untuk memusnahkan kepercayaan rakyat dan ketakutan orang-orang bukan Islam kepada PAS. Parti itu boleh dianggapnya sebagai 'samseng' oleh kalangan orang ramai, kerana media massa kerajaan yang berpengaruh dan dibaca oleh pembaca yang tidak tahu hujung pangkalnya bisa membunuh media massa parti politik seperti 'Harakah' yang amat kecil pasarannya itu. Pas tidak berupaya menangkis segala tohmah dan buruk sangka seperti itu.

Pendekatan PAS dengan cara membakar akhbar bukanlah budaya hidup orang-orang Islam dalam erti yang lebih luas. Lawan atau musuh PAS di Malaysia, terutama akhbar-akhbar

yang dikatakan primitif, bukanlah dengan cara bakar membakar kertas. Motivasi pembakaran seperti itu menyebabkan media massa yang terlibat lebih kuat mengeksploitasi pengaruhnya untuk memusnahkan kredibiliti kepimpinan PAS yang ada. Ini tentulah merugikan perjuangan PAS itu sendiri.

Apa yang lebih praktikal dan sopan bagi membentulkan berita yang diputarbelitkan oleh media massa kepunyaannya kerajaan itu ialah dengan cara mendekatkan diri kepimpinan PAS dengan pihak editor dan wartawan akhbar-akhbar berkenaan. Sebagai pemimpin politik yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangannya, pendekatan yang bersifat 'interaksi sopan' dikira lebih afdal daripada membakar akhbar yang sudah lapuk itu. Jika harimau dan singa, dua jenis binatang boleh dijinakkan dan dipertontonkan di dalam sarkas, inikan pula orang-orang seperti Zainuddin Maidin dan A. Kadir Jasin tidak boleh dijinakkan melalui 'interaksi sopan'. Kedua-duanya juga orang Melayu dan kedua-duanya juga beragama Islam. Cuma Zam mungkin bukanlah Melayu tulen.

Contoh lain yang boleh dikemukakan di sini ialah desakan Haji Subky Latiff, Ketua Penerangan PAS Pusat supaya bakal-bakal Haji menangguhkan pemergian mereka ke tanah suci Mekah kerana bimbangkan pilihanraya diadakan ketika musim haji. Khabarnya ada empat lima puluh orang ahli-ahli PAS di Terengganu dan Kelantan telah menyahut seruan Haji Subky Latiff itu. Mereka bimbang tidak dapat mengundi kalau pilihanraya diadakan ketika mereka berada di Mekah.

Malangnya sehingga ke awal bulan Julai 1990, ketika jemaah-jemaah Haji Malaysia berada di tanah suci, Parlimen bukan saja belum dibubarkan dan tarikh pilihanraya belum juga diumumkan tetapi lebih daripada seratus orang jemaah Haji telah meninggal akibat nahas terowong al-Muaissem di Mina tanpa sempat membuang undi untuk PAS(?). Bagaimana kedudukan bakal-bakal haji yang fanatik dengan PAS tetapi membatalkan pemergian mereka ke Mekah kerana bimbangkan pilihanraya lebih awal itu? Tidakkah ini merugikan diri mereka sendiri atau mereka berasas baik kerana tidak terlibat di dalam nahas tersebut kerana mengikut nasihat Subky?

Menunaikan fardu Haji ialah rukun Islam kelima. Sesiapa yang mampu dan layak diwajibkan menunaikan fardu Haji ini.

Fardu Haji itu perlu untuk melengkapkan rukun Islam. Inilah, antara lain kewajipan orang-orang Islam kepada Tuhan.

Tetapi di dalam Islam tidak menyebutkan kalau pilihanraya umum Malaysia diadakan pada musim Haji, jemaah-jemaah Haji hendaklah menangguhkan pemergian mereka ke Mekah. Pilihanraya itu lebih penting daripada penunaian rukun Haji. Barangkali begitulah maksud Haji Subky. Barangkali begitulah pemikiran setengah-setengah pemimpin PAS.

Hipotesis yang saya kemukakan ini agak kebudak-budakan. Menangguhkan pemergian ke Mekah kerana pilihanraya menggambarkan tindakan subjektif yang tidak bijaksana. Ini merugikan jemaah-jemaah Haji itu sendiri. Ia tidak membawa keuntungan apa-apa kepada umat Islam. Pilihanraya seperti yang dibimbangkan oleh Haji Subky itu tidak pun diadakan oleh Dr. Mahathir ketika ini.

Apakah kerana menyedari hakikat bahawa tidak wujud di sisi kerajaan sifat-sifat iltizam terhadap mana-mana matlamat suci dan murni, terbukti tandus dengan sifat keikhlasan, kejujuran dan ketidakpekaan dengan hakisan ke atas kewibawaan Ummah, maka pengundi-pengundi PAS yang hendak menunaikan fardu haji itu wajib menangguhkan pemergian mereka ke Mekah bagi membolehkan mereka mengundi calon PAS supaya apabila PAS menang nanti, sifat-sifat buruk kerajaan itu boleh ditumbangkan? Adakah itu maksudnya?

Adakah kerana arah politik yang dibawa oleh Barisan Nasional sudah menghadapi jalan buntu, berada di ambang muflis, tidak terdaya lagi memimpin rakyat, kebanyakan pemimpin politik Barisan Nasional membolot kekayaan, memperkenalkan amalan mungkar dengan pelbagai penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, maka jemaah-jemaah Haji itu wajib menangguhkan dulu pemergian mereka ke Mekah?

Apakah kerana amalan politik UMNO tidak menggambarkan yang ia berkuasa untuk kepentingan Ummah, kompromi politik diasaskan kepada pemikiran manusia semata-mata tanpa mengambil kira pandangan syarak, maka jika ia tidak diganti, Ummah akan menghadapi zaman kehancuran seperti yang terjadi kepada saudara-saudara kita yang menjadi minoriti di negara-negara rantau nusantara? Adakah jemaah-jemaah Haji yang bakal ke Mekah itu perlu memangkah Bulan Bintang dulu sebelum mereka boleh menunaikan fardu Haji?

Saya tidak akan menjawab ketiga-tiga persoalan ini secara mudah. Saya dengan Haji Subky Latiff tidak mempunyai kelayakan akademik untuk berhujah tentang perlu atau wajib

tidaknya jemaah-jemaah Haji menangguhkan pemergian mereka ke Mekah menjelang pilihanraya ini. Saya dan Haji Subky tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang Islam seperti kelayakan Haji Mohamad Nakhie Ahmad, Haji Fadzil Noor atau Datuk Yusoff Noor atau Abdul Hadi Awang untuk berhujah tentang hal-hal begini. Hujah orang yang tidak berkelayakan lebih subjektif sifatnya dan lebih buruk padahnya, malah kalau tersilap mengeluarkan hujah dan tersalah mengemukakan fatwa, kita akan dianggap jahil murakap pula. Oleh itu, persoalan ini perlu kepada hujah dan fatwa daripada ulama-ulama Islam yang berkelayakan.

Bagaimanapun satu perkara yang boleh kita persoalkan ialah bahawa jika segala tuduhan PAS itu benar, apakah kebenaran itu suatu kenyataan yang boleh dibuktikan dengan nyata, jelas dan sahih sehingga kerajaan yang ada sekarang perlu diperangi dan dimusnahkan? Jika tuduhan itu benar, jelas dan nyata, mengapa pula pejuang-pejuang kebenaran PAS itu tidak disokong oleh rakyat terbanyak bagi menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional? Mengapa kerajaan yang buruk, yang rakus, yang zalim, yang palsu dan yang mungkar itu masih juga diberi kepercayaan oleh rakyat sejak lebih tiga puluh tahun yang lalu? Adakah rakyat bodoh dan dungu atau kerajaan Barisan Nasional menjadi penipu kepada rakyat?

Persoalan-persoalan seperti ini juga tidak boleh kita jawab dengan mudah. Konsep demokrasi berasaskan kepada unsur ini. Jika rakyat merasakan kepimpinan Barisan Nasional sebagai kepimpinan yang terbaik, maka mereka tidak peduli dengan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh pihak pembangkang itu. Mereka akan menganggap tuduhan-tuduhan itu sebagai tidak berasas, palsu dan tidak boleh dipercayai. Siapa yang boleh disalahkan di dalam fenomena ini?

Menyorot pula tentang cara penyelesaian yang diputuskan oleh Muktamar PAS itu, saya berpendapat bahawa anjuran dan tindakan yang akan dijalankan oleh PAS itu masih bersifat cerita lama. Mengkritik sistem sosial Islam, merupakan cerita lama PAS sejak parti itu di bawah kepimpinan Datuk Asri Haji Muda dulu. Malah rancangan menyediakan program perumahan yang setimpal dengan keperluan dan kemampuan rakyat, mengadakan pembekalan makanan yang secukupnya, menyediakan sistem pendidikan percuma, mengadakan sistem rawatan percuma atau tidak membebankan rakyat, mengadakan sistem pembayaran upah yang minimum sudahpun dijalankan oleh kerajaan dan

kebanyakannya mencapai kejayaan.

Barangkali dua perkara yang dikira menarik di dalam tindakan PAS ialah bertindak melaksanakan program-program dakwah untuk memberi penekanan kepada sudut akidah, keadilan sosial Islam, perlindungan hak-hak kebebasan rakyat dan menentang kezaliman sebagai punca kemungkar dan mengadakan program untuk menanamkan keperluan akhlak dengan tujuan meluaskan kefahaman hidup bermasyarakat lebih daripada kepentingan diri dan sebagainya. Dua perkara ini, saya rasa, amat perlu dilaksanakan kerana di dalam suasana sosial ekonomi sekarang, sebahagian besar rakyat, terutamanya golongan muda, tidak lagi memperdulikan soal-soal akidah, sistem sosial di dalam Islam, kebebasan rakyat untuk menentang kezaliman dan sebagainya. Begitu juga keperluan akhlak yang mulia, menjauhkan diri daripada sifat-sifat tamak haloba, kepentingan diri sendiri, menipu dan sebagainya perlulah dipertingkatkan bagi mencorakkan budaya hidup bangsa kita menjadi suatu bangsa yang bermaruah dan tinggi nilai akhlaknya.

Tetapi perlaksanaan kepada program ini, bukanlah kerja orang politik. Politik sebagai suatu profesion ialah perancang kepada program itu untuk mendapat atau mempertahankan kuasa yang ada. Menjelang pilihan ini, program yang dikemukakan oleh PAS itu, sekalipun bagus, tetapi ia tidak menojah kepada keperluan untuk menumbangkan Barisan Nasional. Ia hanya bersifat kerja-kerja kebajikan di dalam rumah tangga PAS sendiri.

Di dalam hubungan ini apa yang telah saya tuliskan dan apa yang telah dijalankan oleh PAS dalam rangka kerjasamanya dengan parti-parti pembangkang yang lain dan kelakuan-kelakuan politiknya yang terjadi, menarik kesimpulan saya bahawa parti itu tidak berupaya menumbangkan Barisan Nasional. Malah kerjasamanya dengan Semangat 46, Hamim, Berjasa, apalagi dengan DAP hanya akan mengurangkan kepercayaan orang-orang Melayu Islam dan bukan Islam terhadap parti itu sendiri.

Dalam memasuki usianya keempat puluh tahun, PAS seharusnya bertindak lebih matang dan berkeupayaan untuk membentuk identitinya sendiri, tanpa terdorong untuk mengikat dirinya dengan parti-parti politik lain yang tidak sesuai dengan dasar dan tujuan perjuangannya sendiri. Ini amat penting kerana sikap dan pendirian yang jelas dan tegas akan dihormati orang sekalipun perjuangannya belum mencapai kejayaan.

MAHATHIR MACHIAVELLI MALAYSIA?

8 .

Kemunculan UMNO baru dan pengharaman UMNO lama adalah sebahagian daripada gejala yang menyebabkan lahirnya parti Semangat 46 (1988). Kelahiran parti Semangat 46 itu adalah satu permulaan daripada satu lagi kelahiran parti politik di dalam UMNO. Dalam tahun-tahun lima puluhan dulu (1950-1955), parti PAS juga lahir daripada UMNO, seperti juga DAP lahir daripada PAP (1969) dan yang terakhir parti Barisan Kemajuan India Se Malaysia (AMIPF) lahir daripada MIC (1990).

Daripada segi lojik dan legal, parti Semangat 46 bukanlah lahir daripada UMNO sebenarnya. Parti Semangat 46 ditubuhkan selepas UMNO lama diharamkan. Ini bermakna parti Semangat 46 hampir-hampir tidak kena mengena dengan UMNO lama atau UMNO baru. Bagaimanapun, fakta yang tidak boleh ditolak ialah penubuhan parti Semangat 46 itu adalah akibat daripada kegagalan pihak team B di dalam UMNO dulu yang gagal memperjuangkan apa yang dikatakan ‘kezaliman dan *dictatorship*’ di dalam parti di bawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Ini membawa makna sekalipun kelahiran Semangat 46 tidak kena mengena dengan UMNO, namun cita-cita dan semangat kelahiran parti itu adalah dirancang dan dibentuk oleh golongan pemimpin yang wujud di dalam UMNO juga.

Dengan kelahiran parti Semangat 46 itu, bermakna juga bahawa UMNO telah melahirkan dua buah parti politik di luar parti itu untuk menentang kepimpinannya, iaitu PAS dan Semangat 46. Kedua-dua parti ini mencuba untuk membentuk kesepakatan bagi menentang dan memusnahkan apa yang didakwanya 'kezaliman dan *dictatorship*' di dalam kepimpinan UMNO. Adakah penentangan mereka akan berjaya menumpaskan UMNO atau UMNO sendiri, sebaliknya, akan melenyapkan angka 46 itu daripada muka bumi ini seperti lenyapnya SDP dan Nasma selepas pilihanraya yang lalu, hanya pilihanraya akan datang, yang dapat menentukannya.

PAS di dalam usia lebih kurang empat puluh tahun dan telah tujuh kali menghadapi pilihanraya umum, namun mereka belum juga berjaya menewaskan UMNO melalui Perikatan dan Barisan Nasional. Sepatutnya, setelah parti itu pernah berjaya mendirikan kerajaan di Kelantan dan di Terengganu seperti yang saya sebutkan di dalam sebuah bab yang lalu, parti itu harus mencapai kemajuan dan prestasi politik yang lebih baik. Malangnya akibat manipulasi politik yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh Hamzah melalui parti Berjasa di Kelantan tidak lama dulu, PAS sebaliknya telah berjaya ditumpaskan.

Sekarang dengan mewujudkan kesepakatan dan kerjasama dengan parti Semangat 46, PAS seolah-olah menghulurkan lehernya untuk mengadu nasib bersama dengan dua buah parti politik yang menjadi musuhnya dulu untuk menentang Barisan Nasional dan UMNO. Perubahan sikap PAS untuk melupakan yang keruh dan mengambil yang jernih ini merupakan satu fenomena yang menarik. Ini patut menjadi kajian ahli-ahli politik.

Penentangan PAS terhadap UMNO, sama ada UMNO lama atau UMNO baru adalah sama. Ia adalah penentangan tradisi. Ketika Tunku Abdul Rahman menjadi pemimpin UMNO dulu, PAS telah menentangnya (sekarang Tunku menjadi penyokong PAS pula). Ketika Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi pemimpin UMNO dulu, PAS juga telah menentangnya walaupun dalam tahun-tahun awal tujuh puluhan (1973), parti itu bekerjasama dengan UMNO melalui Kerajaan Campuran. Begitu juga ketika Tun Hussein Onn menjadi pemimpin UMNO, PAS terus juga menentangnya sekalipun di akhir-akhir hayat Tun Hussein. Allahyarham semacam tidak bersetuju dengan pemerintahan Dr. Mahathir. Sekarang di bawah pemerintahan

Mahathir pula, PAS terus menerus menentangnya. Penentangan ini dilakukan bersama Semangat 46, DAP dan parti-parti pembangkang yang lain.

Saya percaya, sesiapa saja yang dipilih menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri, PAS akan terus membuat penentangannya, kecuali jika ia menjadi parti pemerintah. Pokoknya, sesiapa saja, parti-parti politik mana saja yang tidak sehaluan dengan fahaman dan ideologi politiknya, parti itu akan terus menjadi musuh parti PAS.

Di dalam hubungan ini ada dua perkara yang dapat kita lihat. Pertama, dengan tertubuhnya parti Semangat 46, UMNO telah kehilangan sedikit pengaruhnya. Kalau dulu, PAS juga telah mencuri pengaruh UMNO, sekarang Semangat 46 juga mencuri lagi pengaruh UMNO. Ini bermakna bahawa sebahagian daripada penyokong-penyokong UMNO telah berpaling tadah kepada PAS dan Semangat 46.

Kedua, PAS yang dulunya ditentang oleh Berjasa dan Semangat 46 yang menentang UMNO, kini kembali di dalam sebuah gabungan keluarga. Seolah-olah perkelahian keluarga itu tidak boleh putus. Air ditetak tidak akan putus, kata bidalan Melayu. Masalahnya ialah adakah UMNO itu menjadi semacam bapa, sementara PAS, Berjasa dan Semangat 46 itu sebagai anak-anak? Jika begitu sifatnya, jelas bahawa tiga beradik sekarang telah menentang bapa mereka sendiri. Siapa yang derhaka dan siapa yang zalim di sini? Bapa atau anak-anak? Saya pulangkan kepada pertimbangan pembaca sendiri.

Justeru kedua-dua perkara ini menjadi fenomena kepada UMNO dan PAS, namun dua faktor lain yang tidak boleh ditolak, ialah sejauh manakah kesepakatan PAS, Hamim, Berjasa dan Semangat 46 itu boleh menggugat pengaruh UMNO dan kedua, adakah di bawah kepimpinan UMNO yang membentuk kerajaan bersama-sama dengan komponen parti-parti politik yang lain itu, rakyat tidak dapat mengecap sebarang nikmat pembangunan? Adakah kerajaan di bawah kepimpinan Mahathir sekarang lebih buruk keadaan sosio-ekonominya berbanding dengan kerajaan di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn dulu?

Supaya kita lebih bersikap objektif, adil dan tidak sentimen, persoalan ini harus dilihat daripada dua faktor-faktor pembangunan untuk rakyat dan faktor sentimen peribadi

kepimpinan. Kedua-dua faktor ini harus dipecahkan dan diasingkan terlebih dulu, supaya pandangan dan sikap kita berada di dalam keadaan yang lebih jelas, tidak bercampur baur di antara satu dengan yang lain ketika membuat sebarang penentuan.

Saya memilih faktor pembangunan bagi rakyat untuk dibahaskan terlebih dulu. Keutamaan faktor ini untuk dibahaskan dulu dan meninggalkan faktor penggugatan pengaruh UMNO untuk dibahaskan kemudian adalah kerana yang pertama dapat mempengaruhi yang kedua, sedangkan yang kedua tidak boleh dibahaskan tanpa pembahasan yang pertama dulu.

Sepanjang kepimpinan sebagai Perdana Menteri, saya melihat bahawa Dr. Mahathir telah berjaya membentuk satu perkara dan menghasilkan dua perkara yang lain. Perkara pertama ialah pembentukan sikap rakyat. Dan yang kedua ialah penghasilan ekonomi dan penonjolan imej negara di luar negeri.

Sejak Mahathir mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Hussein Onn, beliau telah berjaya mengubah sikap dan gaya hidup rakyat ke arah lebih dinamik dan terbuka. Ketika beliau mula mengambil alih kerajaan, keadaan ekonomi diancam kemelesetan dan keadaan pengangguran amat buruk. Dapat dikatakan sebahagian daripada masa pentadbirannya (1981 - 1987) keadaan ekonomi negara dan dunia diancam kemelesetan yang teruk. Mengendalikan sebuah pentadbiran yang diancam oleh kemelesetan ekonomi dan pengangguran bukanlah satu kerja mudah. Apalagi di dalam masa yang sama beliau terpaksa menghakiskan sikap dan gaya hidup golongan feudal dan technocrat Melayu yang amat 'kebaratan' dan tidak langsung memperdulikan untung nasib bangsanya yang daif. Sesiapa pun yang memegang kuasa seperti Mahathir akan menghadapi masalah dan kesulitan yang sama.

Di dalam menghadapi situasi ini, beliau mendidik rakyat supaya mengenal diri sendiri, membentuk sikap hidup yang dinamik dan mengenal keperibadian sendiri di samping cuba menghapuskan sikap dan gaya hidup yang menyolok tadi. Perubahan jam, penggunaan *name tag*, konsep pandang ke timur adalah antara ciri-ciri penting memaksakan rakyat bersedia untuk bekerja lebih keras, teratur dan berdisiplin.

Dari segi agama dan akhlak pula, penerapan nilai-nilai Islam, slogan 'Cekap, Bersih dan Amanah' adalah di antara perkara-perkara kejiwaan dan keagamaan yang sukar dilihat tetapi patut

diteladani. Memang benar, tidak semua konsep dan falsafah perjuangan hidup yang cuba ditonjolkan oleh Mahathir itu mencapai kejayaan dan berkesan seratus-peratus. Tetapi jika kita merenung dan memikirkan sedalam-dalamnya, kita akan dapati bahawa apa yang cuba diterapkan itu mempunyai erti dan makna yang amat luas.

Masalahnya ialah ketika konsep dan falsafah ini cuba hendak ditontonkan, kemelesetan ekonomi dunia mula mengancam kehidupan kita. Ketika sebahagian besar generasi baru yang terdidik oleh pelbagai fakulti pengetahuan dan profesional, lahir untuk mengisi pembangunan negara, keadaan ekonomi mengancam mereka. Mereka menjadi panik dan gelabah. Mereka menjadi ngobrok, rakus, zalim dan kejam dengan pelbagai tuntutan dan fenomena. Akibatnya timbulah golongan yang kecewa, yang hampa, yang pasif dan yang melihat sesuatu itu daripada kaca mata negatif. Mereka kemudianya, oleh kekecewaan dan kehampaan tadi, menuduh kerajaan zalim, kejam, diktator, mungkar, membazir, dan sebagainya dengan penuh dendam seperti yang disebutkan oleh PAS di dalam Deklarasi 2 Zulkaedah itu.

Sebenarnya dari segi yang lain, sekalipun pada masa itu keadaan ekonomi agak meleset, pembangunan yang dirancangkan terus juga berjalan. Pembinaan Jambatan Pulau Pinang, bangunan Dayabumi, perusahaan Automobil Proton Saga, lebuhraya, persyarikatan Malaysia dan sebagainya dikira perlu untuk membangunkan sosio-ekonomi rakyat. Pembangunan fizikal yang semacam ini tidak boleh dikira membazir, kerana ia memberikan manfaat yang besar kepada imej negara di samping memenuhi keperluan pemodenan di dalam pembangunan negara. Dalam sebuah negara yang membangun, pembangunan fizikal dan *spiritual* seperti ini tidak boleh kita tolak. Sama ada kita suka atau tidak suka, pembangunan itu seperti air bah, ia tetap mengalir dan melimpah ke mana-mana.

Di dalam sektor pembangunan ekonomi yang lain pula, kita melihat semakin banyak pelabur asing datang melabur di negeri ini. Ini dengan sendirinya memberi peluang kepada generasi muda kita yang terdidik tadi memenuhi keperluan kerja separuh mahir dan profesional untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Di dalam masa yang sama, usaha-usaha menswastakan pelbagai sektor kerajaan seperti telekom, elektrik, keretapi Tanah Melayu

dan sebagainya, juga memenuhi kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Di dalam hubungan ini, di tengah-tengah ancaman kemelesetan ekonomi, di tengah-tengah lahirnya generasi baru yang terdidik dan rakus, Dr. Mahathir telah menyintakkan sikap, semangat dan keupayaan rakyat supaya bersedia menghadapi cabaran dan kemungkinan yang terbuka. Dalam dinamika kerjanya yang amat drastik dan provokatif itu, beliau tidak mahu, akibat kemelestan ekonomi itu, rakyat menjadi beku, kaku dan menyerah sambil bergantung kepada subsidi sahaja.

Beliau mahu setiap rakyat menjadi kreatif, peneroka kepada idea-idea baru yang lebih positif, meninggalkan segala macam fahaman dan tradisi lapuk, menentang segala macam tahuul dan kepercayaan karut, menghindarkan segala ketaksuhan dan mengetepikan sentimen serta kefanatikan yang melampau supaya setiap rakyat, terutamanya orang Melayu, tidak hanya bergantung kepada kerajaan dan menyerah kepada takdir semata-mata, sambil memaki hamun kepada kerajaan, jika kepentingan mereka terjejas.

Sekurang-kurangnya beginilah yang saya rasakan ketika hidup di bawah kepimpinan Mahathir. Perasaan serta sikap ini tidak pernah saya rasakan ketika di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, dan Tun Hussein Onn. Sebagai rakyat, saya kini menjadi lebih yakin terhadap cita-cita, perjuangan dan pentadbiran Mahathir.

Apalagi di dalam zaman Mahathir ini, parti Komunis Malaya yang lahir daripada kehancuran MPAJA (1948), dan menjadi musuh rakyat selama lebih 40 tahun, telah menyerah diri dan meletakan senjata. Ini suatu kejayaan yang amat besar bagi Mahathir.

Sebenarnya kera-kerja mengubah dan membentuk sikap rakyat supaya menjadi dinamik dan terbuka, bukanlah boleh dilakukan di dalam masa satu dekad atau dua dekad saja. Kebekuan dan kejumudan sikap dan pemikiran bangsa kita telah lakukan oleh penjajahan Barat kepada kita lebih empat ratus tahun yang lampau. Mengubah dan membentuknya supaya menjadi dinamik dan terbuka selaras dengan gaya dan budaya hidup kita, sekarang, bukanlah senang, mudah dan mengambil masa yang singkat.

Tetapi di dalam zaman Mahathir yang tidak sampai pun satu dekad, perubahan sikap dan gaya hidup rakyat ini telah berubah

dan menonjol dengan cepat sekali. Dia seolah-olah seorang pemimpin yang cepat mencetuskan semangat pemodenan rakyat, mengajak rakyat mengenal diri sendiri dan memberikan kepada mereka suatu dinamika baru yang terbuka dan bererti.

Di dalam sejarah kepimpinan politik, pemimpin seperti Mahathir ini, sekalipun di dalam beberapa ciri perjuangan dan tindakannya tidak sama, namun cara dia membangunkan dinamika bangsanya hampir-hampir menyamai Niccolo Machiavelli, seorang pengarang dan ahli politik Itali yang terkenal dengan bukunya 'The Prince' (1513-1532). Saya memilih tokoh politik dari Itali sebagai contoh kerana negara itu baru saja mengadakan pertandingan bolasepak 'Piala Dunia' baru-baru ini. Machiavelli dikatakan seorang ahli politik yang banyak tipu muslihat, panjang akal dan mempelajari ilmu tabiat dan pekerti manusia. Beliau dianggap oleh setengah-tengah orang sebagai kesateria sejati yang sangat ingin melihat sebuah negeri Itali yang kuat dan bersatu di samping keburukan-keburukan yang dikatakan amat menyolok.

Masalah di sini, bagi orang PAS dan Semangat 46, Mahathir seperti juga dengan Niccolo Machiavelli, dianggap seorang pemimpin yang melambangkan talam dua muka, tidak berakhhlak, tidak mempunyai dasar pegangan, tidak berbudi dan menganut falsafah bahawa apa saja pun boleh dibuatnya bagi mencapai maksud. Pendeknya tuduhan PAS dan Semangat 46 bahawa UMNO di bawah kepimpinan Mahathir yang bercorak jahat, kejam, zalim dan diktator itu samalah seperti apa yang pernah dituduh kepada Machiavelli sebagai lambang iblis dan syaitan di Itali. Tetapi ini, seperti yang saya sebutkan di dalam bab 'Sikap dan Pendirian Parti-parti Politik' adalah satu pandangan atau anggapan subjektif semata-mata. Ia belum dibuktikan benar.

Di dalam rangka pembangunan untuk rakyat pula, seperti yang saya sebutkan di dalam bab yang lain dan di dalam buku yang lain, bahawa jika lalu sesiapa mendakwa bahawa pembangunan tidak wujud pada zaman Mahathir adalah suatu pembohongan. Pembangunan infrastruktur yang melibatkan pembangunan ekonomi dan pembangunan untuk kemudahan seperti perumahan, elektrik, kesihatan, pelajaran, penempatan kampung-kampung baru, penerokaan Felda, Felcra, sosial, perniagaan dan sebagainya dapat kita lihat di mana-mana. Pembangunan-pembangunan yang bersifat lambang mercu kejayaan seperti

bangunan Dayabumi, Jambatan Pulau Pinang, Proton Saga dan lain-lain tidak boleh kita nafikan begitu saja.

Imej negara di luar negeri pula kelihatan muncul mendadak. Di negara-negara Barat, nama Malaysia hampir-hampir tidak dikenali orang sebelum ini. Kalau ada yang mengenalinya pun, ia amat negatif. Mereka mengganggap kita ini masih duduk di atas pokok. Tidak moden dan tidak bertamadun. Sejak Mahathir menjadi Perdana Menteri dan setelah beliau melawat ke Eropah dan Amerika dan berucap di Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain, barulah nama Malaysia mulai dikenali orang. Persidangan CHOGM dan G 15 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, membuktikan kepercayaan dan keyakinan pemimpin-pemimpin dunia kepada kita, walaupun ada pihak yang menggesa Amerika menarik balik taraf Sistem Kemudahan Am (GSP) dan persoalan Alam Sekitar dan Hak Asasi Manusia. Yang peliknya di tengah-tengah kekaguman pemimpin dunia kepada Mahathir, orang-orang kita sendiri yang mengecamnya pula.

Ketiga-tiga faktor ini, faktor perubahan sikap, faktor pembangunan untuk negara dan untuk rakyat dan faktor prestasi imej negara, kelihatan amat jelas berubah dan meningkat. Ia mencapai perubahan dan peningkatan yang lebih ketara jika kita bandingkan ketika negara di bawah pemerintahan tiga pemimpin sebelum ini.

Semua perubahan, peningkatan dan kemajuan ini agak sukar dicapai oleh sesebuah negara, jika pemimpin yang kita pilih itu tidak mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kematangan serta tidak mempunyai daya kreatif untuk membangunkan bangsa, negara dan agamanya. Sikap Mahathir seperti yang kita lihat penuh visi dan misi untuk membangunkan sosio-ekonomi bangsanya dan atas kreditibilitinya itulah kita sekarang menjadi rakyat yang yakin dan terbuka.

Masalahnya ialah bahawa semua perubahan, peningkatan dan kemajuan yang dibuat oleh Mahathir itu, tidak seluruhnya disukai dan dikecapi oleh semua orang. Tabiat, sikap, pandangan dan kelakuan manusia sesungguhnya amat kompleks. Mereka mempunyai tabiat, sikap dan pandangan yang berubah-ubah, yang berlainan dan cenderung kepada kepentingan tertentu. Keluarnya aktivis UMNO dan menu buhkan PAS pada tahun-tahun lima puluhan dahulu, tersingkirnya team B di dalam UMNO dan menu buhkan parti Semangat 46, adalah gejala daripada fenomena

ini. Ini menunjukkan bahawa yang tidak disukai oleh PAS dan Semangat 46 bukanlah Mahathir peribadi, tetapi sesiapa juga yang menjadi pemimpin UMNO akan terus tidak disukai oleh mereka. Kerana yang mereka suka, tentulah diri mereka sendiri.

Bagi PAS dan Semangat 46, pembangunan asas yang dijalankan oleh Dr. Mahathir itu bukanlah faktor utama yang menjadi tantangan mereka. Pembangunan di dalam bentuk apa pun tentulah memberikan kesan dan implikasinya kepada setiap orang. Hanya Komunis saja yang menentang pembangunan, kerana setiap pembangunan boleh menjelaskan perjuangan dan fahaman komunis. Jadi mengikut teori ini, PAS dan Semangat 46, termasuk juga DAP tidak akan menentang sebarang jenis yang bersifat pembangunan.

Apa yang mereka tentang sebenarnya berasaskan dua perkara. Pertama, cara dan kesan kepada pembangunan yang dijalankan itu; sama ada caranya betul, tidak menyelewang dan memberi faedah atau membebangkan rakyat atau tidak. Kedua, adakah pembangunan dan objektiviti yang dijalankan oleh kepimpinan Dr. Mahathir itu sesuai, selaras dan memenuhi kehendak dan dasar perjuangan mereka atau tidak. Jika sesuai dan menepati kehendak mereka, mereka akan diam. Sebaliknya jika tidak, penentangan mereka akan diteruskan. Nampaknya sejak lebih 40 tahun kerajaan memerintah, hanya ada sedikit masa saja yang PAS bersetuju (kerajaan campuran), sementara sebelum itu dan selepas itu, pemerintahan Perikatan dan Barisan Nasional tidak pernah disetujui oleh PAS, DAP dan sekarang Semangat 46 pula.

Soalnya yang timbul buat sementara ialah adakah semasa kerajaan campuran dibentuk pada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak dulu, semua pembangunan kerajaan yang dijalankan oleh Tun Abdul Razak itu sesuai, selaras dan memenuhi kehendak PAS? Jika sesuai, selaras dan memenuhi kehendak PAS, adakah gagasan Negara Islam yang menjadi perjuangan utama PAS itu telah dijalankan pada zaman Kerajaan Campuran itu? Adakah kerana pada masa itu, kebanyakan pemimpin PAS itu ‘buta Quran’ dan ‘bertaklid Buta’ seperti yang didakwa oleh bekas Ketua Penerangan PAS, Ustaz Abu Bakar Hamzah yang dipecat, kepada saya tidak lama dulu, maka sekarang PAS tidak bercadang lagi untuk mengulangi kerjasamanya dengan UMNO tetapi lebih rela berkawan dengan musuhnya (DAP) dan bekas musuhnya (Tengku Razaleigh dan kawan-kawannya) itu?

Sepanjang yang saya perhatikan, penentangan PAS dan Semangat 46 kepada UMNO, khususnya Dr. Mahathir ialah tentang cara-cara pelaksanaan pembangunan itu dijalankan. Mereka mensifatkan pembangunan yang dijalankan oleh Mahathir itu dipenuhi dengan pembaziran, boros, penuh penyelewengan dan *hanky-panky*. Kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin UMNO yang berkuasa, menggunakan jawatan mereka untuk mengaut keuntungan peribadi melalui projek-projek pembangunan yang dijalankan. Sebagai pemimpin yang diberi kuasa demokratik oleh parti, Mahathir dituduh sebagai pemimpin yang rakus dengan kekuasaan, menekan dan menindas hak asasi rakyat dan memutarbelitkan undang-undang untuk menjaga dan memelihara kepentingan jawatan dan pemerintahannya. Pindaan Akta ISA, OSA, Mesin Cetak dan sebagainya adalah contoh daripada kerakusan kuasanya ini.

Soal yang timbul sekarang ialah adakah kesan daripada tindakan-tindakan Dr. Mahathir itu mendatangkan keburukan dan kacau bilau di kalangan rakyat, atau dibuat bagi menjaga kepentingan awam, kerana kebanyakan pemimpin pembangkang sering menuduh, membuat fitnah dan menghasut rakyat untuk membenci kerajaan tanpa menimbangkan kepentingan perpaduan nasional? Adakah kerana kita mengamalkan konsep demokrasi, maka setiap daripada kita boleh bercakap dan berbuat apa saja untuk memenuhi selera dan naluri kita sendiri saja tanpa menimbang sikap, selera dan naluri orang lain semua?

Mengapa pula tentangan-tentangan ini tidak pernah timbul misalnya, ketika Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Rais Yatim, Rahman Osman, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan pemimpin-pemimpin Semangat 46 yang lain, ketika mereka berada di dalam kerajaan dulu? Apakah kerana pada masa itu, mereka masih diberi kuasa dan dipercayai oleh perwakilan UMNO, maka kebanyakan daripada tindakan-tindakan Mahathir itu semuanya betul belaka dan sekarang, setelah mereka disingkirkan oleh parti dan kerajaan, kesemua tindakan Mahathir itu menjadi tidak betul pula?

Di dalam hubungan ini, saya melihat pindaan akta-akta tersebut tidak mungkin dibuat dan dilaksanakan jika kerajaan berfikir bahawa kepentingan rakyat tidak terganggu. Pindaan-pindaan itu dibuat dan dilaksanakan bagi membataskan berleluasanya perbuatan-perbuatan dan kelakuan ahli-ahli politik

yang cuba mencari kepentingan di atas sesuatu isu. Apa saja isu yang timbul dan terjadi, terutamanya isu-isu yang berkepentingan dengan kerajaan atau yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan (bekas Ketua Hakim Negara?), Badan-badan Berkanun (skandal BMF?) dan Menteri-menteri kerajaan (D.P. Vijandran?) dan sebagainya, maka semua ini digunakan oleh pembangkang untuk menjatuhkan kerajaan. Pendeknya timbul saja sesuatu isu, maka kerajaan akan dituduh, tidak cekap, tidak amanah, mencabul hak asasi rakyat dan menyeleweng tanpa sedikit pun menimbangkan bahawa ada kalanya sesuatu isu yang terjadi itu sengaja dirancang begitu teliti untuk merosakkan imej dan menjatuhkan kerajaan sendiri tanpa pengetahuan Dr. Mahathir sendiri.

Ini penting diteliti dan ditinjau, kerana di dalam kerajaan sendiri, terdapat pegawai-pegawai kerajaan, eksekutif perundangan, badan-badan berkanun dan Menteri-menteri sendiri yang berpura-pura dan cuba hendak menjatuhkan kawan dan lawannya sendiri untuk muncul ke atas. Saya rasa tentulah ada sebab-sebab tertentu, mengapa bekas Ketua Hakim Negara dipecat umpamanya; mengapa Skandal BMF dilakukan; mengapa isu video lucah dibesar-besarkan dan mengapa isu perkahwinan Menteri Besar Selangor disiarkan oleh akhbar UMNO tiga empat hari berturut-turut tanpa sedikit pun menghormati prinsip dan etika kewartawanan.

Semuanya ini menggambarkan betapa di dalam perjuangan politik, persoalan akhlak dan moral tidak pernah dipentingkan, betapa kepentingan rakyat dan hak asasi manusia sering diputarbelit dan disalahgunakan oleh mereka yang kononnya bercakap dan bertindak di atas nama kebebasan, undang-undang, hak asasi rakyat dan demokrasi, sedang sebenarnya segala percakapan dan tindakan mereka, daripada segi yang lain, boleh menjaskan dan merosakkan kebebasan, undang-undang, hak asasi rakyat dan demokrasi itu sendiri. Perbuatan wakil-wakil rakyat DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini adalah suatu contoh buruk yang boleh kita kemukakan di sini.

Di dalam menghadapi soal ini, perkara yang boleh kita bahaskan ialah sejauh manakah parti-parti pembangkang seperti PAS dan Semangat 46 boleh menggugat pengaruh UMNO? Adakah akibat daripada segala macam tuduhan yang saya sebutkan tadi, pengaruh UMNO akan merosot dan Angkatan akan berjaya menumbangkan Barisan Nasional di dalam pilihanraya

kali ini, atau jikalau Angkatan kalah juga, adakah Semangat 46 akan berkubur seperti parti SDP atau NASMA?

Jikalau kita meneliti teori dan formula andaian parti Semangat 46 seperti yang saya kemukakan di dalam bab 'Strategi Pembangkang' tadi, kemungkinan bahawa parti Semangat 46 akan berkubur seperti SDP dan NASMA, belumlah boleh dibuat ramalan lagi. Parti Semangat 46 berbeza dengan parti SDP dan NASMA. Ini kerana kedua-dua buah parti tersebut (SDP dan NASMA) tidak mempunyai ketokohan berpolitik. Kebanyakan aktivis politiknya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas di dalam politik. Tetapi di dalam parti Semangat 46, kita boleh mendapati bahawa kebanyakan daripada tokoh-tokohnya adalah terdiri daripada bekas tokoh-tokoh UMNO sendiri. Oleh itu, taktik dan perjuangan mereka hampir mewarisi perjuangan UMNO. Tengku Razaleigh umpamanya, mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas di dalam mengatur dan menyusun strategi parti. Kejayaannya menumbangkan kerajaan PAS di Kelantan dulu dikatakan kerana pengalaman dan pengetahuannya ini.

Tetapi ini hanyalah asas kepada birokrasi parti. Pengalamannya yang luas mungkin boleh digunakan untuk melicinkan pentadbiran parti dan cara-cara untuk menumbangkan Barisan Nasional. Itu pun kalau parti itu mempunyai kesanggupan yang luas dan biaya yang besar. Kalau kedua-dua kemampuan ini tidak ada, mereka akan perit menghadapi taktik politik UMNO yang luas pengalamannya itu.

Berasaskan formula andaian Semangat 46 itu, kemungkinan besar parti PAS dan Semangat 46 akan memperoleh beberapa kerusi bolehlah diramalkan. Tetapi meramalkan bahawa kedua-dua parti itu boleh menawan Kelantan dan Terengganu masih juga bersifat ramalan. Ini kerana ketika Dr. Mahathir melawat Kelantan baru-baru ini, sambutan yang diberikan kepada beliau amatlah besar, terutamanya ketika beliau melawat Pasir Mas sendiri. Ini menunjukkan bahawa rakyat Kelantan masih memerlukan UMNO walaupun putera rajanya tidak lagi berada di dalam parti itu.

Nampaknya segala tohmah, hasutan dan tuduhan yang dibuat oleh PAS dan Semangat 46 kepada Barisan Nasional belum juga berhasil. Sikap dan tradisi rakyat untuk tidak mahu mengubah kepimpinan yang ada, masih kelihatan di mana-mana. Mereka

mungkin termakan dengan tohmahan dan hasutan tadi, tetapi mereka akan sukar menerima segala tuduhan itu sebagai benar. Ini kerana, jikalau negara ini miskin, tidak ada seorang rakyat pun yang mati kebuluran; jikalau hak asasi rakyat terancam, tidak ada sesiapa pun ditahan dan dihukum tanpa sebab; jikalau kerajaan membazir dan menghabiskan wang rakyat, kerajaan tidak pun bankrap dan jikalau kerajaan ini buruk dan mungkar, banyak pelaburan luar yang datang melabur ke negeri ini dan setiap rakyat boleh mengamalkan agama mereka masing-masing tanpa diganggu oleh sesiapa. Jadi di mana benarnya segala tuduhan tersebut?

Saya tidak akan berkata bahawa segala tuduhan itu bersifat prejudis semata-mata, tetapi saya masih yakin bahawa pada umumnya majoriti rakyat masih mempunyai kepercayaan dan keyakinan kepada Barisan Nasional. PAS dan Semangat 46 mungkin boleh menang satu dua kerusi, tetapi kemenangan mereka tidak boleh mengubah apa-apa, kerana untuk menjadi sebuah parti politik seperti PAS pun, Semangat 46 memerlukan masa kira-kira 40 tahun daripada sekarang. Tidakkah lamanya menunggu masa seperti itu?

" Adalah menjadi satu hakikat, iaitu tiap-tiap satu generasi mempunyai tanggungjawab terhadap zamannya. Oleh itu adalah mustahak kepimpinan dalam satu-satu generasi selaras dengan zamannya. Ini adalah perlu kerana pemimpin serta aspirasi satu-satu generasi hanya akan dapat difahami oleh generasi tersebut sahaja. Saya yakin dan saya percaya generasi muda di dalam UMNO tahu apakah peranan yang harus dimainkan oleh mereka bagi mengukuhkan dan mengembangkan parti UMNO."

Dr. Mahathir Mohamad

1 Julai, 1976.

Masalah kepimpinan Melayu menjelang abad kedua puluh satu bergantung kepada sejauh mana parti-parti politik Melayu dapat memilih, membentuk dan menentukan pembakatan, kebolehan, potensi dan kewibawaan seorang pemimpin muda daripada generasi baru. Di dalam parti politik UMNO misalnya, terdapat beberapa orang tokoh generasi muda yang berpotensi untuk dipilih, dibentuk dan ditentukan haluan kepimpinannya.

Di dalam parti PAS umpamanya, terdapat juga beberapa orang pemimpin muda yang berbakat dan berwibawa untuk boleh diketengahkan. Begitu juga di dalam parti Semangat 46 misalnya, terdapat juga seorang dua yang dikira boleh menjadi cabaran kepada kepimpinan parti itu pada masa depan.

Di dalam bab ini, penumpuan saya dikhususkan kepada kepimpinan Melayu di dalam parti politik UMNO. Saya memilih kepimpinan Melayu di dalam UMNO ialah adalah atas pertimbangan bahawa ketiga-tiga parti politik Melayu yang saya sebutkan tadi, hanya kepimpinan di dalam UMNO dikira berpotensi untuk melahirkan seorang atau beberapa orang pemimpin yang boleh diterima oleh majoriti rakyat majmuk.

Pemilihan seorang pemimpin, sama halnya dengan pemilihan seseorang untuk menjadi calon di dalam pilihanraya. Ia bukan saja

berdasarkan kepada kelulusan, kebolehan, kemampuan dan diterima oleh rakyat, tetapi juga dia harus berwibawa, mempunyai akhlak yang mulia dan komitmen kepada bangsa, agama dan negaranya sendiri.

Di dalam buku 'BN & APU Siapa Berkuasa?' saya telah menyebutkan bahawa pemilihan seseorang calon pemimpin yang berdasarkan kelulusan, berpotensi dan diterima oleh masyarakat, hanyalah sebahagian daripada kriteria pemilihan, tetapi faktor ini hanyalah faktor luaran yang menjadi ciri-ciri asas kepada personaliti seseorang calon. Jikalau faktor ini saja dianggap penting dan menjadi syarat kepada bakal-bakal calon kepimpinan politik, kita akan melihat nanti betapa ramainya pemimpin kita yang berkelulusan, berpotensi dan diterima rakyat, terjebak ke dalam ciri-ciri keangkuhan, kerakusan kuasa dan penyelewengan.

Ramai di kalangan pemimpin dan wakil-wakil rakyat kita yang mempunyai potensi yang serupa ini, akhirnya jatuh dan tersungkur di dalam lubuk skandal, lubang rasuah dan gaung kedurjanaan. Oleh yang demikian, kepimpinan yang berwibawa, berakhhlak mulia dan *committed* kepada bangsa, agama dan negaranya adalah ciri-ciri tambahan yang sepatutnya ada kepada bakal-bakal pemimpin selain kelulusan, kebolehan, kemampuan dan diterima rakyat tadi.

Siapakah di antara pemimpin-pemimpin muda di dalam UMNO yang dikira boleh diramalkan sebagai pemimpin pelapis di dalam parti itu selepas berundurnya Dr. Mahathir Mohamad, Encik Ghafar Baba, Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah dan lain-lain di dalam kepimpinan politik Melayu di Malaysia?

Sebelum seseorang aktivis politik itu dipilih sebagai calon dan sebagai pemimpin di dalam parti politik tertentu, bakat dan potensinya sebagai pemimpin hendaklah diperlihatkan terlebih dahulu. Allahyarham Dato' Onn Jaafar yang dipilih sebagai pemimpin UMNO yang pertama adalah kerana bakat, potensi dan pengetahuannya pada masa itu, tetapi Tunku Abdul Rahman Putra yang dipilih menggantikan Dato' Onn yang merajuk di dalam UMNO ketika itu, tidaklah berdasarkan bakat dan kebolehannya tetapi diasaskan kepada beliau sebagai keturunan Raja yang dimuliakan. Sebaliknya Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Dr. Ismail, Datuk Asri Haji Muda bekas pemimpin PAS, adalah pemimpin-pemimpin politik yang

berbakat dan berwibawa sekalipun pemimpin PAS itu bukanlah seorang ulama dalam ertikata yang sebenarnya, kecuali seorang pemimpin yang cekap dan petah berpidato.

Dalam senario politik pada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak, ramai aktivis politik yang berkelulusan dan diterima rakyat pada mulanya, muncul sebagai pemimpin politik dan ahli pemidato yang terkemuka. Datuk Haji Harun Idris dan Tan Sri Ghazali Shafie misalnya adalah pemimpin Melayu yang amat disegani pada ketika itu. Datuk Harun disanjung oleh orang-orang Melayu kerana komitmennya kepada bangsa Melayu amat luas sebelum dan selepas tragedi 13 Mei. Tan Sri Ghazali Shafie, seorang pemidato dan ahli fikir yang amat dihormati di dalam dan di luar negeri.

Kesemua tokoh pemimpin Melayu yang saya sebutkan ini mempunyai kelulusan, kemampuan dan diterima oleh rakyat pada masa itu. Tetapi oleh kerana kebanyakannya daripada mereka itu kurang berwibawa, kurang berakhhlak mulia dan tidak *committed* kepada bangsa, agama dan negaranya, mereka jatuh satu demi satu. Ada yang merajuk kerana kecewa dan patah hati, ada yang dipaksa berhenti kerana tidak *committed* kepada bangsa, agama dan negaranya dan ada yang disingkirkan kerana kerakusan kuasa dan jatuh di dalam lubuk skandal, rasuah dan penipuan.

Selepas Allahyarham Tun Hussein Onn melepaskan jawatannya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, bakat yang terserlah selepasnya ialah Datuk Musa Hitam, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Rais Yatim, Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan beberapa orang lain. Selepas itu muncul pula Anwar Ibrahim, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yasin, Tan Sri Dato' Muhammad Mohd. Taib, Datuk Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Najib Tun Abdul Razak dan beberapa orang pemimpin muda yang lain. Kebanyakannya daripada mereka ini mempunyai kelulusan, kemampuan dan diterima oleh rakyat. Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad umpamanya, adalah seorang ulama lepasan Al-Azhar yang terkenal dengan waraknya, tetapi dari segi usia, dia sebenarnya sudah berumur.

Di antara beberapa orang tokoh pemimpin yang disebutkan ini, beberapa orang daripadanya seperti Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Rais Yatim telah terkeluar daripada hierarki kepimpinan UMNO. Datuk Musa Hitam dikatakan akan bersara daripada politik, sementara Datuk Abdullah Badawi masih tidak

jelas kedudukannya. Yang tidak pasti ialah kedudukan Tan Sri Wan Mokhtar, apakah kandungan buku 'Skandal Politik Wan Mokhtar di Terengganu' yang ditulis oleh Yahaya Ismail itu akan menjelaskan imej kepimpinan politiknya belumlah dapat diketahui.

Berdasarkan senarai nama pemimpin-pemimpin muda di dalam politik UMNO sekarang ini, saya mengira tiga orang daripadanya adalah perlu didedahkan sebagai pemimpin politik yang mempunyai kelulusan, berkebolehan, berpotensi, diterima oleh rakyat, berakhlek mulia dan *committed* kepada bangsa, agama dan negaranya. Ketiga-tiga pemimpin muda ini ialah Sdr Anwar Ibrahim, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yasin dan Tan Sri Dato' Muhammad Haji Mohd. Taib. Sdr. Anwar ialah Menteri Pendidikan dan Ketua Perhubungan UMNO negeri Pulau Pinang, sementara Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yasin dan Tan Sri Dato' Muhammad Taib ialah Menteri Besar Johor dan Menteri Besar Selangor. Kedua-duanya juga adalah Ketua Perhubungan UMNO Negeri masing-masing.

Saya percaya bahawa ada pihak-pihak tertentu yang akan mempertikaikan pemilihan saya ini, terutamanya apabila mengemukakan nama Anwar Ibrahim dan Tan Sri Dato' Muhammad Haji Mohd Taib. Ini kerana Menteri Besar Selangor itu dikaitkan dengan etika moral kerana melarikan puteri Sultan Selangor dan berkahwin di negeri Thai, sementara Anwar pula, akhir-akhir ini, telah dikaitkan dengan persoalan birokrasi di Universiti Malaya dan pindaan Akta Pendidikan 1990 itu. Kita akan dapat melihat suatu anggapan bahawa Sdr Anwar Ibrahim misalnya, adalah tokoh pemimpin muda yang memenuhi ciri-ciri kepimpinan Melayu yang saya sebutkan di awal rencana ini tadi. Kalibernya sebagai pemimpin yang berbakat dan berpotensi, sukar ditandingi oleh mana-mana pemimpin muda yang lain. Ini termasuklah Menteri Besar Selangor dan Menteri Besar Johor itu sendiri. Malah mereka bertiga adalah rangkaian kepimpinan yang mempunyai masa depan yang cerah di dalam hierarki kepimpinan UMNO menjelang abad ke-21 ini.

Sejak mengambil alih kepimpinan UMNO Pulau Pinang kira-kira dua setengah tahun yang lalu, Sdr Anwar telah menampakkan usaha gigihnya bagi memulihkan keadaan sosio-ekonomi orang Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai yang sebelum ini jauh tertinggal di belakang. Berbagai-bagai projek pembangunan

ekonomi, perumahan, sosial, pelajaran, perniagaan dan sebagainya telah mula menampakkan kemajuan. Kebanyakan projek ini diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pemandu yang dipegerusikannya sendiri. Ini adalah selaras dengan cita-cita dan perjuangannya hendak membangunkan sosio-ekonomi orang Melayu di negerinya sendiri.

Tetapi sebagai Menteri Pendidikan, persoalan kerentan Naib Chanselor Universiti Malaya dan pindaan akta Pendidikan 1990 yang sehingga sekarang belum dapat diselesaikan lagi itu, boleh pula menjelaskan kewibawaan di dalam kepimpinannya. Beberapa pihak di Universiti, termasuk persatuan Kakitangan Akademik, Persatuan Mahasiswa dan kalangan nasionalis-nasionalis Melayu telah mengkritik dan mempertikaikan sikap, pendirian cara-cara beliau melaksanakan kehendak dan semangat Dasar Pelajaran yang telah digubal sejak tahun 1961 itu. Malah saya mendapat tahu ada kira-kira 25 orang kakitangan Akademik di sebuah universiti, telah bersembahyang hajat meminta Allah menperlihatkan siapakah yang lebih betul dalam konteks birokrasi di Universiti Malaya dan pindaan Akta Pendidikan tersebut, di samping penampalan-penampalan poster ‘anti Anwar’ berhubung dengan isu-isu tersebut di merata kawasan universiti.

Di dalam konteks ini, saya mendapat kesan bahawa apa yang dipertikaikan itu, terutamanya yang berkaitan dengan isu Akta Pendidikan, lebih banyak terletak kepada persoalan fakta dan salah tafsiran. Ada kekeliruan dan salah tafsir berhubung dengan *Section 21 (2)* di dalam akta tersebut yang melibatkan kuasa Menteri, tetapi bagi sesiapa yang cuba berbincang dan mendapatkan penjelasan lanjut daripada Menteri Pendidikan itu, kekeliruan dan salah faham itu akan dapat diselesaikan. Sebagai contoh umpamanya, Pemuda UMNO tidak pernah menyuarakan tentang mengenai *section* itu. Ini bermakna bahawa mereka sudah memahaminya. Begitu juga dengan Jawatankuasa Kerja Pena, selepas mereka berbincang dengan Sdr Anwar Ibrahim, Pena mengambil ketetapan menyokong pindaan Akta tersebut.

Yang masih menjadi kegelisahan sekarang ialah bagaimana Menteri Pendidikan itu dapat meyakinkan kalangan akademik, tokoh-tokoh budaya dan nasionalis-nasionalis Melayu yang lain di ibu kota. Mereka yang dulunya menjadi sahabat baik Anwar, menjadi penyokongnya yang paling kuat di dalam ABIM, kini

sebahagiannya meragui sikap, pendirian dan cara-cara Anwar mengendalikan isu tersebut. Beberapa orang pensyarah universiti seperti Sdr Malik Munip, Mahathir Mohd. Khir, Zainal Keling dan beberapa orang pensyarah yang lain amat mengkhawatir terhadap 'kuasa menteri' yang dihapuskan itu. Begitu juga sebahagian daripada Jawatankuasa Kerja Gapena, termasuk Ketua Satunya Prof. Datuk Ismail Hussein dan Drs. Yahya Hussin amat bimbang dengan gejala pindahan tersebut. Mereka berpendapat, sekalipun kuasa itu tidak pernah digunakan oleh mana-mana Menteri Pendidikan sejak dari zaman Mohd. Khir Johari dulu, namun selagi 'kuasa' itu diwujudkan dapatlah semangat Melayu bergantung kepadanya. Ini samalah dengan kebanggaan 'ada wang' walaupun tidak berbelanja dan 'ada tanah' walaupun tidak diusahakan, seakan-akan 'kuasa menteri' ini suatu pelaburan dalam hak ketuanan Melayu. Ia amat simbolis sifatnya dan sukar untuk dimengertikan. Tetapi sekarang, setelah kuasa menteri itu dihapuskan, tidakkah ini bermakna satu lagi hak yang menjadi kebanggaan Melayu, yang diperjuangkan oleh nasional-nasionalis Melayu dulu, telah hilang dengan sendirinya?

Di dalam hubungan ini, satu cara yang dikira boleh menyelesaikan salah faham dan salah tafsir di kalangan intelektual budaya ini ialah dengan cara mewujudkan suatu dialog tertutup antara Menteri Pendidikan itu dengan intelektual budaya tadi. Saya sendiri telah pun mencuba untuk mengadakan dialog tertutup antara Sdr Anwar dengan kalangan intelektual budaya ini dan Sdr Anwar sudah pun menyatakan persetujuannya. Satu tarikh yang sesuai akan ditentukan. Saya berharap dengan adanya dialog tertutup ini dapatlah kedua-dua pihak menyelesaikan salah faham dan salah tafsir berhubung dengan isu pindahan Akta Pendidikan itu, terutamanya yang berhubung dengan *Section 21(2)* tadi.

Saya percaya dan yakin, sebagai seorang tokoh muda yang berpotensi, berwibawa dan berakhhlak mulia, apalagi semasa di dalam ABIM dulu dianggap seorang nasionalis Islam yang ampuh dan lantang menyuarakan kepentingan-kepentingan Melayu/Islam di negara ini, Sdr Anwar tidak akan sanggup membelakangkan aspirasi perjuangan nasionalisme bangsanya hanya semata-mata kerana kepentingan politik di dalam pilihanraya. Saya percaya, beliau bukanlah orang yang hipokrit terhadap bangsa dan agamanya sehingga sanggup menjual

maruah bangsanya untuk mendapat populariti undi di dalam pilihanraya. Ini bukanlah perjuangan beliau dan ini bukanlah motivasi politiknya, saya kira.

Bagaimanapun sebagai aktivis politik yang berpotensi, ini ialah sebahagian daripada cabaran, kesulitan dan dugaan di dalam kerjaya politiknya. Dengan kata-kata lain, setiap pemimpin yang mahu memajukan bangsa, agama dan negaranya akan terdedah kepada pelbagai cabaran, kesulitan dan dugaan. Semua cabaran, kesulitan dan dugaan ini akan memberikan kematangan kepada pemimpin itu. Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam sendiri adalah dua contoh betapa mereka menempoh pelbagai cabaran dan dugaan di dalam kepimpinan mereka. Sebab itu, Mahathir hanya tersenyum saja apabila menghadapi kekalahan. Mereka tidak lari ke lubuk lain seperti Tengku Razaleigh. Mereka tidak mengutuk ‘tempat jatuh naik’ mereka seperti Tunku Abdul Rahman. Mereka setia dengan konsep perjuangan mereka.

Bagi Anwar apa yang sedang dihadapinya adalah permulaan bagi suatu ‘krisis kematangan’ di dalam dirinya sendiri. Jika dia berjaya menangkis segala kritikan, tohmahan dan segala keraguan dan kekhawatiran yang dilemparkan oleh sahabat dan musuhnya itu, dia akan muncul sebagai pemimpin Melayu yang terlepas daripada segala macam ujian, cabaran dan dugaan seperti ini dan tidak banyak pula pemimpin yang suka menimbulkan kontroversi yang payah dimengerti oleh banyak orang seperti Anwar Ibrahim ini.

Di depannya sekarang bukan saja terdapat isu Syed Hussein Al-Attas, Isu pindaan Akta Pendidikan, tetapi juga isu kemelut politik di Pulau Pinang bersama Semangat 46, DAP dan PAS. Ketiga-tiga parti pembangkang ini begitu beriya-iya hendak menawan negeri Pulau Pinang. Jika Anwar berjaya mengekalkan jumlah kerusi UMNO di Pulau Pinang seperti yang berjaya dilakukan oleh Datuk Abdullah Badawi di dalam pilihanraya yang lalu, dia akan muncul sekali lagi sebagai pemimpin yang sudah teruji di dalam pelbagai bentuk dan corak. Masa depan baginya cukup cerah. Musuh-musuh politiknya akan diam dan kaku, akan beralih dan mengaku kalah.

Tetapi sebaliknya jika dia gagal, masa depan politiknya juga akan menjadi amat payah. Ini harus diakuinya. Kehadirannya di dalam UMNO bukanlah atas kehendak semua orang. Kehadirannya hanya atas kemahuan Mahathir. Bukan atas

kehendak Datuk Sri Sanusi Junid dan bukan atas kehendak Ghafar Baba atau Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Oleh itu, jika dia gagal menghadapi cabaran ini, banyak orang yang akan suka, terutama musuh-musuh politiknya sendiri. Dia mungkin akan menjadi Tengku Razaleigh Hamzah, keluar UMNO dan menubuhkan Semangat 46, atau menjadi seperti Datuk Musa Hitam, letak jawatan di dalam kerajaan atau menjadi seperti Datuk Rais Yatim, sedia membakar jambatan. Sesungguhnya keberanian menghadapi cabaran akan membantunya menjadi pemimpin yang tidak gagal.

Berbeza dengan perjuangan politik Anwar Ibrahim, Tan Sri Dato' Muhammad Haji Mohd. Taib, Menteri Besar Selangor tidak banyak menghadapi kemelut di dalam politik. Kerenahnya di dalam politik hampir-hampir tidak diketahui orang. Sebelum beliau dilantik menjadi Menteri Besar Selangor pada 13 Ogos 1986 lalu menggantikan Datuk Haji Ahmad Razali, beliau bukanlah seorang Ahli Exco kerajaan Selangor. Kedudukannya sebagai ADUN Selangor sejak tahun 1982 adalah ahli biasa. Tetapi di dalam pilihanraya tahun 1986 lalu, beliau adalah salah seorang calon Barisan Nasional yang menang tak bertanding di kawasan Batang Kali.

Menjadi Menteri Besar Selangor adalah jawatan yang cukup mencabar. Selangor adalah salah sebuah negeri yang paling maju di Malaysia. Kedudukannya yang strategik, mengelilingi Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur di tengah-tengahnya, menyebabkan Selangor muncul sebagai sebuah negeri industri yang sibuk sekali. Sesiapa yang dipilih menjadi Menteri Besarnya, dia harus seorang berani, penuh visi dan misi. Datuk Harun Haji Idris yang pernah menjadi Menteri Besar sebelum Datuk Ahmad Razali telah membina asas yang kukuh bagi negeri Darul Ehsan ini.

Ketika mula memegang jawatannya sebagai Menteri Besar, Muhammad bin Mohd. Taib ketika itu (sekarang Tan Sri Dato'), telah meminta supaya kesemua Exco Kerajaan Negeri mengisyiharkan harta benda mereka. Kemudian beliau menggesa mereka supaya jangan melibatkan diri di dalam bidang perniagaan. Tujuannya adalah jelas supaya setiap wakil rakyat di negeri Selangor tidak terlibat di dalam rasuah dan mereka dihalang daripada mempunyai kepentingan di dalam sebarang perniagaan. Visi dan misi itu cukup baik untuk menunjukkan

kewibawaan dan akhlak yang mulia di kalangan wakil-wakil rakyat. Sejauh mana permintaan ini ditunaikan oleh wakil-wakil rakyat negeri Selangor, belum ada sesiapa yang cuba membuat penyelidikan mengenainya.

Semasa Tan Sri Dato' Muhammad menduduki kerusi Menteri Besar Selangor itu, keadaan ekonomi belum lagi pulih, sedangkan beberapa projek besar dan mewah telah terbantut dan ada yang belum terlaksana. Beliau mengambil tindakan drastik dengan menghentikan sementara projek-projek yang membebankan itu. Ini termasuklah pembinaan Menara Shah Alam dan Pusat Bandar dan pembinaan perkampungan sukan yang bernilai lebih daripada 500 juta ringgit. Bagaimanapun projek-projek yang dikira perlu dan wajar seperti pembinaan Masjid Besar Negeri, Perpustakaan Awam dan Muzim Negeri telah diteruskan pembinaannya. Sekarang kesemua projek yang ditangguhkan itu telah pun dilaksanakan, berkat pemulihan ekonomi dan hasil pampasan \$300 juta setahun daripada Kerajaan Pusat kerana mengambil Wilayah Persekutuan sebagai wilayah yang berasingan daripada negeri Selangor. Kini ibu negeri Selangor ialah Shah Alam, pusat bandar yang sedang berkembang maju.

Kemajuan pesat negeri Selangor berpunca daripada kecekapan dan usaha gigih daripada pelbagai sektor awam dan swasta yang dipimpin oleh Tan Sri Dato' Muhammad sendiri. Antara sektor-sektor yang canggih menjalankan usaha bagi memajukan negeri Selangor, termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Perangsang Selangor (KPS), State Secretary Incorporation (SSI), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) dan Yayasan Selangor.

Sektor yang paling nyata dapat kita lihat ialah sektor yang menjalankan pembangunan perumahan di seluruh negeri, iaitu PKNS. Sektor ini bersama-sama dengan syarikat-syarikat swasta yang lain telah membangunkan pelbagai projek perumahan yang bertaraf mewah, sederhana dan kos rendah. Di sekitar Petaling Jaya, Shah Alam, Kelang, Lembah Kelang, Kepong, Bangi dan daerah-daerah lain tumbuh pelbagai bentuk rumah di dalam pelbagai ciri budaya sehingga di kawasan Petaling Jaya dan Shah Alam umpamanya, pembangunan rumah menjadi 'hutan batu' yang menakjubkan. Sejak sepuluh tahun yang lalu ratusan ribu rumah pangsa, pangsapuri, banglo dan teres telah tumbuh bagai dedalu membanjiri kawasan-kawasan rumah haram di pinggir

pekan dan bandar mengubah corak kehidupan dan gaya hidup rakyat negeri Selangor.

Selain sektor perumahan, sektor pelaburan juga memainkan peranan yang penting di negeri Selangor. Kumpulan Perangsang Selangor misalnya, telah membuat pelaburan yang besar di dalam bidang perlombongan, perhotelan, pasaran harta tanah, pembinaan, perniagaan perkhidmatan, perkilangan dan pembuatan. Dua buah hotel yang terkenal di Kuala Lumpur, iaitu Holiday Inn On The Park dan Holiday Inn City Centre (contohnya) telah berjaya memperolehi pendapatan sebanyak \$26.9 juta pada tahun 1988 berbanding dengan pendapatan \$20.7 juta dalam tahun 1987.

Sekalipun tekanan ekonomi begitu merosot sebelum tahun 1988, namun berkat dedikasi pengurusan di bawah pentadbiran Tuan Haji Zabir Bajuri, Kumpulan Perangsang Selangor telah berjaya mengurangkan beban hutang sebanyak \$18.2 juta daripada hutang sebelumnya sebanyak \$39.3 juta, pada tahun 1988. Anak syarikatnya, Shah Alam Properties misalnya telah juga dapat memperbaiki pendapatan sebanyak \$17.7 juta dalam tahun 1988 berbanding dengan \$14.1 juta pada tahun sebelumnya.

Dalam usaha menarik pelaburan asing ke negeri Selangor, KPS dengan kerjasama SSI telah berjaya mengumpulkan sebahagian besar pelaburan asing melalui bidang pembuatan, perkilangan dan perusahaan dan sebagainya. Dalam konteks ini, peranan SSI ialah mewujudkan syarat-syarat perjanjian atau 'term of agreement' dengan pelbagai pihak di dalam sektor swasta bagi mengendalikan pelbagai projek yang bersifat usahasama. Dalam tahun 1988, dua buah syarikat usahasama dengan Taiwan telah berjaya diwujudkan.

Sementara itu, di dalam bidang pertanian yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS), pelbagai usaha pertanian dan ternakan telah dan sedang dijalankan. Antaranya termasuklah penanaman ladang kelapa sawit, kelapa dan tanaman-tanaman kontan yang lain, termasuklah penternakan ikan dan udang di air tawar dan ternakan arnab, rusa dan sebagainya. Semua projek pertanian dan penternakan ini bertujuan untuk meninggikan taraf hidup dan sosio-ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar.

Di dalam bidang pendidikan pula, kerajaan negeri, melalui Yayasan Selangor telah berjaya mengadakan pelbagai bantuan

dan kemudahan kepada hampir 1000 orang pelajar yang mempunyai prestasi terbaik di dalam bidang pelajaran mereka. Empat buah asrama Yayasan, tiga daripadanya di Kuala Lumpur dan sebuah yang lain di Kelang telah menampung keseluruhan pelajar ini dari tingkatan satu sehingga ke tingkatan lima. Yayasan Selangor juga mengadakan pelbagai rancangan, seperti Rancangan Khas Daerah, Program Bimbingan Pelajar, Kerjaya, Kem Masa Cuti, Tabung Pelajaran yang berbentuk Biasiswa, Pinjaman, Bantuan Khas Pelajar miskin, Dermasiswa, dan sebagainya.

Melalui lima sektor pembangunan yang disebutkan ini, kita dapat menarik kesimpulan bahawa kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan di bawah pentadbiran Tan Sri Dato' Muhammad Haji Mohd. Taib telah berjaya mencorakkan pembangunan negeri Selangor mengikut asas keperluan rakyatnya sendiri.

Akibat daripada pembangunan yang pesat ini, bayangan populariti Datuk Harun Haji Idris yang pernah berjaya menjadi Menteri Besar dulu mulai terhapus. Kemunculan Tan Sri Dato' Muhammad sebagai pentadbir yang berdisiplin dan berwibawa telah menyebabkan masalah politik dan masalah peribadinya sentiasa menjadi perhatian rakyat.

Ketika Dewan Undangan Negeri meluluskan Enakmen Undang-undang Pentadbiran Islam bagi negeri itu pada bulan Julai tahun lalu, kesemua lapan orang ADUN MCA yang pada mulanya menyokong Enakmen tersebut telah menarik balik sokongan mereka dan meletakkan jawatan beramai-ramai.

Perbuatan ini mengejut semua pihak, termasuk rakyat di negeri Selangor sendiri. Sebab sebenar yang menimbulkan isu 'sorong tarik' anggota MCA itu adalah berpunca daripada wujudnya satu *section* di dalam Enakmen itu yang bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Krisis di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor itu diramalkan menjadi isu yang besar, apalagi isu itu berhubungkait dengan isu agama Islam yang amat sensitif. Rakyat membuka mata mereka kepada Menteri Besar Selangor itu. Mereka ingin tahu sejauh mana kekuatan dan pengaruh Menteri Besar dalam usahanya menyelesaikan kes perselisihan keluarga di dalam komponen Barisan Nasional itu. Akhirnya, rakyat merasa lega. Dengan kebijaksanaan Muhammad Haji Mohd. Taib ini dan dengan nasihat Perdana Menteri, isu itu akhirnya selesai.

Kesemua anggota MCA di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor itu menarik balik surat perletakan jawatan mereka.

Tetapi tiba-tiba, seluruh rakyat negeri Selangor menjadi gempar. Seorang pemimpin negeri Selangor yang menjadi peneroka pembangunan sosio-ekonomi yang mengagumkan rakyat telah membuat honar di dalam Istana Sultan Selangor. Dia yang pada mulanya bertindak sebagai Hang Tuah menukar wajahnya menjadi Hang Jebat derhaka. Itulah kelakuan dan tindakan Muhammad, seorang Menteri Besar yang diberi kepercayaan oleh seorang Sultan tiba-tiba melarikan puteri Sultan sendiri dan berkahwin di negeri Thai mengikut konsep ‘kahwin lari’.

Peristiwa ini menimbulkan kemarahan raja. Dia dituduh seorang rakyat yang derhaka, tidak bijaksana menjaga maruah dan nama baik Istana dan nama Menteri Besar. Mengapa mesti kahwin lari? Mengapa Menteri Besar yang digelar Mike Tyson ini menjadi penakut memohon pekenan Rajanya sendiri untuk berkahwin dengan Tengku Zahariah?

Isu ‘kahwin lari’ Menteri Besar ini lagi sekali menarik perhatian rakyat, termasuk pemimpin-pemimpin politik dan wanita-wanita UMNO. Mereka bersetuju dengan perkahwinan tersebut, walaupun pada prinsipnya mereka tidak berkenan dengan tindakan melarikan puteri raja itu. Untuk meredakan suasana, Menteri Besar dengan rajanya itu, masing-masing telah menghilangkan diri di luar negeri mencari ilham dan petunjuk. Akhirnya dengan kuasa Allah Taala, Sultan Selangor telah mengumumkan bahawa Baginda telah perkenan mengampunkan perbuatan Menteri Besarnya itu. Pengampunan Sultan itu melegakan rakyat dan menggembirakan Menteri Besar Selangor itu sendiri walaupun menurut buku Yahaya Ismail isu perkahwinan itu merupakan skandal besar Menteri Besar Selangor. Dengan kejayaan isu peribadinya ini, beliau seolah-olah menjadi hero di dalam cerita Ahli Sihir atau Aladdin dengan lampu ajaibnya. Sekarang Tan Sri Dato’ Muhammad telah menjadi menantu raja, mengingatkan saya tentang cerita dan lagu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ‘Nujum Pak Belalang’ yang sangat menarik itu.

Tetapi dengan selesai isu Enakmen agama dan isu konsep ‘kahwin larinya’ itu, ini tidak bermakna bahawa Menteri Besar Selangor itu boleh bersenang lenang. Menjadi pemimpin kepada

hampir dua juta penduduk negeri Selangor bukanlah satu tugas yang mudah, apalagi dalam masa yang sama menjadi menantu raja dan menjadi keluarga Diraja yang amat elit itu.

Masalahnya bagi Tan Sri Dato' Mohammad Haji Mohd. Taib selepas ini ialah masalah prinsip dirinya sebagai Menteri Besar dengan sikap kefeudalan ayah mertuanya sebagai Raja Selangor. Sudah tentu dalam keadaan seperti ini "conflict of interests" tidak dapat dielakkan mesti berlaku. Muhammad Haji Mohd. Taib sebagai menantu, akan menjadi menantu derhaka, jika dia menolak sebarang permohonan seorang Sultan. Bagaimana jika sesuatu permohonan daripada Sultan itu bercanggah dengan kepentingan rakyat dan negara? Apakah sikap dan pendirian Tan Sri Dato' Muhammad di sini? Adakah beliau akan berlagak seperti Datuk Rahim Bakar ketika menjadi Menteri Besar Pahang dulu, sehingga akibat keengganannya meluluskan kehendak Sultan, banyak rancangan dan elau wakil rakyat tertangguh kerana Sultan enggan menurun tandatangan?

Persoalan ini saya kira menjadi suatu dilema kepada Menteri Besar Selangor itu. Dan dalam dilema seumpama ini, sedikit sebanyak boleh menjelaskan kewibawaannya sebagai Menteri Besar. Kenapa tidak? Sebagai Menteri Besar yang dedikasi, beliau boleh bertindak mengikut budi bicara dan prinsip seorang Menteri Besar, tetapi dia akan menjadi lebih sulit dan sukar jika terpaksa membuat sesuatu keputusan berasaskan seorang menantu raja, apalagi jika keputusan ini bercanggah dengan kepentingan rakyat dan negara.

Di sinilah kompleksiti yang sedang dan akan dihadapi oleh Menteri Besar Selangor itu apakala dia menjadi menantu Raja. Antara kepentingan rakyat dengan kepentingan keluarga, mana satu yang perlu dipilihnya! Sudah pasti beberapa keputusan yang akan diambilnya akan bersifat negatif atau positif relatif. Akan ke mana sudahnya?

Dalam menghadapi keadaan yang seperti ini, saya percaya, kedudukan Tan Sri Dato' Muhammad Haji Mohd. Taib tidak mungkin kekal lama sebagai Menteri Besar di negeri Selangor. Lambat laun beliau harus memikirkan kepentingan politik masa depannya sendiri. Jika dia kekal lama sebagai Menteri Besar, dia mungkin terdedah kepada pelbagai tuduhan, fitnah dan buruk sangka. Apa yang terjadi kepada Datuk Harun Idris dulu adalah suatu contoh yang boleh dijadikan iktibar.

Sebagai pemimpin yang penuh dedikasi, berwibawa, penuh visi dan misi, beliau harus dibawa ke pentadbiran pusat, menjadi Menteri yang bertaraf lebih besar dan luas tanggungjawab kepimpinannya. Dia mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang sama dengan Anwar Ibrahim, Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yasin dan Ramli Ngah Talib. Malah konsep ‘kahwin lari’ yang dilakukan oleh Muhammad Haji Mohd. Taib itu adalah konsep peniruan daripada Anwar Ibrahim sendiri.

Dalam kancang politik di Malaysia, negeri Johor Darul Takzim banyak melahirkan perjuang-perjuang nasionalisme dan tokoh-tokoh politik yang terkemuka. Sekadar menyebutkan beberapa nama, bermula daripada Dato’ Onn Jaafar, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn, Datuk Musa Hitam, Datuk Haji Othman Saat, Datuk Mohd. Rahmat. Negeri Johor yang asalnya bernama Hujung Tanah adalah salah sebuah negeri yang termaju di Malaysia.

Sebagai negeri di tebing di penghujung Benua Asia, negeri Johor yang mengadap pulau Singapura merupakan ‘pintu masuk’ orang-orang asing yang datang melalui Singapura. Tidak lama lagi jika rancangan projek Sistem Transit Laju (MRT) antara Singapura dan Johor Bahru dilancarkan dan pembangunan Segitiga Emas Malaysia, Singapura dan Indonesia dijalankan, negeri Johor akan muncul sebagai sebuah negeri yang paling maju di Malaysia. Di dalam bidang ekonomi, negeri Johor menghasilkan perusahaan nenas yang terbesar disamping getah, kelapa sawit dan kilang-kilang perusahaan dan pembuatan.

Dari segi politik, negeri Johor memancarkan pergolakan yang berbagai-bagai. Sejak Dato’ Onn, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein dan Datuk Musa Hitam, politik orang Johor seolah-olah politik orang-orang cepat merajuk, sedangkan nasionalisme Melayu pada umumnya terpancar daripada negeri itu sendiri. Keempat-empat nama tokoh yang tersebut di atas adalah antara tokoh penting di dalam politik nasional, tetapi mereka itu, seorang demi seorang mengundurkan diri kerana merajuk dan tidak berpuas hati di atas kepimpinan parti, kecuali Datuk Shahrir Abdul Samad yang bersikap ‘Si Bongkok Tanjung Puteri’ menentang konsep perjuangan presidennya sehingga sekalipun beliau berjaya, namun kejayaannya meletakkan dirinya sebagai ‘Si Bongkok’ yang tidak disukai orang.

Johor di bawah pentadbiran Menteri Besarnya selepas Datuk Ajib Ahmad bangun dengan bergaya sekali. Di bawah ketua

eksekutifnya, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, Johor bagi pertama kalinya mengadakan hubungan yang intim dengan kerajaan Singapura, terutamanya dari segi perniagaan, perdagangan dan perusahaan selepas Singapura berpisah dengan Malaysia dalam tahun 1965 dan selepas beliau dilantik Menteri Besar Johor.

Kini hubungan kerajaan Johor dengan Singapura begitu rapat sekali. Banyak pelaburan dari Singapura mengalir masuk ke Johor. Banyak rakyat Singapura berulang alik ke tambak Johor kerana nilai ringgit Malaysia jauh lebih murah daripada nilai ringgit Singapura. Tidak lama lagi sebuah tambak Johor lagi akan dibangunkan untuk menghubungi pulau Singapura seperti tambak Johor yang ada sekarang.

Seperti di Selangor, peranan Perbadanan Kemajuan Negeri Johor kelihatan pesat sekali. Projek perumahan tumbuh bagai cendawan di merata daerah dan kawasan pekan dan bandar. Di samping itu, pelbagai kilang perusahaan, kawasan ladang nenas dan kelapa sawit kelihatan tumbuh di merata-rata kawasan di negeri yang cukup luas itu. Pembangunan perniagaan yang berbentuk perhotelan, taman rekreasi, pelancongan dan sebagainya juga kelihatan berkembang amat pesat.

Salah satu projek yang dikira mencabar kemampuan dan kebolehan Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin selaku Menteri Besar Johor ialah projek pelancongan di atas sebidang tanah seluas 2000 ekar di kawasan Desaru. Projek ini yang menelan belanja kira-kira \$2.4 billion, apabila dapat disiapkan kelak merupakan kawasan pelancongan yang terbesar di Asia Pasifik. Menurut seorang pemerhati politik di negeri Johor, projek ini adalah 'saham' yang paling besar bagi Tan Sri Haji Muhyiddin. Jika dia gagal melaksanakan projek raksasa ini, masa depan politiknya mungkin terbantut.

Bagaimanapun pada pandangan saya, sama ada projek ini berjaya dilaksanakan atau tidak atau sama ada pelaksanaannya mencapai matlamat atau tidak, bukanlah penentu kepada kerjaya politik anak muda yang penuh sederhana itu. Pembantutan kerjaya politiknya tidak wajar dihubungkaitkan dengan projek itu. Banyak projek pembangunan yang lain yang berjaya dilaksanakannya. Tidak bermakna sesuatu projek itu gagal, maka projek yang lain menjadi gagal juga. Sebagai pemimpin muda yang berpotensi, penuh visi, misi dan daya kreatif, Muhyiddin

yang masih muda itu mempunyai masa depan yang cukup panjang untuk membentuk kerjaya politiknya menjadi ampuh, cekap dan bijaksana.

Setakat ini, beliau kelihatan berjaya meletakkan dirinya sebagai pemimpin muda yang boleh diterima oleh pelbagai pihak. Seperti yang kita lihat, politik Johor wujud di dalam pelbagai puak dan kem. Ada kem Datuk Musa dan Datuk Shahrir. Ada Kem Datuk Mohd. Rahmat dan ada kem Tun Hussein Onn sebelum beliau meninggal dulu. Tan Sri Haji Muhyiddin nampaknya tidak memihak ke mana-mana. Dia boleh dibawa berunding oleh pelbagai pihak. Dengan sebab itu, walaupun sesekali terdengar ombak politik bergolak dan berkocak air di dalam cawan kopi. Tan Sri Haji Muhyiddin dengan sifat tenangnya berjaya meredakan kocakan tersebut. Salah satu kejayaan besar yang dicapai oleh Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd Yasin di dalam kerjaya politiknya ialah menghasilkan beberapa keputusan yang konkrit melalui Perhimpunan Melayu Johor selepas UMNO lama diharamkan.

Di dalam Perhimpunan Melayu Johor yang dihadiri oleh nasionalis dan intelektual Melayu daripada pelbagai persatuan dan pertubuhan itu, salah satu keputusan telah dicapai ialah bahawa semua orang Melayu dibolehkan menyertai UMNO tanpa syarat. Sebelum itu, ada setengah-setengah orang Melayu, terutamanya mereka yang menentang penubuhan UMNO baru, tidak dibenarkan memasuki UMNO.

Bagaimanapun seperti kehidupan tidak selalunya indah, politik negeri Johor juga tidak selalunya tenang. Kalau dulu pergolakan politik di negeri itu berkisar antara UMNO, PAS, DAP dan PSRM saja, kini menjelang pilihanraya yang akan datang, UMNO yang dipimpin oleh Tan Sri Haji Muhyiddin akan berdepan dengan barisan pembangkang yang lebih bersatu. Semangat 46 di negeri Johor yang dipimpin oleh veteran UMNO lama, Tan Sri Othman Saat dijangka akan memilih calon-calon yang terbaik untuk menentang Barisan Nasional. Inilah cabaran besar yang akan dihadapi oleh Menteri Besar itu. Tetapi saya percaya, tanpa penglibatan dan pengaruh Datuk Musa yang luas di Johor, Parlimen Johor dan kerusi Dewan Undangan Negeri Johor amat payah dirampas oleh pihak pembangkang, malah kerusi DAP yang dipegang oleh S.K. Song di kawasan Maharani itu pun, silap-silap langkah akan kembali ke pangkuhan Barisan Nasional.

Cabaran ini dan kejayaan ini pada hakikatnya adalah atas kepimpinan politik Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yasin yang penuh sederhana dan bersikap diplomasi itu. Prinsip ini akan memberikannya peluang untuk muncul sebagai pemimpin pelapis yang progresif menjelang abad ke-21 ini. Soalnya, beliau janganlah menjadi seperti Datuk Onn Jaafar, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn dan Datuk Musa Hitam yang cepat merajuk dan patah hati.

Masa depan beliau masih panjang. Beliau boleh menjadi Dato' Onn, Tun Dr. Ismail, Datuk Musa Hitam dan lain-lain pemimpin yang berpotensi asalkan beliau boleh menghapuskan sifat-sifat negatif seperti cepat merajuk dan patah hati yang menjadi ciri-ciri kelemahan kepimpinan politik orang-orang melayu Johor itu.

KONFLIK KEPIMPINAN DALAM MCA*

Menjelang pilihanraya umum ini, selewat-lewatnya sebelum berakhirnya tahun 1990, tiga buah parti politik terbesar di dalam komponen Barisan Nasional akan mengadakan mesyuarat agung mereka masing-masing. Mesyuarat Agung MCA akan diadakan pada 28 dan 29 Julai 1990, sementara Mesyuarat Agung UMNO akan diadakan pada bulan Oktober atau penghujung tahun ini, dan Mesyuarat Agung MIC sepatutnya akan diadakan pada tahun depan, tetapi atas sebab undang-undang dan perlembagaan parti, MIC perlu mengadakan mesyuarat agungnya pada tahun ini juga.

Seperkara yang menarik di dalam mesyuarat agung ketiga-tiga parti komponen Barisan Nasional itu ialah bahawa di dalam mesyuarat ini, ketiga-tiga parti politik itu akan menentukan pemilihan presiden parti. Sama ada Dr. Mahathir akan kekal sebagai Presiden UMNO, sama ada Dato' Dr. Sri Ling Liong Sik akan kekal sebagai Presiden MCA dan sama ada Dato' Sri Samy Vellu akan kekal sebagai Presiden MIC, bergantunglah kepada perwakilan yang akan memilihnya.

Di dalam hubungan ini, kepresidenan parti UMNO dan MIC mungkin kurang menimbulkan masalah, terutamanya pemilihan

bagi Presiden UMNO. Setakat ini tidak ada calon yang akan menentang Dr. Mahathir, kecuali jawatan Presiden MIC mungkin ditentang oleh Timbalan Presidennya S. Subramaniam.

Tetapi di dalam kepimpinan politik MCA, penentangan terhadap presidennya mulai kelihatan. Malah konflik kepimpinan di dalam parti Cina itu mulai menjadi isu besar sejak akhir-akhir ini. Saya menjadi amat payah untuk memahami pergolakan politik di dalam MCA ini, kerana setiap setahun atau dua tahun sekali, parti Cina ini sentiasa saja menghadapi pergolakan.

Dalam sejarah penubuhan parti MCA sejak tahun 1948, parti itu seperti juga parti UMNO, sentiasa saja menghadapi pergolakan dan konflik di dalam parti. Semasa parti itu di bawah kepimpinan Dr. Lim Chong Eu dalam tahun 1959 dulu, parti itu berselisih faham dengan Tunku Abdul Rahman sehingga Dr. Lim terpaksa meletakkan jawatan. Selepas Dr. Lim meletakkan jawatan, muncul pula mendiang Tun Tan Siew Sin yang amat *tolerate*, tetapi atas sebab-sebab tertentu seperti penubuhan Universiti Merdeka umpamanya, telah mengundurkan diri di dalam parti itu mulai tahun 1974. Tan Sri Lee San Choon juga, walaupun MCA di bawah kepimpinannya begitu baik, namun atas beberapa sebab tertentu, beliau juga telah meletakkan jawatan dan dipangku oleh Dato' Dr. Neo Yee Pan. Oleh kerana Dr. Neo Yee Pan juga melakukan kesilapan, kepimpinan beliau telah dicabar oleh jutawan muda Tan Koon Swan. Malangnya bagi jutawan muda itu selepas saja pilihanraya tahun 1986 lalu, beliau juga terpaksa meletakkan jawatan kerana skandal kewangan Pan Electric Industries Ltd. di Singapura, Pan-El, Multi-purpose dan sebagainya, sehingga beliau terpaksa merengkuk di dalam penjara.

Sekarang ketika Dato' Sri Dr. Ling Liang Sik memegang jawatan presiden selepas Tan Koon Swan meletakkan jawatan, persoalan kepimpinannya mulai dipertikaikan semula, terutamanya oleh setiausaha Agung MCA sendiri Encik Ng Cheng Kiat dan beberapa orang menteri dan timbalan menteri di dalam MCA. Di dalam satu persidangan akhbar, Naib Presiden parti itu, Encik Woon See Chin bersama dengan Setiausaha Agung Pemuda MCA, Dato' Ng Cheng Kuai, Timbalan Speaker Dewan Rakyat Encik Ong Tee Kiat (Wakil Rakyat Ampang Jaya) dan Ahli Parlimen Padang Serai Encik Chew Kam Hoi telah menyemarakkan lagi krisis itu dengan menjelaskan bahawa

pihaknya amat kecewa tentang sikap autokratik kepimpinan Dato' Sri Ling Liong Sik dalam menyelesaikan isu-isu utama di dalam MCA.

Mereka mengharapkan Timbalan Presiden parti Dato' Lee Kim Sai yang pada 16 Mei lalu menyatakan sikap tidak akan menentang kepimpinan parti, bertanding semula menentang Presiden Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik. Mereka akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Dato' Lee bagi mengembalikan semula apa yang dikatakan konsep kepimpinan kolektif di dalam MCA yang sekarang dikatakan telah terancam. Sebelum itu, Naib Presiden parti, Dato' Kok Wee Kiat mengumumkan bahawa beliau akan mencabar Dato' Dr. Ling bagi merebut jawatan itu tetapi kemudiannya menyokong Datuk Lee Kim Sai untuk menjadi presiden dan enggan menjadi orang tengah bagi menyelesaikan konflik itu walaupun diminta setengah-tengah orang.

Di dalam persidangan akhbar itu keempat-empat pemimpin muda MCA itu tidak menjelaskan punca sebenar mengapa Dato' Sri Dr. Ling harus ditentang, tetapi mengikut apa yang saya fahamkan, kemungkinan besar pertentangan itu wujud kerana tindakan-tindakan Dato' Dr. Ling sendiri berhubung dengan kes pengambilan alihan Multi Purpose Holding (MPHB) oleh Kamunting Corporation Bhd., isu KSM perlantikan Senator David Yeoh, penarikan balik perletakan jawatan lapan orang ADUN MCA Selangor berhubung dengan isu Enakmen Undang-undang Islam, penjualan Saham Syarikat akhbar Star Publication dan isu-isu lain yang menurut penentang-penentang Dato' Sri Dr. Ling, beliau (Dato' Sri Dr. Ling) bertindak sebagai diktator dan bersikap *selfish*.

Bagaimanapun di dalam menghadapi penentangan ini, tidak semua ahli MCA menyokong tindakan kumpulan penentang Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik itu. Sehingga buku ini saya tulis, MCA negeri Pulau Pinang, negeri Perak, negeri Pahang, Melaka, Kelantan dan negeri Kedah telah menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Dato' Dr. Ling, tetapi MCA negeri Selangor menyokong pencalonan Dato' Lee Kim Sai sebagai presiden. Dalam pada itu, 15 daripada 17 orang Senator MCA dari seluruh negara, termasuk Wanita MCA Pusat telah mengisyiharkan sokongan penuh kepada Dato' Dr. Ling sambil menyeru anggota-anggota parti menghentikan segala kritikan kepada pucuk

pimpinan parti bagi mengelakkan perpecahan parti menjelangnya pilihanraya yang akan datang.

Adalah dijangka menjelang tempoh penamaan calon pada 23 Julai 1990, lebih ramai anggota MCA dari seluruh negara akan mengeluarkan kenyataan mereka masing-masing, sama ada menyokong atau menentang pucuk pimpinan MCA itu.

Melihat dan meneliti perkembangan ini, saya berpendapat bahawa konflik yang bergolak di dalam parti MCA ini, bukanlah perkara baru. Konflik seumpama ini sering tercusus di kalangan kepimpinan MCA, terutamanya apabila timbul sesuatu isu nasional atau isu-isu yang melibatkan perkara-perkara perkauman yang lebih sensitif. Tiga empat tahun lalu, ketika isu 'ketuanan Melayu' di negeri ini ditimbulkan, Dato' Lee Kim Sai muncul sebagai juara orang-orang Cina, sehingga akhirnya, atas desakan masyarakat Melayu, gelaran Dato' yang diterimanya daripada Sultan Selangor ditarik balik. Isu itu kemudiannya lenyap apabila Encik Ghafar Baba mengeluarkan kenyataan bahawa 'tidak ada imigran di negara ini'. Kenyataan Encik Ghafar itu lebih bersifat kenyataan politik, kerana dari segi sejarah asal usul penduduk di negara ini, Melayu adalah penduduk asal negara. Kaum-kaum yang lain adalah tetap imigran.

Selepas isu itu lenyap, timbul pula isu Enakmen Undang-undang Islam di negeri Selangor yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada bulan Julai 1989 lalu. Lapan orang anggota MCA negeri Selangor yang sebelum itu menyokong usul tersebut, telah meletakkan jawatan. Tetapi atas arahan presiden parti, mereka kemudiannya menarik balik perletakan jawatan tersebut. Inilah salah satu isu yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penentang-penentang Dato' Sri Dr. Ling Liang Sik itu.

Sekarang menjelang pilihanraya, kepimpinan presiden parti dipertikaikan pula. Golongan penentang Dato' Dr. Ling berpendapat, kewibawaan beliau sebagai pemimpin MCA tidak lagi sebaik dulu. Beliau lebih mementingkan kepentingan peribadi daripada mempertahankan sikap dan kepentingan orang-orang Cina.

Sikap dan fahaman 'chauvinism' yang dulunya amat kuat dipegang oleh Dato' Lee Kim Sai, kini telah diturunkan pula kepada Dato' Kok Wee Kiat, Encik Ng Cheng Kiat, Encik Woon See Chin, Encik Ong Tee Keat dan kebanyakan anggota MCA di

negeri Selangor di bawah kepimpinan Dato' Lee Kim Sai sendiri. Dato' Lee ialah Pengurus MCA negeri Selangor.

Sikap ini, dilihat daripada segi perpaduan nasional, tidaklah menguntungkan MCA sendiri dan Barisan Nasional seluruhnya. Dengan wujudnya sikap nasionalisme suku kaum yang sempit ini, orang boleh membuat anggapan bahawa MCA mula menunjukkan perangai dan belangnya, dan besar kemungkinan 'ada udang di sebalik batu' pula di atas konflik kepimpinan yang sengaja dicetuskan menjelang pilihanraya ini.

Sebenarnya dalam perjuangan politik, terutamanya perjuangan berpolitik di Malaysia di mana rakyatnya terdiri daripada tiga kaum terbesar, haluan perjuangan yang bercorak nasionalisme yang berteraskan kaum atau ras bagi suku-suku kaum tertentu memang agak sulit dan payah. Seseorang yang ingin menjadi 'juara' di dalam perjuangan politik suku kaumnya tanpa menimbang kepada keperluan dan kedudukan suku kaum yang lain, hanya boleh kekal menjadi 'juara' politik bagi suku kaumnya sendiri saja. Ia tidak dapat keluar daripada tembok nasionalismenya yang lebih luas dan terbuka.

Dato' Lee Kim Sai dulunya juga cuba menjadi juara kepentingan bagi orang-orang Cina, tetapi apabila gelaran Dato'nya ditarik balik oleh Sultan Selangor, suaranya menjadi lembut dan sempit. Begitu juga dengan Anwar Ibrahim. Dulunya, ketika di dalam ABIM, beliau begitu kuat memperjuangkan Melayu Islam, tetapi apakah beliau berada di dalam parti pemerintah, suaranya menjadi lemah dan lembut sekali.

Kontradikasi yang serupa ini tidak dapat dielakkan. Seseorang yang mahu menjadi pemimpin di peringkat nasional, baik pemimpin MCA, MIC atau pemimpin UMNO, sikap 'chauvinistic' yang lebih daripada hadnya, hanya akan meletakkan dirinya di dalam keadaan yang serba salah. Apa yang menjadi 'serba salah' kepada Dato' Lee Kim Sai sekarang adalah berpunca daripada fenomena ini. Ia menjadi serba salah kerana adakah beliau harus selamanya tunduk kepada tuntutan perjuangan suku kaumnya sendiri atau ia perlu memikul tanggungjawab yang lebih luas bagi kepentingan nasional yang lebih besar. Nampaknya beliau telah memilih untuk membela kepentingan sebahagian daripada penentang presiden parti. Tindakannya ini mungkin terburu-buru dan kesannya amat besar kepada masa depan politiknya sendiri jika beliau kalah dalam

pertandingan ini. Bagi golongan penentang presiden parti, mereka adalah golongan pendesak yang hanya mahukan konsep 'kepimpinan kolektif' dikekalkan di dalam MCA dan menolak konsep 'autokratik dan diktator' yang dikatakan diamalkan oleh Presiden MCA - suatu tuduhan yang sama, yang sering dituduh oleh PAS dan Semangat 46 terhadap kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Golongan ini sekalipun kecil dan tidak bertahan lama, namun 'ambition' yang diperlukan oleh mereka, sedikit sebanyaknya, mengingatkan pemimpin mereka supaya jangan lupa kepada kepentingan kaum mereka sendiri. Ini dikira amat penting walaupun pada akhirnya mereka mendapat bahawa setiap orang, setiap suku kaum yang mendiami di negeri ini, tidak boleh tidak, terpaksa mengorbankan kepentingan dan nilai di dalam suku kaum mereka sendiri demi membentuk peradaban nasionalnya yang lebih luas dan besar. Orang Melayu telah banyak mengorbankan kepentingan dan nilai bangsanya bagi mencapai objektiviti nasional ini. Orang Cina dan India juga, harus memberikan pengorbanan yang sama, jika mereka mahu melihat intergrasi nasional dapat terus dikekalkan.

Dalam hubungan ini, satu perkara yang perlu diingatkan kepada penentang-penentang Dato' Sri Ling Liong Sik ini, ialah bahawa parti MCA sebenarnya, dalam erti yang lebih luas, bukanlah sebuah parti politik yang dianggap mewakili masyarakat Cina di Malaysia.

Di dalam pilihanraya umum yang lalu, pengundi-pengundi Cina yang memberi undi kepada calon-calon MCA hanyalah kira-kira 589 289 orang saja atau kira-kira 12.42% saja daripada jumlah pengundi. Sedangkan jumlah pengundi Cina yang memberi undi kepada calon-calon DAP pula ialah sebanyak 968 009 orang atau kira-kira 15.15% daripada jumlah pengundi. Sementara itu, wakil MCA di dalam Parlimen hanyalah sebanyak 17 orang saja berbanding dengan wakil DAP sebanyak 24 orang.

Ini bermakna perjuangan bagi survival masyarakat Cina di Malaysia bukanlah di bawah kekuasaan MCA, tetapi di bawah kekuasaan DAP. Oleh yang demikian, jikalau mereka berpendapat bahawa jika kepimpinan Dato' Dr. Sri Ling tidak membawa keuntungan kepada MCA, mereka tidak perlu menentang presiden itu, kerana tradisi perjuangan MCA di dalam politik di Malaysia, sama juga dengan perjuangan UMNO, harus sederhana, *tolerate* dan kesepakatan. Apa yang boleh mereka

buat, jika mereka tidak bersetuju dengan kepimpinan parti, mereka boleh meletakkan jawatan dan memasuki parti lain seperti DAP umpamanya. Di dalam DAP, perjuangan yang cuba hendak dicetuskan oleh mereka itu, barangkali boleh diteruskan. Mana tahu selepas ketiadaan Lim Kit Siang dan Karpal Singh nanti, mereka akan menjadi juara DAP pula.

Apa yang penting bagi MCA sekarang, bukanlah soal kepimpinan parti. Dato' Dr. Sri Ling telah memperbuat apa yang patut untuk MCA di bawah pimpinannya. Demi kepentingan nasional dan intergrasi antara kaum, beliau tidak boleh berbuat lebih daripada itu. Terserahlah kepada kira-kira 1 681 orang perwakilan MCA yang akan bersidang pada 28 dan 29 Julai 1990 untuk menilai dan menentukan buruk baiknya.

Apa pun yang diputuskan, keperluan MCA sekarang ialah meningkatkan kembali keupayaan partinya bagi menghadapi pilihanraya. Segala usaha hendaklah dibuat bagi memastikan setiap calonnya tidak akan kalah lagi di dalam pilihanraya ini. Untuk memastikan pencapaian ini, masalah remeh temeh di dalam kepimpinan parti hendaklah ditangguhkan dulu, kerana jika perkara ini dibesar-besarkan, musuh mereka seperti parti DAP sentiasa saja menganggakan mulutnya untuk menelan calon MCA seorang demi seorang. Kenapa tidak? Kekalahan besar MCA di dalam pilihanraya yang lalu akan berulang lagi jika kepimpinan MCA tidak mahu belajar daripada pengalaman masa lampau.

Persetujuan Datuk Lee Kim Sai untuk bertanding merebutkan jawatan presiden nampaknya lebih banyak didorong oleh keinginan untuk berkuasa dan ini berlawanan dengan semangat tolak ansurnya yang dibuat pada 16 Mei lalu yang menyatakan sikap tidak akan menentang kepimpinan parti.

Tindakan beliau menolak tawaran salah seorang Naib Presiden parti Dato' Lim Ah Lek untuk menjadi 'orang tengah' di dalam konflik tersebut sambil berkata, 'pada pandangan saya, kita perlu mengkaji satu pilihan lain dan sebab itulah saya menawarkan diri saya sebagai calon bagi jawatan presiden' adalah satu kenyataan yang seolah-olah kemenangan sudah di tangannya. Beliau seakan-akan lupa bahawa kebanyakan MCA di negeri-negeri yang lain selain Selangor, adalah penyokong Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik sendiri.

Saya semacam mempunyai firasat bahawa tentangan terhadap kepimpinan Dato' Sri Dr. Ling itu amat sukar mencapai kejayaan.

Ini samalah seperti apa yang terjadi di dalam kepimpinan UMNO tahun 1987 lalu, ketika Tengku Razaleigh Hamzah cuba menentang kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Apa yang terjadi kemudiannya ialah Tengku Razaleigh telah keluar daripada UMNO dan menubuhkan parti baru. Adakah jika Dato' Lee kalah nanti, beliau juga akan mengikut jejak Tengku Razaleigh?

Saya tidak peduli sama ada Dato' Lee akan menubuhkan parti baru atau tidak jika dia kalah, tetapi perebutan kerusi presiden serupa itu menunjukkan wujudnya keinginan untuk merebut jawatan di dalam saat-saat Barisan Nasional memerlukan sokongan masyarakat Cina kepada MCA. Kemungkinan dengan adanya konflik kepimpinan di dalam parti politik itu, masyarakat Cina akan memberikan sokongan kepada parti politik yang lain. Ini akan merugikan MCA sendiri, seperti juga kerugian yang akan diterima oleh UMNO selepas Semangat 46 ditubuhkan.

* Bab ini ditulis sebelum Dato' Lee Kim Sai menarik balik keputusannya merebut jawatan Presiden MCA pada 17 Julai 1990 lalu. Bab ini sengaja disiarkan untuk memperlihatkan sikap dan pandangan penulis terhadap konflik kepimpinan di dalam MCA itu. - Penerbit.

DATUK MUSA BERSARA DARIPADA POLITIK?

Saya bersetuju dengan setengah-setengah anggapan bahawa krisis personaliti dalam UMNO dan krisis pengharaman UMNO lama dan munculnya UMNO baru dan Semangat 46 sebahagian besarnya adalah berpunca daripada tindakan perletakan jawatan Datuk Musa Hitam. Saya tidak akan berkata bahawa tindakan dan tingkah lakunya itu sebagai buruk, menimbulkan ketegangan politik dan merosakkan perpaduan UMNO, tetapi tindakan-tindakan politik seseorang yang berpengaruh boleh mencetuskan suasana keresahan, kelam-kabut, drama dan tragedi bukan saja di dalam UMNO itu sendiri tetapi juga di dalam kehidupan sosial, ekonomi, kebudayaan dan malah di dalam suasana politik itu sendiri.

Datuk Musa Hitam telah meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dalam bulan Mac 1986 lalu, lima bulan sebelum pilihanraya umum diadakan dan setahun lima bulan sebelum Perhimpunan Agung UMNO 1987 diadakan. Perletakan jawatannya itu dianggap mengejut dan tidak munasabah, meletakkan imej politik Datuk Musa berada di dalam keadaan yang buruk. Bagi pemerhati-pemerhati politik tanahair, kelakuan dan tindakannya itu mencerminkan keputusan dan kekecewaan seorang ahli politik

yang gagal dalam cabaran dan kerjaya politiknya.

Kekecewaan pemimpin politik di dalam kerjaya politik mereka, terutamanya pemimpin-pemimpin politik di negeri Johor bukanlah perkara baru. Sejarah pertubuhan UMNO menunjukkan sekurang-kurangnya ada lima orang pemimpin UMNO dari negeri Johor yang merajuk, kecewa dan putus asa di dalam UMNO lalu meletakkan jawatan mereka. Pertama, Datuk Onn Jaafar, kedua Tun Dr. Ismail, ketiga Tun Hussein Onn, keempat Datuk Shahrir dan kelima Datuk Musa Hitam. Tidaklah jelas sama ada sifat-sifat kekecewaan ini adalah budaya hidup kepimpinan politik di negeri Johor, tidaklah saya tahu, tetapi melihat rentetan sejarah yang menjadi fakta, anggapan-anggapan itu sukar dielakkan.

Bagaimanapun konswekuensi daripada sifat-sifat kekecewaan ini tidaklah bermakna bahawa kepimpinan politik mereka telah ditolak oleh ahli-ahli UMNO. Tidak ada seorang pun daripada mereka yang diminta berhenti atau dipecat. Malah mereka sendiri yang meletakkan jawatan atau mengundurkan diri.

Di dalam hubungan ini perletakan jawatan Datuk Musa agak unik dan luar biasa. Dia bukan saja merajuk, merasa dirinya disisihkan oleh Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri dan Presiden UMNO, tetapi juga di dalam suasannya yang begitu, dia mencetuskan suatu suasana yang kelam-kabut di dalam pergolakan politik tanahair sehingga akibat daripada kelakuan dan tindakannya itu, UMNO lama telah terharam oleh mahkamah, wujudnya perpecahan di dalam parti UMNO dan keluarlah serpihan parti, yang mewujudkan Semangat 46.

Analisis yang singkat ini memberi gambaran kepada kita seseorang pemimpin yang sekalipun mempunyai potensi dan berkarisma di dalam kepimpinannya, namun jika dia menunjukkan kelakuan yang luar biasa dan mengambil tindakan-tindakan yang provokatif, bertentangan dengan etika kepimpinan dan berlawanan dengan disiplin kepimpinan organisasi parti, maka jika dia tidak jatuh dia akan dijatuhkan; jika dia tidak mengundur diri dia akan ditendang keluar. Datuk Musa memilih jalan terhormat melalui proses perletakan jawatan.

Sekarang sekalipun Datuk Musa kembali di dalam UMNO dan kini menjadi wakil khas Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu di New York, namun kesan dan akibat yang ditinggalkannya begitu besar kepada UMNO dan kepada perpaduan Melayu, malah

memulihkan imej kerjaya politiknya yang tercemar itu bukanlah satu kerja yang mudah. Perbicaraan tuntutan malu Datuk Musa terhadap penulis buku 'Challenger' karya Syed Hussein Al-Attas sedikit sebanyak memberikan kesan kepada arah dan haluan politiknya pada masa depan jika beliau masih berminat bermain politik lagi.

Seperkara lagi yang menimbulkan kesannya akibat daripada perletakan jawatan Datuk Musa Hitam itu ialah kedudukan aktivis-aktivis politik yang menjadi penyokongnya dan mereka yang bergantung 'rezeki politik' daripadanya. Penyokong-penyokong kuatnya seperti Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Shahrir Abdul Samad, Taufik Tun Ismail, Adam Hamid dan malah Encik Ghafar Baba dan Datuk Seri Sanusi Junid sendiri juga akan merasa kesan dan bahananya akibat kelakuan dan tingkah laku Datuk Musa itu.

Kemunculan semula Datuk Musa di dalam kepimpinan UMNO memang dialu-alukan oleh aktivis-aktivis politik seperti nama-nama yang saya sebutkan tadi. Kesediaannya untuk bertanding sebagai Naib Presiden UMNO memungkinkan beliau untuk menapak kembali ke atas, selepas Dr. Mahathir Mohamad dan ini akan memberikan harapan yang cerah kepada Datuk Abdullah Badawi kembali untuk muncul semula selepas disingkirkan oleh Dr. Mahathir.

Bagaimanapun tidak semua orang mengalu-alukan kehadiran semula Datuk Musa di dalam politik. Di dalam UMNO ada pelbagai kem dan golongan. Kem Datuk Musa tentulah gembira dengan kembalinya beliau di dalam parti, tetapi kem Anwar Ibrahim bersama dengan beberapa orang Menteri Besar daripada golongan muda yang lain, tentulah tidak menyenangi kembalinya Datuk Musa itu. Kepulangannya boleh mencabar kedudukan dan masa depan golongan Anwar ini.

Tetapi ini hanyalah satu andaian. Bukanlah mudah Datuk Musa mengubati luka yang ditinggalkannya kepada UMNO. Luka yang ditinggalkannya amat parah. Busungnya amat buruk dan busuk sekali, tak terhidu oleh ahli-ahli UMNO baru seluruhnya.

Baru-baru ini seorang orang kuat UMNO negeri Johor yang boleh dipercayai telah memberitahu saya bahawa Datuk Musa Hitam telah menghubunginya dan menyatakan pendiriannya bahawa beliau (Datuk Musa) tidak berhasrat lagi untuk bertanding

sebarang jawatan di dalam UMNO. Dia tidak berhasrat lagi untuk bertanding sebagai Naib Presiden UMNO menjelang perhimpunan Agung UMNO ini nanti. Malah jika mungkin beliau juga tidak bersedia untuk bertanding lagi sebagai Wakil Rakyat kawasannya di Kota Tinggi.

Sejauh mana benarnya berita ini masih menjadi tandatanya saya. Ketika buku ini sedang saya kerjakan, belum ada berita yang tersiar di dalam mana-mana media cetak atau media elektronik. Saya sendiri meminta orang kuat UMNO Johor itu supaya, jika boleh, jangan menghebahkan lagi berita ‘persaraan’ Datuk Musa itu ke dalam media massa sehingga buku ini diterbitkan.

Pengumuman persaraan Datuk Musa itu, saya anggap masih merupakan satu hasrat. Bukan keputusan muktamad lagi. Saya katakan keputusan itu masih merupakan ‘hasrat’ ialah kerana dalam beberapa hal, tindakan dan keputusan Datuk Musa itu, seringkali tidak muktamad. Jika ada sebarang tuntutan atau desakan dibuat bagi menimbangkan kembali tindakan dan keputusannya itu, beliau akan mengubahnya kembali fikirannya. Contohnya keputusan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO, ketika beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dulu, telah ditarik balik selepas dipujuk oleh misi damai 4MB yang menemuinya di London ketika itu.

Daripada satu segi, kesediaan Datuk Musa menarik balik perletakan jawatannya sebagai Timbalan Presiden pada masa itu memanglah wajar. Sekurang-kurang ia boleh mengendurkan suasana politik di dalam politik UMNO dan kerajaan. Tetapi dilihat daripada sudut prinsip kepimpinan seorang pemimpin, sebarang keputusan yang dibuat dan dijalankan mestilah tepat, betul dan tidak berubah-ubah mengikut perubahan angin. Tindakan dan keputusan seorang pemimpin mestilah tegas dan tepat jika dia mahu dihormati orang. Dia tidak mudah dimakan pujuk rayu, kerana sebarang keputusan yang dibuat dan diambilnya itu telah pun dikaji buruk baiknya, ditimbang masak-masak dengan dan penuh kematangan. Datuk Musa sendiri, ketika mengumumkan perletakan jawatannya itu telah juga menyebutkan keputusannya itu sebagai muktamad. Jadi tidak timbul soal pujuk rayu lagi. Inilah prinsip perjuangan seorang pejuang politik yang berhemah tinggi dan bermaruah. Tetapi apakah beliau menerima pujuk rayu 4MB itu, ia membawa makna

prinsip perjuangan Datuk Musa begitu goyah dan tidak tegas. Seorang pemimpin yang goyah dan tidak tegas, dia mudah terdedah kepada konflik personalitinya sendiri.

Berasaskan segi ini, kesediaan Datuk Musa untuk bersara daripada politik sebagaimana yang diberitahunya kepada seorang pemimpin UMNO negeri Johor itu, mestilah satu keputusan yang betul, tegas dan muktamad. Keputusan itu tentulah dibuat berdasarkan kajian, penelitian dan pertimbangan yang matang dan penuh tanggungjawab, bukannya acah-acahan atau main-mainan politik semata-mata.

Saya percaya bahawa keputusan Datuk Musa bersara dari politik tanahair adalah suatu tindakan yang mengecewakan rakyat negeri Johor dan penyokong-penyokong UMNO yang lain. Ramai orang bersetuju bahawa cara dan stil kepimpinan politik Datuk Musa cukup menarik dan mempersonakan ahli-ahli politik. Sikapnya yang lembut dan sederhana, hujah-hujahnya yang bernes, cetusan-cetusan ideanya yang dinamik dan progresif banyak mempengaruhi sikap dan gaya politik di Malaysia.

Sudah pasti kehilangan Datuk Musa di dalam politik di Malaysia memberi kesan dan implikasi yang luas kepada pergolakan politik UMNO, terutamanya apabila bercakap tentang kepimpinan alternatif selepas Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba. Selama ini orang sering meramalkan bahawa walaupun Datuk Musa tidak berada di dalam kabinet dan Majlis Tertinggi UMNO, namun kebolehan dan kelayakannya memberi jalan yang mudah kepadanya untuk melonjak ke atas, apalagi kedudukannya sebagai pemimpin nombor dua di dalam politik dan kerajaan sudah pernah disandangnya.

Masalah yang sering diperkatakan, jikalau Datuk Musa kembali aktif di dalam UMNO ialah masalah hierarki kepimpinan di dalam politik UMNO. Seperti yang diketahui umum, UMNO mempunyai dua kem yang berbeza. Kem Datuk Musa dikira mulai terhapus apabila beliau kalah di dalam pertandingan mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden di tangan Encik Ghafar Baba pada tahun 1987 dan kemudiannya di dalam UMNO baru.

Sekalipun kem Datuk Musa telah terhapus, namun pengaruh dan bayangan Datuk Musa masih tetap ada di dalam parti itu. Orang sering meramalkan bahawa pada bila-bila masa sahaja Datuk Musa mungkin kembali memimpin UMNO. Penyokong-

penyokongnya masih ada lagi dan mereka menunggu masa saja untuk mendesaknya kembali di dalam UMNO.

Fenomena ini ada sebabnya. Sekalipun kepimpinan nombor dua di dalam politik UMNO sudah ada Ghafar Baba, namun pemikiran, gagasan dan idea Dr. Mahathir sangat jauh dinamikanya berbanding dengan pemikiran, gagasan dan idea Ghafar Baba sendiri. Mahathir telah membawa Malaysia jauh ke depan, ke dunia internasional yang lebih sofistikated. Jikalau Mahathir meninggalkan UMNO dan menjadi Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu,umpamanya, Ghafar Baba sebagai pemimpin alternatif dirasakan tidak berupaya meneruskan pemodenan pemikiran yang ditinggalkan oleh Mahathir itu.

Ini tidak bermakna saya tidak bersetuju Ghafar Baba menjadi Perdana Menteri selepas Mahathir. Sesiapa pun boleh menjadi Perdana Menteri termasuk Tengku Razaleigh Hamzah, Lim Kit Siang atau Ustaz Fadzil Noor, jika parti pembangkang menang di dalam pilihanraya. Apa yang cuba hendak saya kemukakan ialah kesinambungan politik yang ditinggalkan oleh Mahathir itu hendaklah diterus ke depan dan bukannya kembali ke belakang. Bagi mencapai objektif ini, Datuk Musa dikira layak dan berkebolehan untuk meneruskan kesinambungan yang ditinggalkan oleh Mahathir Mohamad itu. Bukannya Ghafar Baba. Ini adalah realiti dan saya tidak bermaksud untuk memperkecilkkan sesiapa.

Dulu orang meramalkan bahawa pemimpin nombor dua ialah Datuk Musa Hitam sendiri. Selepas itu ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi. Encik Ghafar Baba tidak ada di dalam senarai kepimpinan politik UMNO. Tetapi selepas Datuk Musa keluar daripada kabinet dan gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden Parti, Encik Ghafar Baba muncul secara mendadak, terutamanya selepas Datuk Abdullah disingkirkan daripada kabinet Dr. Mahathir. Encik Ghafar tiba-tiba saja menjadi tokoh penting di dalam parti selepas mengundurkan diri ketika UMNO di bawah kepimpinan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Sekarang jika betul Datuk Musa hendak bersara daripada politik, maka harapan Datuk Abdullah untuk kembali semula di dalam kepimpinan politik dan menjadi orang nombor dua selepas Datuk Musa Hitam boleh dikira musnah dan hancur berkecaci, kecuali jika Encik Ghafar mengambil alih kuasa politik dan eksekutif kerajaan. Kedudukan Datuk Abdullah disini, bagaikan

terawang-awang dan tidak menentu, terutamanya mengingatkan saingen terdekatnya ialah Sdr. Anwar Ibrahim, seorang pemimpin muda yang penuh visi dan misi.

Anwar dikira tidak sebulu dengan Encik Ghafar, malah dikatakan tidak sebulu juga dengan Datuk Musa Hitam. Jika Encik Ghafar berkuasa atau kalau Datuk Musa kembali semula menjadi orang nombor dua selepas Ghafar Baba seperti kembalinya Tun Dr. Ismail ke dalam UMNO pada zaman Tun Abdul Razak dulu, maka Datuk Abdullah Badawi dikira akan memperolehi peluang terbaik untuk melonjak kembali ke atas meninggalkan Anwar.

Tetapi perhitungan ini adalah hipotesis politik di peringkat eksekutif semata-mata, sedangkan kepimpinan UMNO sebenarnya berada di bawah kekuasaan *grass-root* parti. Merekalah yang akan menentukan siapakah yang lebih layak menjadi pemimpin parti selepas ketidaaan Dr. Mahathir Mohamad. Saya akan membincangkan hal ini lebih lanjut di dalam bab yang akan datang.

Kesimpulan daripada bab ini ialah bahawa jika perletakan jawatan Datuk Musa Hitam telah menimbulkan ketegangan politik dan merosakkan perpaduan UMNO, maka saya fikir persaraan beliau di dalam politik adalah satu tindakan politik yang wajar sekali. Ini sekurang-kurangnya akan menyelamatkan pergolakan politik di dalam parti, di samping dapat mengurangkan ketegangan dan perebutan kuasa di dalam parti yang baru di tubuhkan itu.

12 . SIAPA DAJAL UMNO ATAU MAHATHIR?

Tentangan politik terhadap Barisan Nasional, khasnya UMNO dan khususnya Dr. Mahathir Mohamad bukan saja daripada kalangan pemimpin politik pembangkang seperti Tengku Razaleigh Hamzah, Ustaz Fadzil Noor dan Lim Kit Siang, tetapi juga oleh pesara-pesara politik seperti Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Hussein Onn dan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas.

Tentangan ini secara khususnya ialah tentang terhadap kepimpinan politik Mahathir yang dikatakan zalim, kejam dan diktator. Sejak Dr. Mahathir mengambil alih kuasa politik daripada Tun Hussein pada tahun 1981, tuduhan-tuduhan serupa itu telah mula dilemparkan kepadanya, terutama mengenai skandal BMF, krisis pindaan Perlembagaan dengan Raja-raja Melayu, perletakan jawatan Datuk Musa Hitam, penyingkiran beberapa orang ahli kabinet, pembubaran UMNO lama dan pemecatan Ketua Hakim Negara.

Salah satu tentang yang dikira paling menarik ialah kritikan-kritikan yang dilemparkan oleh bekas Yang Dipertua UMNO dan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj terhadap UMNO dan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir

Mohamad. Dalam sejarah politik UMNO, Tunku Abdul Rahman dengan Dr. Mahathir bukanlah sahabat yang sejati walaupun kedua-duanya anak negeri Kedah Darul Aman. Antara kedua-duanya bukan saja dipisahkan oleh darah keturunan dan darjah yang berasingan, tetapi juga oleh sikap dan pemahaman politik yang berbeza. Tunku pernah memecat Mahathir dari UMNO dan Mahathir pula pernah menulis surat mengecam Tunku dan menulis buku 'Malay Dilemma' mengecam pemerintahan Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa 13 Mei dulu. Pendeknya, antara kedua pemimpin ini terdapat jurang yang terpisah-pisah dan berlawanan di antara satu dengan yang lain.

Sebenarnya antara kedua-dua pemimpin ini, tersimpan satu khazanah perkhidmatan dan sumbangan yang amat berharga kepada bangsa dan negara. Tunku adalah pejuang dan bapa kemerdekaan. Ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun justeru Presiden Sukarno pernah mendakwa bahawa kemerdekaan Malaya diterima di atas dulang emas, tanpa pengorbanan darah patriotik bangsa, sementara Mahathir pula adalah pengisi pembangunan kemerdekaan yang lebih moden dan terbuka. Kedua-duanya akan dikenang dan dikaji oleh generasi abad kedua puluh satu.

Baru-baru ini Tunku telah membuat dua kenyataan yang mengejutkan orang-orang Melayu UMNO. Kenyataan pertamanya mengenai wujudnya usahawan-usahawan Melayu yang lahir pada zaman Mahathir 'tidak pandai' bermiaga. Kebanyakannya hanya menjadi broker dan Ali Baba saja di dalam perniagaan dan perusahaan. Akhirnya tanpa pengetahuan perniagaan yang cukup, kebanyakan pengusaha-pengusaha Melayu jatuh bankrap.

Kenyataan keduanya ialah berhubung dengan kepimpinan politik UMNO. Tunku mensifatkan bahawa UMNO baru adalah haram dan pertubuhan tersebut tidak ubahnya seperti Dajal menarik hati saya. Ia bukan saja satu kenyataan yang mengejutkan, tetapi juga memalukan orang-orang Melayu UMNO sendiri.

Siapa itu Dajal sebenarnya? Adakah Tunku bermaksud kedajalan UMNO berpunca daripada Mahathir kerana Mahathir itu seorang pemimpin UMNO dan Dajal itu seorang makluk Allah yang akan lahir menjelang akhirnya dunia sebagai pengacau kepada manusia dan pendusta besar kepada Allah? Jikalau Tunku

bermaksud Dajal itu Mahathir Mohamad, apakah lawan Mahathir seperti Ustaz Fadzil Noor sebagai Nabi Isa a.s. dan Tengku Razaleigh Hamzah itu sebagai Imam Mahadi yang kedua-duanya (ada hadis yang berkata Nabi Isa dan Imam Mahadi itu satu) dilahirkan semula oleh Allah untuk menyelamatkan manusia yang disesatkan oleh Dajal menjelang kiamatnya dunia ini nanti?

Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said Al-Mahadi dan disampaikan oleh Imam Ahmad telah menyebutkan antara lain berbunyi:

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

'Aku membawa berita baik kepada kamu dari hal Al-Mahadi yang bangkit di tengah kekacauan, lalu ia memenuhi bumi dengan keadilan dan kesaksamaan, sebagaimana bumi ini penuh dengan kezaliman dan kekejaman. Ia diredayai oleh penduduk langit dan penduduk di bumi'

Adakah ayat ini membawa makna bahawa tuduhan Tunku itu sama dengan apa yang diriwayatkan oleh Abu Said Al-Mahadi kepada Imam Ahmad? Jika ayat ini membawa makna begitu, adakah Tunku sama seperti Abu Said 'atau Imam Ahmad' atau seorang Rasul yang boleh mendakwa begitu?

Di dalam bab 'Sikap dan Pemikiran Parti-parti Politik', saya ada menyebutkan bahawa pandangan parti-parti pembangkang seperti PAS dan Semangat 46 terhadap UMNO adalah sama iaitu buruk, rakus, zalim, palsu dan mungkar. Pandangan dan anggapan ini berdasarkan pemikiran dan pemahaman yang lahir daripada sikap dan pendirian seseorang atau segolongan orang. Selagi pandangan atau pendapat itu belum dibuktikan kebenaran dalam faktanya, selagi itulah ia masih bersifat subjektif.

Di dalam konteks ini, tuduhan Tunku itu, walaupun dibuat berdasarkan misalan, tamsil dan ibarat semata-mata, tetapi jika kita berpegang kepada konsep kebenaran yang bersifat subjektif tadi, ia boleh didakwa sebagai benar, iaitu UMNO itu sama seperti Dajal dan Mahathir juga adalah penjelmaan Dajal itu sendiri. Ini sesuai dengan pandangan parti PAS dan Semangat 46 bahawa UMNO itu buruk, rakus, zalim, palsu dan mungkar, iaitu ciri-ciri yang hampir sama dengan watak Dajal yang digambarkan oleh Hadis-hadis Nabi mengenai kemunculan Dajal, Nabi Isa atau Imam Mahadi yang saya sebutkan tadi.

Soalnya sekarang ialah adakah pemerintahan Mahathir sekarang mendekati kezaliman Dajal yang dikatakan oleh Tunku

Abdul Rahman itu? Jika benar sejauh mana kebenarannya?

Persoalan ini perlu dikaji dengan teliti dan dilihat daripada pelbagai sudut. Saya mungkin seorang yang tidak mempunyai kelayakan untuk membahaskan soal ini secara akademik. Tetapi sebagai seorang rakyat, seorang orang Melayu yang pernah mengalami pemerintahan di bawah kepimpinan Tunku, di bawah kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak, di bawah pemerintahan Allahyarham Tun Hussein Onn dan sekarang di bawah pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad, saya berpendapat bahawa tuduhan Tunku itu sebagai keterlaluan, kejam, tidak tepat, sukar masuk di akal dan nyanyuk.

Penolakan saya terhadap tuduhan Tunku itu bukan bermakna bahawa saya bersetuju dengan pemerintahan Mahathir seratus peratus. Ada beberapa perkara yang dilakukannya, yang dibuatnya dan yang dijalankannya tidak saya setujui dan tidak saya sukai. Isu pindaan Perlembagaan misalnya, isu pengharaman UMNO umpamanya, isu pemecatan Ketua Hakim Negara contohnya, adalah perkara-perkara besar yang tidak saya setujui dan tidak saya sukai. Saya percaya sebahagian besar rakyat yang lain juga tidak bersetuju dengan tindakan-tindakan Dr. Mahathir itu.

Walaupun saya tidak bersetuju dengan beberapa perkara yang dijalankan oleh Dr. Mahathir itu, ini tidak membawa makna bahawa saya tidak bersetuju dengan kesemua perkara yang dilakukannya. Dalam banyak perkara dan hal yang lain, saya masih bersetuju dengan tindakannya. Perkara besar dan utama yang saya bersetuju ialah bahawa Dr. Mahathir telah membawa negara ini mencapai kemajuan yang lebih pesat dan moden, menjadikan rakyat negara ini celik huruf, terbuka pemikiran dan makmur penghidupan. Di mata dunia, doktor itu telah berjaya mendedahkan Malaysia menjadi sebuah negara yang berani, cekap dan dihormati. Tiga perkara besar ini bukanlah mudah untuk dicapai. Ia memerlukan kecekapan dan kebijaksanaan daripada seorang pemimpin. Bolehlah saya katakan bahawa disamping keburukan-keburukan pemerintahan Mahathir, pada umumnya kebaikan dan kecermerlangan yang lebih besar dan luas telah dicapai oleh pemimpin dari Kedah itu.

Memang untuk mencapai prestasi kejayaan ini, banyak persoalan ranjau dan durinya. Ini tidak dapat dielakkan. Ciri-ciri kerakusan kuasa, penyelewengan, skandal, kezaliman dan

kepalsuan biasanya akan mudah terjadi apakala, dalam banyak hal, ada orang yang cemburu, dengki dan khianat dan cuba untuk mengalah pandangan, sikap dan kecenderungan untuk mencetuskan kegelisahan, rasa tidak puas hati dan sebagainya. Wujudnya ISA, OSA, Akta Polis dan Akta Mesin Cetak, Akta Pendidikan 1990 dan sebagainya adalah akibat dari adanya kecenderungan pihak-pihak yang cemburu dan berhasad dengki tadi.

Bagi sesiapa saja yang menjadi pemimpin seperti Mahathir, tindakan-tindakan yang dilakukannya itu, juga tidak dapat dielakkan. Ini terpaksa dilakukannya, demi bukan saja untuk kepentingan kepimpinannya, tetapi juga demi untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat pada umumnya. Sebab itu di dalam pemerintahan Mahathir, terutamanya di dalam keadaan di mana orang-orang yang pandai dan berilmu semakin banyak menjadi penyangak, perompak dan penyamun di negaranya sendiri, kita melihat bahawa ISA, OSA dan pelbagai akta lain terpaksa digunakan. Penggunaan akta ini, sekalipun buruk dan zalim, ia terpaksa digunakan supaya ‘intelektual-intelektual liar’ yang wujud di negara ini, yang suka membuat honar dan kacau di dalam apa yang disebut ‘kebebasan rakyat’ dapat dimasukkan ke dalam kurungan ISA atau OSA.

Dalam keadaan seperti ini, kita tidak boleh menyalahkan UMNO atau Mahathir semata-mata. Sebagai sebuah parti, UMNO adalah milik orang-orang Melayu. Jikalau Mahathir berjaya menjadi pemimpinnya, walaupun berjaya atas undi subsidi, itu bermakna majoriti orang-orang Melayu masih suka kepadaanya, masih memerlukan kepimpinannya.

Cuma sebagai manusia biasa, sebagai hamba Allah, manusia seperti Mahathir tidak dapat mengelakkan dirinya daripada melakukan kesilapan. Ada banyak kesilapan yang dilakukannya di samping ada banyak kebaikan yang dilakukannya. Antara keduanya, kita melihat bahawa kebaikan untuk rakyat adalah lebih penting daripada keburukan yang ada di dalam dirinya sendiri. Mahathir itu tidak penting bagi kita. Yang penting ialah apa yang telah dibuatnya untuk kebaikan dan kemajuan bangsa, agama dan negaranya sendiri. Ini yang mustahak dan ini yang patut kita kaji dan kita nilai. Di dalam konteks ini, boleh saya katakan bahawa Mahathir adalah sebatang lilin. Dia bersedia membakar dirinya, dia bersedia menjadi kayu api untuk dibakar

oleh orang lain, asalkan cahaya dan apa yang dibakar di atas unggul api itu memberikan manfaat kepada orang lain.

Berdasarkan hujah dan pandangan ini, adalah tidak betul dan adalah tidak wajar apabila Tunku menyamakan UMNO atau Mahathir seperti makhluk Dajal. Alasannya Dajal diturunkan oleh Tuhan untuk memusnahkan kebaikan-kebaikan manusia dan menjadi pendusta yang besar, sedangkan Mahathir, sehingga ini, di samping mempunyai keburukan-keburukan menurut pandangan pemimpin PAS, Semangat 46 dan DAP, beliau juga mempunyai pelbagai kebaikan di dalam pemerintahannya. Oleh itu, menyamakan UMNO atau Mahathir sebagai Dajal atau menyerupainya, adalah suatu tuduhan melulu, tidak masuk akal dan palsu. Dajal seperti yang digambarkan oleh setengah-setengah ulama, sebagai seorang makhluk yang mempunyai kuasa yang luar biasa. Dia mendakwa bahawa dia berkuasa memasukkan manusia ke dalam syurga atau neraka. Dia berjaya dengan dakwaannya itu sehingga manusia berduyun-duyun datang menyembahnya sebagai Tuhan. Soalnya adakah Mahathir berkuasa seperti itu? Adakah rakyat Malaysia berduyun-duyun datang ke Sri Taman untuk meminta Mahathir memasukkan mereka ke dalam syurga atau neraka?

Saya percaya bahawa Tunku sebagai ahli fikir dan bapa kemerdekaan tidak akan berniat begitu. Mungkin tuduhannya itu diputarbelitkan oleh media cetak yang dianggap primitif itu. Akhbar-akhbar memang suka sangat memutarbelitkan kenyataan Tunku. Akhbar sekarang bukan macam akhbar zaman Tunku dulu. Akhbar sekarang dimodali oleh kepimpinan politik tertentu. Kerana itu berita-berita yang boleh membawa mudarat kepada pihak pembangkang akan sengaja dibesar-besarkan dan diulang cetak beberapa kali, supaya pembaca benci kepada pihak pembangkang. Adakah akhbar-akhbar serupa ini juga boleh kita golongkan sebagai suara Dajal, Tunku?

Saya pulangkan semua tanggapan ini kepada pemikiran Tunku sendiri. Saya percaya sekalipun Tunku tidak akan bersetuju dengan semua pemikiran ini, namun sedikit sebanyak, ketika Tunku sedang mengadap Tuhan, ketika Tunku sedang berzikir di atas sejadah, mudah-mudahan Tuhan akan memberkati Tunku dengan penuh syahdu. Mudah-mudahan ketika usia Tunku semakin lanjut dan uzur, Tunku dapat menolak daripada berkata-kata yang memudaratkan kesihatannya dan dirinya sendiri.

Mudah-mudahan Tuhan akan mengampunkan segala dosanya pada zaman dulu dan pada zaman terakhir yang sedang dilaluinya. Allah itu Maha Besar dan Maha Pengampun!



Tunku Abdul Rahman



Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad



Sdr. Anwar Ibrahim



Datuk Abdullah Hj. Ahmad Badawi



Tengku Razaleigh Hamzah



Encik Lim Kit Siang



Ustaz Fadzil Noor



Encik Karpal Singh



Datuk Harun Hj. Idris



Tan Sri Dato' Muhamad Mohd Taib




Datuk Shahrir Abd Samad



Dato' Sri Dr. Ling Liang Sik



Datin Paduka Zaleha Ismail



Encik Ghafar Baba



Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yasin



Datuk Musa Hitam

BUKU SEMANGAT 46

**ATAS KEHENDAK RAKYAT
KUASA RAKYAT
KEPUTUSAN RAKYAT**

**SIAPA KATA
BARISAN NASIONAL
TIDAK
BOLEH KALAH?**

BAB I

JUMLAH KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMEN DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN PECAHAN PENGUNDI MELAYU DAN BUKAN MELAYU BERDASARKAN PILIHANRAYA UMUM TAHUN 1986.

Jumlah kawasan pilihanraya Parlimen di Semenanjung Malaysia ialah 132. Kawasan-kawasan ini dibahagikan kepada lapan kumpulan untuk memberi gambaran yang jelas, apa yang akan berlaku apabila Semangat 46 dan rakan-rakan dalam Angkatan, dan DAP berkerjasama di kawasan-kawasan majoriti bukan Melayu, kawasan-kawasan campuran dan kawasan-kawasan majoriti Melayu di antara 60% hingga 80%.

Sokongan orang Melayu terhadap Semangat 46 berdasarkan keputusan pilihanraya-pilihanraya kecil yang diadakan sejak tahun 1987, sokongan para perwakilan UMNO terhadap Tengku Razaleigh apabila beliau bertanding jawatan Presiden UMNO tahun 1987, ahli-ahli terdaftar sebanyak 600 000 orang dan orang-orang Melayu yang keluar mendengar ceramah pemimpin-pemimpin Semangat 46 di seluruh negara.

Sebaliknya, DAP tidak dapat dikalahkan oleh MCA,GERAKAN atau MIC, di semua kawasan majoriti Cina 60% ke atas, tetapi DAP menghadapi masalah penyokong Melayu di dalam kawasan majoriti Cina antara 50% hingga 60%, dan kawasan campuran.

Apabila penyokong-penyokong Semangat 46 dan DAP atau ahli-ahli Angkatan yang lain bergabung untuk menyokong di antara satu dengan yang lain dalam 99 kawasan tersebut di atas, apakah peluang kumpulan pakatan ini untuk menawan kawasan-kawasan tersebut?

2. Apabila Semangat 46 dan PAS bekerjasama dalam 33 kawasan majoriti Melayu 80% ke atas, adakah kawasan-kawasan ini boleh ditawan oleh gabungan penyokong kedua-dua parti politik dengan bantuan ahli-ahli Angkatan yang lain?

3. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa trend pengundi majoriti orang bukan Melayu di Semenanjung Malaysia tidak menyokong kerajaan atau BN. Keputusan pilihanraya-pilhanraya kecil baru-baru ini juga menunjukkan trend

yang serupa, di mana pengundi majoriti Melayu menyokong calon bebas yang disokong oleh Semangat 46, calon-calon Semangat 46 dan calon-calon PAS dalam 4 daripada 5 kawasan pilihanraya Negeri dan 2 kawasan Parlimen.

Trend baru bagi majoriti pengundi Melayu dalam 2 kawasan Parlimen di luar negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah, adalah satu fenomena baru bagi orang Melayu, sebelum ini, parti pembangkang Melayu seperti PAS hanya dapat sokongan majoriti orang Melayu di kawasan-kawasan pilihanraya Negeri atau Parlimen di negeri-negeri tersebut di atas. Sekarang Semangat 46 telah mendapat sokongan majoriti orang Melayu daripada negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

4. Ini adalah pertama kali dalam sejarah politik Malaysia bahawa majoriti orang Melayu sudah mengambil tindakan yang sama seperti saudara-saudara Melayu mereka di Pantai Timur dan saudara-saudara bukan Melayu mereka di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Apakah yang telah mempengaruhi perubahan dalam trend mengundi oleh majoriti orang Melayu dalam pilihanraya-pilihanraya kecil tersebut bukanlah satu isu. Tetapi soalan yang akan terjawab oleh trend baru ini ialah apabila perubahan tersebut berlaku di seluruh negeri-negeri Semenanjung Malaysia, rakyat Malaysia akan menyaksikan satu sejarah sedang muncul di mana satu kerajaan yang disokong oleh majoriti semua kaum di Semenanjung Malaysia akan terbentuk atas kehendak rakyat, iaitu atas kehendak rakyat satu kumpulan baru akan membentuk kerajaan di negara ini.

5. Sebelum ini, DAP hanya hidup sebagai parti pembangkang sebab sistem di negara ini tidak memberi peluang kepada mana-mana parti politik bukan Melayu yang berjuang bersendirian berkeupayaan menawan kerusi yang cukup untuk membentuk kerajaan biarpun parti tersebut disokong oleh majoriti orang bukan Melayu.

Sebaliknya, PAS menerima nasib yang sama dengan DAP sebab PAS juga mengharapkan sokongan daripada satu kaum sahaja, iaitu orang Melayu. Oleh sebab PAS dan DAP tidak mahu bekerjasama untuk memenangi pilihanraya, maka kedua-dua parti bergiat sebagai parti pembangkang sahaja.

6. Pakatan Baru yang diketuai oleh pucuk pimpinan Semangat 46 akan membawa nafas baru kepada sistem politik negara kita. Semangat bekerjasama dengan kumpulan Melayu di dalam Angkatan, sebagai satu kumpulan sementara itu Semangat 46 bekerjasama dengan DAP dalam kumpulan yang satu lagi. Kerjasama seperti ini adalah satu perkara biasa di mana-mana dunia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Siapa yang mempersoalkan amalan ini adalah orang yang takut dikalahkan. Kalau tidak takut dikalahkan buat apa persoalkan perkara biasa. Kerjasama Semangat dan PAS dalam Angkatan dan kerjasama Semangat dengan DAP tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapat kerusi yang cukup untuk membentuk kerajaan apabila diberi sokongan oleh majoriti rakyat.

Sebaliknya apabila majoriti rakyat mahu BN kalah dan Tuhan restui, siapa kata tidak boleh kalah.

Cabarannya terhadap BN bukanlah satu impian sebagaimana yang terbukti dalam pilihanraya kecil baru-baru ini dan dalam pilihanraya umum tahun 1986 di mana majoriti rakyat Melayu tidak menyokong BN dan majoriti rakyat bukan Melayu tidak menyokong BN. Apabila trend ini berterusan sehingga pilihanraya umum akan datang, BN tidak dapat berkuasa semula.

Rakyat akan melakukan ini semua melalui proses demokrasi dan berdasarkan kehendak majoriti rakyat di negara ini, iaitu kuasa rakyat, sebagaimana yang sedang kita saksikan berlaku seluruh dunia.

KUMPULAN A
KAWASAN MAJORITI CINA DI ATAS 60%-15 KERUSI

BIL.	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Tanjong	4.6	87.0	8.0	0.4
2.	Pasir Pinji	8.6	86.4	4.2	0.8
3.	Bukit Bintang	8.3	83.5	7.9	0.3
4.	Seputeh	7.6	83.1	8.6	0.7
5.	Kepong	10.3	80.6	8.5	0.6
6.	Batu Gajah	14.1	75.8	10.1	-
7.	Kampar	16.3	75.0	8.5	0.2
8.	Bukit Bendera	13.9	74.1	10.3	1.7
9.	Kota Melaka	22.4	71.7	3.5	2.4
10.	B. Mertajam	23.4	67.3	9.0	0.3
11.	Ipoh	12.3	66.4	19.7	1.6
12.	Jelutong	24.1	64.7	10.6	0.6
13.	Bayan Baru	25.5	64.5	9.1	0.9
14.	Bagan	20.9	63.0	15.5	0.6
15.	Petaling Jaya	27.0	61.0	10.6	1.4

KUMPULAN B
KAWASAN MAJORITI CINA 50% HINGGA 60% -
11 KERUSI

BIL.	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Sungai Besi	31.4	59.0	8.7	0.9
2.	Kluang	36.2	58.9	4.9	-
3.	Kelang	23.8	58.6	16.5	1.1
4.	Seremban	31.0	56.7	11.5	0.8
5.	Puchong	27.3	55.5	15.0	1.2
6.	Bentong	34.6	55.9	8.7	0.8
7.	Taiping	30.9	55.0	12.9	1.2
8.	Bakri	43.8	54.4	1.8	-
9.	Beruas	33.9	53.3	12.8	-
10.	Senai	41.1	52.8	6.1	-
11.	Segamat	42.1	50.0	7.8	0.1

KUMPULAN C
KAWASAN CAMPURAN-14 KERUSI

BIL.	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Sepang	48.2	28.4	21.7	1.7
2.	Hulu Langat	48.1	41.6	9.6	0.7
3.	Raub	47.7	43.9	7.2	1.2
4.	Hulu Selangor	45.8	34.0	19.1	1.1
5.	Batu	45.5	39.8	13.9	0.8
6.	Tanjong Malim	44.2	36.1	17.8	1.9
7.	Tapah	42.3	38.2	13.1	6.4
8.	Lumut	40.9	46.5	12.3	0.3
9.	Labis	38.3	46.7	14.9	0.1
10.	Nibong Tebal	38.1	46.2	14.6	0.1
11.	Gopeng	38.0	45.9	13.1	3.0
12.	Teluk Intan	33.6	45.4	20.8	0.2
13.	Sungai Siput	31.0	46.0	16.6	6.4
14.	Rasah	25.9	49.2	22.8	1.1

KUMPULAN D
KAWASAN MAJORITI MELAYU 50% HINGGA 60% - 27
KERUSI

BIL.	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Batu Berendam	58.6	36.3	4.7	0.4
2.	Kuantan	58.4	35.9	5.5	0.2
3.	Bagan Datok	58.3	18.5	23.2	-
4.	Kuala Langat	58.3	26.5	14.4	0.8
5.	Temerloh	57.7	34.7	5.0	2.6
6.	Shah Alam	57.6	17.3	24.7	0.4
7.	Batu Pahat	57.0	41.3	1.6	0.1
8.	Jelebu	56.5	34.1	6.5	2.9
9.	Lembah Pantai	56.4	26.6	15.4	1.6
10.	Pulai	55.9	38.0	6.0	0.1
11.	Balek Pulau	55.7	39.9	4.2	0.2
12.	Kulim Bahru	55.4	30.2	13.8	0.6
13.	Teberau	55.4	34.2	10.3	0.1
14.	Padang Serai	55.2	20.6	23.7	0.5
15.	Sungai Petani	55.1	34.3	10.0	0.6
16.	Alor Setar	54.8	34.8	5.5	0.9
17.	Kuala Selangor	54.8	19.7	25.3	0.23
18.	Merbok	54.8	25.7	18.9	0.6
19.	Tambun	53.6	35.8	9.8	0.8
20.	Lipis	53.2	33.0	7.5	6.3
21.	Jempol	52.7	35.0	12.1	0.2
22.	Pontian	52.2	46.8	1.0	-
23.	Selayang	51.4	32.8	14.8	1.0
24.	Ledang	51.4	43.5	5.1	-
25.	Telok Kemang	51.3	28.2	19.8	0.7
26.	Johor Bahru	50.9	40.5	8.3	0.3
27.	Sc slender	50.8	35.4	13.6	0.22

KUMPULAN E
KAWASAN MAJORITI MELAYU 60% HINGGA 63% -
8 KERUSI

BIL.	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Mentakab	63.0	23.2	10.9	2.9
2.	Pagoh	62.7	32.5	4.8	-
3.	Bukit Gantang	62.5	28.0	9.2	0.3
4.	Sungai Benut	62.5	29.0	7.6	-
5.	Grik	62.4	25.4	4.8	7.4
6.	Mersing	62.1	34.9	2.9	0.1
7.	Parit Sulong	60.4	38.0	1.6	-
8.	Kapar	60.0	25.4	14.6	-

KUMPULAN F
KAWASAN MAJORITI MELAYU 63% HINGGA 70% - 11 KERUSI

BIL	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Kepala Batas	69.8	25.1	5.0	0.1
2.	Ampang Jaya	68.5	25.9	4.6	1.0
3.	Parit	67.8	28.6	2.9	0.7
4.	Jasin	67.7	22.8	9.4	0.1
5.	Parit Buntar	67.4	28.8	3.7	0.1
6.	Bagan Serai	67.2	17.3	15.5	-
7.	Muar	66.3	32.0	1.7	-
8.	Permatang Pauh	65.6	26.6	7.5	0.3
9.	Tampin	64.5	24.4	10.6	0.5
10.	Titiwangsa	63.8	26.2	9.6	0.4
11.	Kuala Kangsar	63.8	27.4	8.5	0.8

KUMPULAN G
KAWASAN MAJORITI MELAYU 70% HINGGA 80% - 13 KERUSI

BIL	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Pasir Salak	79.8	14.5	5.1	0.6
2.	Kota Bharu	78.7	19.0	1.2	0.3
3.	Tanjong Karang	78.2	20.2	1.8	-
4.	Kangar	78.1	18.1	2.6	1.2
5.	Alor Gajah	77.6	17.6	4.8	-
6.	Jerantut	77.2	19.6	2.4	0.8
7.	Kota Setar	75.6	22.0	1.9	0.5
8.	Sabak Bernam	75.2	18.7	6.0	0.1
9.	Tasek Gelugor	74.9	17.9	6.9	0.3
10.	Sri Gading	74.2	24.2	1.5	0.1
11.	Kuala Pilah	73.4	21.3	5.2	0.1
12.	Kota Tinggi	72.1	23.4	4.4	0.1
13.	Tasek Chenderoh	71.4	22.0	6.4	0.2

KUMPULAN H
KAWASAN MAJORITI MELAYU 80% KE ATAS - 33 KERUSI

BIL	KAWASAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN
1.	Kuala Nerus	99.2	0.6	0.2	-
2.	Setiu	99.1	0.7	0.1	0.1
3.	Hulu Terengganu	98.9	1.0	0.1	-
4.	Marang	98.7	1.2	0.1	0.02
5.	Nilam Puri	98.4	1.3	-	0.3

6.	Bachok	98.2	1.4	-	0.4
7.	Besut	98.0	1.8	0.2	-
8.	Kok Lanas	97.0	2.9	-	0.1
9.	Pasir Puteh	97.0	2.1	0.1	0.8
10.	Pengkalan Chepa	96.6	3.0	0.3	0.1
11.	Rantau Panjang	96.3	2.7	0.1	0.9
12.	Pasir Mas	94.8	3.0	0.2	2.0
13.	Machang	94.8	3.1	2.1	0.03
14.	Tanah Merah	94.8	4.0	-	1.2
15.	Dungun	93.2	6.2	0.5	0.1
16.	Tumpat	92.1	3.2	0.3	4.4
17.	Jerlun Langkawi	90.2	8.4	1.0	0.4
18.	Padang Terap	90.0	4.0	0.6	4.4
19.	Rompin	89.4	3.0	2.0	5.6
20.	Baling	98.1	7.4	1.7	1.8
21.	Kuala Kerai	88.0	8.7	3.0	0.3
22.	Jerai	87.9	11.7	0.3	0.1
23.	Pendang	87.0	7.2	0.8	5.0
24.	Kemaman	85.9	13.0	1.0	0.1
25.	Arau	85.3	11.8	1.3	1.6
26.	Kuala Terengganu	85.2	13.8	0.6	0.4
27.	Kubang Pasu	84.1	10.9	3.5	1.5
28.	Maran	84.1	13.1	2.4	0.4
29.	Pekan	82.2	13.0	2.1	1.6
30.	Gua Musang	82.2	6.9	1.0	9.9
31.	Sik	81.1	6.4	8.5	3.5
32.	Larut	81.1	8.8	9.9	0.2
33.	Kuala Kedah	80.1	19.2	0.4	0.3

1. KUMPULAN A : 15 KERUSI

DAP menawan semua kerusi majoriti Cina di atas 60% dalam pilihanraya umum tahun 1986 dan akan mengekalkan kesemuanya dalam pilihanraya umum akan datang. Menurut tradisi trend pengundi majoriti orang cina adalah menyokong pembangkang atau anti Kerajaan.

2. KUMPULAN B : 11 KERUSI

Semua kawasan ini adalah majoriti Cina antara 50% hingga 60%. Dalam pilihanraya umum tahun 1986, DAP menang 3 kerusi, MCA 5, Gerakan 2 dan MIC 1.

Walaupun majoriti pengundi Cina menyokong DAP tetapi jumlah tersebut tidak cukup untuk memenangi kawasan-kawasan tersebut kerana undi bukan-Cina adalah antara 40% hingga 49% di semua kawasan tersebut dan orang Melayu khususnya tidak gemar mengundi DAP. Oleh yang demikian, calon-calon MCA, Gerakan atau MIC memerlukan ini apabila semua orang Melayu menyokong calon-calon mereka.

Walau bagaimanapun, keadaan akan berubah dalam pilihanraya umum akan

datang. Penyokong-penyokong DAP, Semangat 46 dan ahli Angkatan berada di semua kawasan seluruh Semenanjung Malaysia. Keadaan yang serupa akan berlaku di mana kekurangan undi yang diperolehi oleh seseorang calon akan dibantu oleh penyokong rakan sepakat untuk menjamin kemenangan kepada semua calon Semangat dan rakan-rakan.

Apabila penyokong-penyokong Semangat 46 dan ahli-ahli Angkatan yang lain menyokong calon-calon DAP dalam pilihanraya umum akan datang, semua calon Barisan akan kalah. Sokongan undi Melayu antara 10% hingga 20% adalah cukup untuk calon DAP menang dalam semua kawasan tersebut kerana DAP mendapat sokongan majoriti orang bukan-Melayu.

3. KUMPULAN C : 14 KERUSI

BN memenangi semua kawasan tersebut di atas dalam pilihanraya umum tahun 1986. Pertama tidak ada cabaran langsung kepada BN. DAP dapat menawan satu sahaja tetapi gagal memenangi yang lain biar pun DAP mendapat sokongan majoriti pengundi-pengundi bukan-Melayu. Kedua kawasan-kawasan ini bukan majoriti pengundi Cina dan tambahan pula pembangkang berpecah. Jadi BN senang menawan kerusi-kerusi ini.

Semangat 46 dan rakan-rakan sama ada dari Angkatan atau DAP tidak akan menghadapi masalah yang terlalu rumit untuk menewaskan calon-calon BN, dengan syarat mereka bekerja keras dalam semua kawasan, kerana gabungan penyokong Semangat 46 dan rakan-rakan akan melebihi penyokong-penyokong BN.

Sebelum ini, UMNO mendapat sokongan orang Melayu, sementara ahli BN yang lain seperti MCA, Gerakan dan MIC mendapat sokongan minoriti orang bukan-Melayu. Sekarang keadaannya berlainan. Semangat 46 dan kumpulan Angkatan mendapat sokongan majoriti orang Melayu dan DAP pun mendapat sokongan majoriti orang bukan Melayu.

4. KUMPULAN D : 27 KERUSI

Kawasan majoriti Melayu antara 50% hingga 60%. Semua kawasan ini mengandungi antara 40% hingga 49% pengundi bukan Melayu. Semuanya dimenangi oleh BN.

BN hanya memerlukan sedikit sahaja pengundi bukan-Melayu untuk menawan semua kawasan ini. DAP memang tidak boleh menang kerana kawasan majoriti Melayu. Biarpun semua kawasan ini majoriti Melayu tetapi majoritinya sedikit sahaja, iaitu dari 1% hingga 9% kerana banyak pengundi bukan-Melayu, jadi PAS susah untuk menang.

Sekiranya kita mengandaikan hanya 60% pengundi bukan-Melayu tidak mengundi BN, BN akan kalah dalam semua kawasan ini apabila 45% sahaja pengundi Melayu tidak menyokong BN. Apabila pengundi Melayu melebihi 45% tidak menyokong BN seperti yang telah terbukti dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang lalu, tidak ada jalan BN boleh mengekalkan semua kerusi tersebut. Keadaannya lagi bertambah parah kalau pengundi bukan-Melayu melebihi 60%.

Penjelasan tersebut di atas menunjukkan kedudukan BN dalam semua kawasan ini sungguh tidak selamat. Peluang Semangat 46 dan rakan-rakan untuk

menawan semua kawasan ini adalah cerah sekali. Kawasan dalam kumpulan ini adalah sangat mustahak kepada Semangat 46 dan rakan-rakan kerana 27 kerusi ini dan 8 dalam kumpulan E akan menentukan sama ada Semangat 46 dan rakan-rakan boleh membentuk kerajaan atau tidak. Ini ialah disebabkan bahawa Kumpulan A, B dan C nampaknya tidak ada masalah besar untuk memenangi semua kerusi tersebut, iaitu 40 kerusi ($15 + 11 + 4$).

Kawasan majoriti Melayu 80% ke atas, iaitu kumpulan H, di Kelantan, Terengganu dan Kedah boleh ditawan oleh gabungan penyokong-penyokong Semangat 46 dan PAS dengan bantuan penyokong-penyokong daripada rakan-rakan yang lain. 27 daripada 33 kerusi tersebut boleh dimenangi tanpa banyak masalah. Apabila kita jumlahkan kumpulan A, B dan C sebanyak 40 kerusi, H27 kerusi, D 27 kerusi dan E 8, kesemuanya ialah 102. Semangat dan rakan-rakan hanya perlukan 91 kerusi untuk membentuk kerajaan.

5. KUMPULAN E : 8 KERUSI

Kawasan ini ialah majoriti Melayu antara 60% hingga 63%. Keadaannya tidak jauh berbeza dengan Kumpulan D. Oleh itu, Semangat 46 dan rakan-rakan tidak sepatutnya menghadapi masalah yang besar untuk menawan semua kerusi ini dengan syarat Semangat 46 dan rakan-rakan bekerja keras untuk meyakinkan pengundi-pengundi bahawa BN boleh kalah. Pengundi-pengundi hendaklah diberitahu bahawa keadaan di mana-mana semuanya mahukan perubahan. Bukan sajalah majoriti bukan-Melayu tidak menyokong BN, sekarang majoriti Melayu pun tidak menyokong BN lagi sebagaimana yang telah terbukti dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang lalu.

6. KUMPULAN F : 11 KERUSI

Kawasan majoriti Melayu di antara 63% hingga 70%. Kedudukan kawasan-kawasan ini tidak jauh bezanya dengan kumpulan E. Peluang Semangat 46 dan rakan-rakan akan terjamin apabila majoriti rakyat daripada semua kaum di Semenanjung Malaysia menyokong perubahan. Semangat 46 dan rakan-rakan mesti bekerja keras untuk menyampaikan mesej kepada setiap pengundi bahawa BN tidak boleh menandingi kekuatan Semangat 46 dan rakan-rakan kerana majoriti semua rakyat BN sekarang seperti kuda tempang. Sokongan rakyat terhadap BN tidak lagi menyeluruh. Kalau dulu, hanya satu kaki yang patah kerana hanya majoriti pengundi bukan Melayu yang tidak menyokong. Sekarang kedua, kalau tidak keempat kaki sudah patah, kerana majoriti pengundi Melayu pun tidak menyokong BN lagi.

7. KUMPULAN G: 13 KERUSI

Kawasan majoriti Melayu antara 70% hingga 80%. Keadaan pengundi-pengundi dalam semua kawasan ini juga bukan berbeza dengan kawasan-kawasan lain. Apabila mereka yakin bahawa Semangat 46 dan rakan-rakan mempunyai peluang untuk mengalahkan BN, mereka juga berwaras fikiran seperti pengundi-pengundi yang lain. Politik dunia sudah berubah. Malaysia juga tidak akan ketinggalan atas kehendak rakyat yang lain di dunia.

8. KUMPULAN H: 33 KERUSI

Kawasan majoriti Melayu 80% ke atas. PAS menang 1 kerusi dan yang lain dimenangi oleh Barisan Nasional. 12 kawasan ini di Kelantan, 8 kerusi di Terengganu, 8 di Kedah, 3 di Pahang, 1 di Perak dan 1 di Perlis.

Peratus undi yang diperoleh oleh PAS dalam pilihanraya umum tahun 1986:-

P.32 KUALA NERUS

Turnout	24 350
BN	15 823
PAS	8 527

$$\frac{8\,527 \times 100}{24\,350} = 35\%$$

1. P. 32	Kuala Nerus	35%
2. P. 31	Setiu (Baru)	36%
3. P. 35	Hulu Terengganu	39%
4. P. 34	Marang	48.4%
5. P. 22	Nilan Puri	48.9%
6. P. 23	Bachok	49.59%
7. P. 30	Besut	40%
8. P. 25	Kok Lanas (Baru)	43.7%
9. P. 24	Pasir Puteh	44%
10. P. 18	Pengkalan Chepa	PAS menang
11. P. 21	Rantau Panjang	47%
12. P. 20	Pasir Mas	43%
13. P. 27	Machang	46.6%
14. P. 26	Tanah Merah	43%
15. P. 36	Dungun	38.5%
16. P. 17	Tumpat	47%
17. P. 3	Jerlun-Langkawi	39.9%
18. P. 5	Padang Terap	41%
19. P. 81	Rompin (Baru), Pahang	24%
20. P. 13	Baling	39%
21. P. 28	Kuala Krai	45.7%
22. P. 10	Jerai	44%
23. P. 9	Pendang	48.6%
24. P. 37	Kemaman	30%
25. P. 2	Arau, Perlis	38%
26. P. 33	Kuala Terengganu	40.6%
27. P. 4	Kubang Pasu (<i>PM's seat</i>)	28.5%
28. P. 77	Maran, Pahang	25%
29. P. 76	Pekan, Pahang	25%
30. P. 29	Gua Musang	29%
31. P. 12	Sik (Baru)	37.6%
32. P. 50	Larut, Perak	27%
33. P. 8	Kuala Kedah	47%

Di Perak dan Pahang, calon-calon PAS hanya mendapat undi Melayu antara 24% hingga 27%. 4 kawasan ini mungkin ditawan kembali oleh Barisan Nasional kecuali Semangat 46 boleh menarik sekurang-kurangnya 27% pengundi daripada Barisan Nasional (termasuk undi bukan-Melayu) untuk dicampur dengan undi yang menyokong PAS dalam pilihanraya umum tahun 1986.

Kubang Pasu, mungkin ditawan kembali oleh Barisan Nasional kerana ini adalah kawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

Kawasan 28 yang lain boleh ditawan berdasarkan analisa berikut :

i) Calon-calon PAS atau Semangat 46 boleh menawan 18 kerusi, apabila 1% hingga 11% undi Barisan Nasional berubah dan mengundi calon-calon PAS atau Semangat kerana kekuatan PAS dalam semua kawasan tersebut dalam tahun 1986 adalah antara 40% hingga 49.59%.

ii) 8 kerusi yang lain boleh ditawan, apabila 16% sahaja undi Barisan Nasional berubah dan mengundi calon-calon PAS dan Semangat kerana kekuatan PAS dalam 8 kawasan ini dalam tahun 1986 ialah antara 35% hingga 39%.

iii) 1 kerusi lagi boleh ditawan, apabila 21% undi Barisan Nasional (Kemaman), di Terengganu berubah dan mengundi calon Semangat atau PAS kerana kekuatan PAS dalam tahun 1986 di kawasan ini ialah 30%.

Kalau jumlah undi ahli-ahli UMNO yang menyokong Tengku Razaleigh dalam pertandingan melawan Dr. Mahathir untuk merebut jawatan Presiden UMNO dalam tahun 1987 di mana Tengku Razaleigh mendapat 49% sokongan ahli-ahli UMNO, atau sokongan pengundi Melayu kepada calon-calon Semangat dan PAS, dalam pilihanraya kecil baru-baru ini berkekalan dan menyeluruh (rujuk analisa mengenai keputusan pilihanraya kecil tersebut di dalam buku kecil ini), bukan saja 28 kawasan ini dapat ditawan oleh Semangat dan PAS, tetapi semua 132 kawasan, termasuk kawasan Kubang Pasu, dapat ditawan oleh Semangat 46 dan rakan-rakan dalam Angkatan dan kerjasama Semangat 46 dengan DAP kerana kumpulan ini mendapat sokongan majoriti semua kaum.

BAB II

MAJORITI PENGUNDI BUKAN MELAYU TIDAK MENYOKONG CALON-CALON BN SEPERTI MCA, GERAKAN, MIC DAN UMNO.

CONTOH DALAM 5 KAWASAN.

3 KAWASAN CAMPURAN DAN 2 KAWASAN MAJORITI CINA ANTARA 50% HINGGA 60% DAN DIPILIH DARI KAWASAN-KAWASAN TERTENTU UNTUK MENGGAMBARKAN KEADAAN YANG MENYELURUH. ANALISA INI MEWAKILI KAWASAN YANG PALING TINGGI JUMLAH UNDI BUKAN MELAYU MENYOKONG CALON-CALON BN. CALON-CALON YANG DIPILIH MEWAKILI PEMIMPIN BN BUKAN-MELAYU SEBAGAI GAMBARAN SOKONGAN TERHADAP PENGUNDI BUKAN-MELAYU KEPADA BN.

P 64 GOPENG KAWASAN CAMPURAN

Jumlah Pengundi	35 034
Pengundi Melayu	13 314
Pengundi Cina	16 046
Pengundi India dan lain-lain	5674
Pengundi Keluar	24 419
Melayu	9280
Cina	11 184
India & lain-lain	3955
BN (Encik Tan Koon Swan)	14 009
DAP	7874
PAS	981
SDP	341
Pengundi Melayu	9280
PAS	981
Melayu Untuk BN	<u>8299</u>

Pengundi Melayu mengundi BN atau PAS atau merosakkan undi sekiranya mereka tidak suka kedua-duanya. Mereka tidak mengundi DAP atau SDP kerana kedua-dua parti dikuasai oleh pemimpin bukan-Melayu dan pengundi Melayu tidak mengundi DAP kerana menganggap DAP anti-Melayu.

Pengundi Bukan-Melayu	
Cina	11 184
India dan lain-lain	<u>3955</u>
	<u>15 139</u>
DAP dan SDP	8215
Pengundi Bukan-Melayu kepada BN	<u>6924</u>
BN	8299
	<u>6924</u>
	<u>15 223</u>
BN dapat	<u>14 009</u>
	1214
Undi Rosak	<u>518</u>
	<u>696</u>

Apabila dicampur 696 dengan undi bukan-Melayu yang BN perolehi, $6924 + 696 = 7620$, iaitu 50% jumlah undi Bukan- Melayu menyokong calon BN. Tetapi kalau undi 696 tidak dicampur, maka BN hanya mendapat sokong 46% pengundi bukan-Melayu.

Sekiranya semua pengundi Melayu dan India dan lain-lain mengundi BN.

Melayu	8299
India dan lain-lain	<u>3955</u>
	<u>12 254</u>

BN	14 009
Melayu, India dan lain-lain	12 254
Cina, BN	1755

- a) Jumlah undi 1755 hanya mewakili 16% pengundi Cina.
 b) 1755 mewakili 12% pengundi bukan-Melayu.

Berdasarkan analisa tersebut di atas, jumlah undi Cina atau bukan-Melayu mengundi BN bergantung kepada undi India dan lain-lain. Jumlah tersebut di atas berubah dari 50% hingga 82% kepada pembangkang dan dari 12% atau 16% hingga 46% dan 50% untuk BN sahaja.

P 89 HULU LANGAT KAWASAN CAMPURAN

Jumlah Pengundi	55 558
Melayu	48.1%
Cina	41.6%
India dan Lain-lain	10.3%
Pengundi Keluar	71.36%
Melayu	19 074
Cina	16 493
India dan Lain-lain	4084
BN (Dato Lee Kim Sai)	22 217
DAP	13 292
SDP	3208

DAP tidak mendapat banyak undi Melayu kerana sentimen Melayu kepada DAP, tambahan pula calon SDP ialah orang Melayu. Sekiranya mereka tidak suka Dato' Lee Kim Sai mereka tidak payah keluar mengundi atau rosakkan undi. Dalam pilihanraya tersebut terdapat 934 undi rosak. Sungguhpun SDP meletakkan calon Melayu tetapi SDP dikuasai oleh pemimpin Cina. Jumlah undi rosak yang begitu banyak sudah tentu bukan undi Cina kerana mereka banyak pilihan kerana ketiga-tiga calon adalah dari parti politik yang dikuasai oleh pemimpin-pemimpin Cina. Pengundi Cina mempunyai banyak pilihan.

Pengundi Cina	16 493
India dan lain-lain	4084
	20 577
DAP dan SDP	16 500
BN (Pengundi bukan-Melayu)	4077
Melayu	19 074
Bukan-Melayu	4077
	23 151
Undi Rosak	934
	22 217
BN dapat	22 217
	00 000

Analisa tersebut di atas nampaknya tepat. Kalaupun tidak berapa tepat tetapi lebih kurang. Ini menunjukkan sokongan bukan-Melayu terhadap BN di Ulu Langat hanya,

$$\frac{4077 \times 100}{20\,577} = 20\%$$

Sekiranya semua pengundi India dan lain-lain mengundi BN bersama-sama pengundi Melayu maka sokongan pengundi Cina akan lebih teruk. Gambaran ini menunjukkan bagaimana pengundi India dan lain-lain boleh mengubah keadaan.

P 62 BERUAS KAWASAN MAJORITI CINA ANTARA

50% HINGGA 60%.

Jumlah Pengundi	34 828
Pengundi Melayu	11 807
Pengundi Cina	18 563
Pengundi India	
dan lain-lain	4.92% 1706
Pengundi Keluar	74.92% 25 236
Pengundi Cina	13 451
Pengundi Melayu	8555
Pengundi India dan lain-lain	1278
BN	11 926
PAS	1594
DAP	10 911
Undi Rosak	805
 Pengundi Melayu	8555
PAS	1594
BN	<u>6961</u>
 Bukan Melayu,	
Cina	13 451
India dan lain-lain	1278
	<u>14 729</u>
DAP	10 911
	<u>3818</u>
BN,	
	6961
	3818
	<u>10 779</u>
 BN dapat	11 926
BN menurut analisa	<u>10 779</u>
	1147
Undi Rosak	805
Tidak diketahui	<u>342</u>

Kalau undi tidak di ketahui dicampur dengan undi bukan-Melayu $3818 + 342 = 4160$, iaitu,

$$\frac{4160 \times 100}{14\,729} = 28\%$$

Dalam kawasan ini hanya 28% pengundi bukan Melayu menyokong BN, sementara 72% menyokong DAP. Kalau semua undi India dan lain-lain mengundi BN bersama-sama orang Melayu keadaan bertambah lebih teruk lagi.

P.54 TAIPING KAWASAN MAJORITI CINA ANTARA 50% HINGGA 60%

Jumlah Pengundi	56 599
Pengundi Melayu	30.9%
Pengundi Cina	55.0%
Pengundi India dan lain-lain	14.1%
Pengundi Keluar	66.0%
Pengundi Cina	20 544
Pengundi Melayu	11 543
Pengundi India dan lain-lain	5267
BN (Datuk Paul Leong)	20 969
DAP	15 325
Undi Rosak	1249
Pengundi Cina	20 544
India dan lain-lain	5267
	25 811
DAP	15 325
BN (Pengundi bukan Melayu)	10 486
Melayu	11 543
Bukan Melayu	10 486 +
BN menurut analisa	21 929
BN dapat	20 969
	960
Undi Rosak	1 249
	- 289

Kalau undi 289 ditolak dari undi bukan-Melayu yang diperolehi oleh BN, $10\,486 - 289 = 10\,197$ ialah

$$\frac{10\,197 \times 100}{25\,811} = 39\%$$

Taiping hanya 39% bukan Melayu mengundi BN sementara 61% mengundi DAP.

Kalau semua undi India dan lain-lain mengundi BN bersama-sama pengundi Melayu.

	11 543
	<u>5267</u>
Pengundi Melayu dan India mengundi BN	<u>16 810</u>
Jumlah undi BN dapat	20 969
Melayu, India dan lain-lain	<u>16 810</u>
Pengundi Cina	<u>4159</u>

a) Pengundi Cina, BN. $\frac{4159 \times 100}{20 544} = 20\%$

b) Pengundi bukan-Melayu $\frac{4159 \times 100}{25 811} = 16\%$

Analisa tersebut menunjukkan bahawa pengundi bukan-Melayu yang BN atau DAP dapat, ialah antara 16% hingga 20% kepada BN dan antara 80% hingga 84% kepada DAP. Tetapi, yang perlu ialah majoriti pengundi bukan-Melayu tidak mengundi BN.

P 72 BENTUNG, PAHANG KAWASAN MAJORITI CINA ANTARA 50% HINGGA 80%.

Jumlah Pengundi	39 270
Pengundi Cina	21 834
Pengundi Melayu	13 548
Pengundi India dan lain-lain	3888
Pengundi Keluar	29 091
Pengundi Cina	16 175
Pengundi Melayu	10 036
Pengundi India dan lain-lain	2880
BN (Datuk Chan Siang Sun)	16 777
DAP	10 055
PAS	1544
Undi Rosak	718
Pengundi Melayu	10 036
PAS	<u>1544</u>
Melayu untuk BN	<u>8492</u>

Pengundi bukan Melayu,	
Cina	16 175
India dan lain-lain	2880
	<u>19 055</u>
DAP	10 055
Pengundi bukan-Melayu	<u>9000</u>

BN mengikut analisa,	
Melayu	8492
Bukan-Melayu	9000
	17 492
BN dapat	16 777
	715
Undi Rosak	718
Tidak diketahui	-3

Undi bukan Melayu BN dapat,

$$\frac{9000 \times 100}{19\,055} = 47\%$$

Sekiranya semua pengundi India dan lain-lain mengundi BN bersama-sama orang Melayu.

Melayu	8492
India dan lain-lain	2880
	11 372
BN dapat	16 777
Melayu dan India dan lain-lain	11 372
	5405

$$a) \frac{5405 \times 100}{16\,175} = 33\% \quad b) \frac{5405 \times 100}{19\,055} = 28\%$$

- a) 5404 ialah 33% daripada jumlah semua pengundi Cina
- b) 5405 ialah 28% daripada semua pengundi bukan-Melayu

Oleh itu, jumlah pengundi yang diperolehi oleh BN atau DAP bergantung kepada undi India dan lain-lain, BN boleh dapat antara 28% atau 33% hingga 47%, sementara DAP akan dapat antara 53% hingga 67% atau 72%. Apa juga dianalisisan adalah terbukti bahawa majoriti bukan-Melayu tidak menyokong BN.

BAB III

KEPUTUSAN PILIHANRAYA-PILIHANRAYA KECIL SEMENJAK TAHUN 1987.

Keputusan pilihanraya-pilihanraya kecil tersebut membuktikan bahawa satu trend baru muncul di mana 6 daripada 7 keputusan membuktikan bahawa majoriti pengundi Melayu tidak menyokong Barisan Nasional. Dua daripada pilihanraya kecil tersebut ialah kawasan Parlimen, sementara 5 lagi ialah kawasan Dewan Undangan Negeri.

Di kedua-dua kawasan parlimen tersebut, majoriti pengundi Melayu tidak mengundi Barisan Nasional sementara 5 daripada 6 kawasan Dewan Undangan Negeri, majoriti pengundi Melayu tidak menyokong Barisan Nasional.

Banyak andaian yang telah dikemukakan tetapi agak susah hendak menyakinkan mana-mana pihak untuk menjelaskan kenapa majoriti pengundi Melayu dalam dua pilihanraya kecil kawasan Parlimen tidak mengundi Barisan Nasional. Ini adalah keputusan 100%, iaitu dua kawasan dipertandingkan dan dalam dua kawasan juga majoriti Melayu tidak menyokong Barisan Nasional.

Dalam 6 pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri hanya 1 yang mendapat sokongan majoriti orang Melayu. Dari segi perbandingan, iaitu 1 daripada 6. Bererti Barisan Nasional hanya mendapat sokongan majoriti orang Melayu sebanyak 17% dalam kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri atau ratio 1 : 6 di Semenanjung Malaysia.

$$\frac{(1 \times 100)}{6} = 17\%$$

Apakah yang menyebabkan pengundi-pengundi Melayu berbuat demikian sedangkan pucuk pimpinan UMNO BARU mengerahkan segala tenaga termasuk penggunaan jentera Kerajaan dan kuasa istimewa pihak pemerintah untuk berkempen dan mendapat sokongan, khususnya daripada pengundi-pengundi Melayu. Kenapa pengundi-pengundi Melayu sudah bertindak seperti pengundi-pengundi bukan-Melayu?

Apa sudah jadi kepada dasar-dasar kerjaan yang dilaung-laungkan oleh pucuk pimpinan UMNO BARU di mana faedahnya sudah banyak dinikmati oleh orang Melayu. Apa jadi kepada projek-projek yang diberi, waktu pilihanraya-pilihanraya kecil itu diadakan. Kenapa semuanya tidak dapat menarik majoriti pengundi Melayu menyokong Barisan Nasional. Apa jadi kepada jentera UMNO BARU yang kuat itu?

Bagaimana majoriti pengundi Melayu sudah berpaling tadah dengan sekejap mata, sedangkan cabaran Semangat 46 dan PAS belum jelas dapat menewaskan kepimpinan UMNO BARU kerana pilihanraya umum belum lagi diadakan di mana kerjasama tersebut terbukti berpeluang mengalahkan UMNO BARU. Bagaimana pula kalau cabaran Semangat 46, PAS dan rakan-rakan dalam Angkatan jelas dapat menewaskan UMNO BARU dan kerjasama Semangat 46 dengan DAP seterusnya dapat menewaskan anggota komponen yang lain di Semenanjung Malaysia. Adakah undi Melayu yang tidak menyokong UMNO BARU akan bertambah majoritinya ataupun sebaliknya. Tuhan sahaja yang tahu. Apa jadi kalau masing-masing calon berkempen sendirian?

KAWASAN PARLIMEN

I.P 130 JOHOR BAHRU (KAWASAN MAJORITI MELAYU)

Jumlah Pengundi	60 292
Pengundi Melayu	50.9%
Pengundi Cina	40.6%
Pengundi India dan lain-lain	8.5%
Pengundi Keluar	61.05%
Pengundi Melayu lebih kurang	18 736
Pengundi Cina lebih kurang	14 944

Pengundi India dan lain-lain lebih kurang	3128
BN	10 968
Bebas	23 581
PSRM	2260
Pengundi Melayu	18 736
BN	10 968
	7768

Sekiranya BN dapat semua pengundi Melayu pun sudah jelas bahawa pengundi tersebut cuma mewakili 41% sahaja. Bagaimana kalau ada pengundi bukan Melayu mengundi BN, sudah tentu jumlah tersebut berkurangan daripada 41%. Ini bererti hanya minoriti orang Melayu menyokong BN.

2.P 88 AMPANG JAYA (BARU) (KAWASAN MAJORITI MELAYU)

Jumlah Pengundi	69 849
Pengundi Melayu	68.5%
Pengundi Cina	25.9%
Pengundi India dan lain-lain	5.6%
Pengundi Keluar	62.39%
Pengundi Melayu lebih kurang	29 850
Pengundi Cina lebih kurang	11 287
Pengundi India dan lain-lain lebih kurang	2440
BN	23 719
Semangat 46	19 469
Pengundi Melayu	29 850
Semangat	19 469
Pengundi Melayu kepada BN	10 381

$$\frac{10\ 381 \times 100}{29\ 850} = 47\%$$

Semangat 46 mendapat 66%. Semuanya undi Melayu kerana calon Semangat ialah Datuk Harun Idris yang dikaitkan dengan kejadian Mei 13. Ini bererti BN hanya dapat 34% atau minoriti sokongan orang Melayu.

KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI Semua kawasan majoriti Melayu

1. N 33 TAMBATAN

Jumlah Pengundi	21 666
Pengundi Melayu	60.7%
Pengundi Cina	32.6%
Pengundi India dan lain-lain	6.7%

Pengundi Keluar	65.1%	14 121
Pengundi Melayu lebih kurang		8572
Pengundi Cina lebih kurang		4604
Pengundi India dan lain-lain lebih kurang		995
BN		7598
Semangat 46		6523
Undi Melayu		8572

50% daripada 8572 ialah 4286. Semangat dapat 6523 iaitu, lebih daripada 50%, sementara BN juga dapat lebih daripada 50% tetapi adalah tidak pasti kerana kedua-duanya calon Melayu dan adalah tidak diketahui kerana pengundi-pengundi bukan-Melayu membuang undi mereka. Tetapi ini ialah pilihanraya kecil dan kawasan Dewan Undangan Negeri. Ini bererti pengundi bukan-Melayu lebih dekat kepada pihak berkuasa, iaitu Kerajaan Negeri. Jadi mereka takut dituduh tidak menyokong kerajaan kerana lesen dan kemudahan-kemudahan lain yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri.

Kalau semua pengundi bukan Melayu lebih kurang berjumlah 5599 (Cina 4604 + 995 India dan lain-lain) mengundi BN maka undi Melayu yang BN dapat cuma ($7598 - 5599$), 1999 sahaja, iaitu 23% sahaja. Keputusan ini tidak mustahil. Kalaupun tidak tepat tetapi tidak jauh bezanya.

Keputusan tersebut membuktikan bahawa sekurangnya 50% pengundi Melayu mengundi calon Semangat 46.

4. N 20 PARIT RAJA

Jumlah Pengundi		19 625
Pengundi Melayu	81.0%	15 896
Pengundi Bukan Melayu	19.0%	3279
Pengundi Keluar	78.19%	15 345
Pengundi Melayu lebih kurang		12 430
Pengundi Bukan Melayu lebih kurang	2915	
BN		7262
Semangat 46		6849
Bebas		1234
Undi Melayu		12 430
50% ialah		6215

Semangat 46 memperolehi 6849 iaitu lebih daripada 50%. Semangat cuma tewas dengan undi 413. Bebas dapat 1234. Bagaimana kalau bebas tidak bertanding dan pengundi tersebut ialah pengundi Melayu. Pertama, sudah tentu Semangat 46 menang kalau pengundi tersebut mengundi calon Semangat 46. Kedua, kalau undi Bebas ialah pengundi Melayu, ini bererti, undi Melayu yang mengundi BN dan Semangat 46 hanya 11 196 sahaja.

Kalau undi Bebas ialah pengundi bukan-Melayu ini bererti jelas bahawa Semangat 46 mendapat sokongan sekurangnya 50% pengundi Melayu kerana kebanyakan undi bukan Melayu mengundi BN atas sebab yang sama seperti di Tambatan.

Bagaimana calon-calon Semangat 46 mendapat jumlah undi yang begitu banyak di Tambatan dan Parit Raja, mungkin kepimpinan UMNO dapat

menjelaskan. Tetapi apa yang jelas jumlah undi yang menyokong Semangat 46 tidak jauh bezanya.

